



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Kementerian/Jabatan/  
Agensi Dan Pengurusan  
Syarikat Kerajaan

**NEGERI SARAWAK**

**SIRI 1**







# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012**

---

Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi  
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI SARAWAK**

**SIRI 1**

**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**





---

# KANDUNGAN



# KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xi
<b>AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>	
<b>PENDAHULUAN</b>	3
<b>LEMBAGA PEMBANGUNAN KORIDOR WILAYAH LEMBAGA KEMAJUAN BINTULU</b>	
Pengurusan Projek Taman Perindustrian Samalaju	3
<b>JABATAN PERTANIAN SARAWAK</b>	
Pengurusan Program Pembangunan Ternakan	29
<b>JABATAN TANAH DAN SURVEI SARAWAK</b>	
Pengurusan Ukur Keliling Tanah Hak Adat Bumiputera	52
<b>PERBADANAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN SARAWAK</b>	
Daya Builders Sdn. Bhd.	67
<b>LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH SARAWAK</b>	
Mayang Tea Sdn. Bhd.	80
<b>PENUTUP</b>	99







---

# KATA PENDAHULUAN



# KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak memperkenankan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak.
2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Anti-Rasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentang di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2012 untuk sesi pembentangan pertama tahun 2013 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana hasrat Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 2 Jabatan, 2 Badan Berkanun dan 2 Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya. Bagi menambah baik

kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 20 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia**

**Putrajaya**

**20 Februari 2013**



---

# INTISARI LAPORAN



## AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

### 1. LEMBAGA PEMBANGUNAN KORIDOR WILAYAH LEMBAGA KEMAJUAN BINTULU

#### - Pengurusan Projek Taman Perindustrian Samalaju

1.1. Taman Perindustrian Samalaju (TPS) merupakan salah satu projek di bawah pembangunan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (*Sarawak Corridor of Renewable Energy* - SCORE) yang bertujuan membangun dan mentransformasikan negeri Sarawak kepada negeri maju pada tahun 2020. TPS terletak 60 kilometer dari bandar Bintulu dengan kawasan seluas 8,000 hektar. Pembangunan infrastruktur asas di TPS dibahagikan kepada 5 fasa dari tempoh tahun 2008 hingga 2020. Pada tahun 2020, projek ini dijangka dapat menjana Pendapatan Negara Kasar sejumlah RM47.9 bilion, menyediakan 22,789 peluang pekerjaan, menarik pelaburan swasta sejumlah RM102.6 bilion dan pelaburan awam sejumlah RM7.92 bilion. Setakat bulan Disember 2012, Lembaga Kemajuan Bintulu (LKB) telah menerima peruntukan sejumlah RM234.81 juta daripada Kerajaan Persekutuan melalui Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) dan sejumlah RM214.78 juta atau 91.5% daripadanya telah dibelanjakan. Antara perbelanjaan yang dibuat ialah pembayaran untuk pampasan tanah, perunding, survei dan kerja kontrak.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2012 mendapati pada keseluruhannya pengurusan projek TPS adalah memuaskan kerana berjaya menarik pelaburan sejumlah RM21.19 bilion melalui 11 projek yang diluluskan oleh MIDA serta mewujudkan 11,679 peluang pekerjaan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan infrastruktur asas bagi TPS iaitu:

- Projek gagal disiapkan mengikut jadual.
- Kualiti kerja tidak memuaskan.
- Pengurusan perolehan yang kurang teratur.
- Pembangunan infrastruktur belum lengkap sepenuhnya.

1.3. Sebagai langkah memantapkan lagi pengurusan pelaksanaan projek adalah disyorkan langkah seperti berikut:

**1.3.1.** Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah dan Lembaga Kemajuan Bintulu hendaklah mempertingkatkan kolaborasi agar prestasi perunding yang dilantik dan kontraktor boleh ditambah baik bagi menangani isu lewat jadual dan kualiti kerja.

**1.3.2.** Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah dan Lembaga Kemajuan Bintulu hendaklah memberi keutamaan serta mendapatkan dana bagi pembangunan infrastruktur asas dan utiliti.

**1.3.3.** Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah dan Lembaga Kemajuan Bintulu hendaklah menyediakan pelan jangka panjang bagi pelupusan sisa pepejal berjadual industri.

## **2. JABATAN PERTANIAN SARAWAK**

### **- Pengurusan Program Pembangunan Ternakan**

**2.1.** Jabatan Pertanian Sarawak (Jabatan) adalah bertanggungjawab untuk membangunkan industri ternakan dan menyediakan perkhidmatan veterinar di negeri Sarawak. Fungsi utama Jabatan adalah untuk menyediakan amalan sistem penternakan yang baik bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing, menjamin kesihatan haiwan yang optimum, memastikan kualiti produk ternakan supaya kesihatan awam terjamin dan menguatkuasakan *Veterinary Public Health Ordinance, 1999*. Program Pembangunan Ternakan (program) dijalankan oleh Jabatan dan aktiviti utamanya adalah pembangunan ternakan, menyediakan stesen kuarantin haiwan, makmal penyelidikan penyakit haiwan dan kesihatan awam veterinar, pusat pengeluaran baka ternakan dan kemudahan latihan serta penguatkuasaan ordinan. Objektif utama program ini adalah untuk menyokong pembangunan industri ternakan yang moden, lestari dan berdaya saing bagi memastikan kesihatan awam terjamin melalui perkhidmatan kesihatan awam veterinar yang efektif. Pada tempoh 2009 hingga 2012, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM53.73 juta atau 96.1% daripada RM55.89 juta yang diperuntukkan untuk membantu penternak di seluruh negeri Sarawak.

**2.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2012 mendapati pada keseluruhannya pengurusan program pembangunan ternakan adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan seperti:

- Serahan balik lembu *Cattle Pawah Programme* belum selesai walaupun telah melebihi tempoh perjanjian yang ditetapkan.
- Kadar kelahiran ternakan adalah rendah, manakala kadar kematian melebihi norma yang ditetapkan oleh Jabatan.
- Kaedah serahan balik lembu bagi projek EPP5 belum dimuktamadkan serta surat perjanjian belum ditandatangani.



- Perjanjian kontrak bagi perolehan ternakan tidak disediakan.
- Rekod pendaftaran ternakan di stesen ternakan tidak lengkap dan kemas kini.
- Pengurusan stesen ternakan lemah di mana penyenggaraan padang ragut kurang memuaskan dan tindakan pelupusan bagi kenderaan, jentera dan peralatan pertanian yang rosak belum dilaksanakan.
- Pembelian insinerator oleh Bahagian Veterinar tidak terancang.

**2.3.** Selepas teguran Audit, Jabatan Pertanian Sarawak memaklumkan bahawa satu bengkel telah diadakan untuk menggubal *Standard Operating Procedure* berkaitan semua proses pengurusan projek dan stesen ternakan.

**2.4.** Bagi memastikan program pembangunan ternakan dapat mencapai objektif yang ditetapkan dan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang adalah disyorkan:

**2.4.1.** Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah mengkaji semula strategi pelaksanaan bagi program pembangunan ternakan.

**2.4.2.** Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah memastikan ladang yang menyertai projek EPP5 dipilih daripada ladang di bawah CPP yang telah selesai membuat serahan balik lembu yang dipawahkan.

**2.4.3.** Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah memastikan surat perjanjian bagi projek EPP5 ditandatangani sebelum lembu diagihkan.

**2.4.4.** Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah memastikan perjanjian kontrak bagi perolehan ternakan ditandatangani bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

**2.4.5.** Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah memastikan stesen ternakan diurus dengan baik supaya tujuan penubuhan stesen ternakan tercapai terutamanya dari aspek pengurusan padang ragut, penyenggaraan dan pelupusan kenderaan, jentera serta peralatan pertanian.

**2.4.6.** Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah memastikan rekod berkaitan dengan program ternakan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini terutamanya rekod mengenai ternakan, aktiviti penguatkuasaan dan kawal selia penyakit ternakan di seluruh negeri Sarawak.

**2.4.7.** Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah memastikan perancangan rapi dibuat sebelum melakukan pembelian peralatan yang memerlukan pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling (1974) dan peraturan lain yang berkaitan.

### **3. JABATAN TANAH DAN SURVEI SARAWAK**

#### **- Pengurusan Ukur Keliling Tanah Hak Adat Bumiputera**

**3.1.** Negeri Sarawak memiliki tanah seluas 12.44 juta hektar. Daripada jumlah tersebut seluas 1.5 juta hektar dianggarkan Tanah Hak Adat Bumiputera atau *Native Customary Rights* (NCR). Pengenalan kepada ukur keliling tanah NCR adalah melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) Sabah/Sarawak *Bumiputera Lab (Bumi Lab)* yang diperkenalkan oleh PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertujuan untuk mengenal pasti langkah bagi menangani isu unik di Sabah dan Sarawak. Kerajaan Negeri melalui usaha sama dengan Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan Program Inisiatif Baru Tanah NCR bertujuan untuk memberi jaminan pemilikan ke atas tanah NCR melalui pengukuran keliling dan pewartaan di bawah Seksyen 6, *Sarawak Land Code* di mana peruntukan sejumlah RM60 juta telah diterima daripada Unit Penyelarasan Dan Pelaksanaan, JPM (UPP, JPM) bagi tempoh 2010 hingga 2012. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM47.81 juta telah dibelanjakan setakat akhir tahun 2012.

**3.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Oktober 2012 mendapati prestasi keseluruhan pengurusan ukur keliling tanah NCR adalah memuaskan kecuali kelemahan seperti berikut:

- Sasaran ukur keliling tanah NCR bagi tempoh 2011 dan 2012 yang ditetapkan tidak tercapai.
- Perbezaan anggaran keluasan tanah NCR yang dikemukakan semasa perbincangan di *Bumi Lab* dan keluasan tanah NCR untuk ukur keliling di bawah Program Inisiatif Baru Tanah NCR.
- Proses pewartaan mengambil masa yang lama.

**3.3.** Selepas teguran Audit, pihak Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak telah meminda sasaran tahunan dan pelaksanaan Program Inisiatif Baru Tanah NCR berdasarkan keluasan tanah 730,000 hektar.

**3.4.** Bagi mempertingkatkan Pengurusan Ukur Keliling Tanah NCR dan untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak mengambil tindakan seperti berikut:

**3.4.1.** Menetapkan sasaran kerja ukur secara realistik dengan mengambil kira faktor luar jangka di lapangan di samping meningkatkan keupayaan pasukan ukur supaya kerja ukur keliling tanah NCR dapat disiapkan mengikut jadual.

**3.4.2.** Memastikan anggaran kos ukur keliling adalah berdasarkan anggaran keluasan tanah NCR mengikut rekod JTS yang kemas kini dan faktor luar jangka di lapangan perlu diambil kira.

**3.4.3.** Memastikan proses pemertan tanah NCR mengikut norma yang telah ditetapkan.

#### **4. PERBADANAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN SARAWAK**

##### **- Daya Builders Sdn. Bhd.**

**4.1.** Daya Builders Sendirian Berhad (DBSB) merupakan syarikat yang menjalankan aktiviti pengurusan projek, projek pembangunan perumahan, pembinaan dan membekal perkhidmatan pengurusan hartanah. Mulai 1975, DBSB telah dilantik sebagai kontraktor *turnkey* bagi projek perumahan yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (HDC). Modal berbayar DBSB berjumlah RM1 juta dan dimiliki sepenuhnya oleh HDC.

**4.2.** Pengauditan yang dijalankan dari bulan Mei hingga Julai 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan DBSB adalah memuaskan kecuali beberapa kelemahan seperti berikut:

- Projek pembinaan lewat disiapkan.
- Perolehan kerja/perkhidmatan tidak dibuat secara sebut harga/tender.
- Jawatankuasa Tender dan Kewangan belum ditubuhkan.
- Rancangan Korporat belum disediakan.
- Terma perkhidmatan Setiausaha tidak dipatuhi.

**4.3.** Bagi menambah baik pengurusannya supaya lebih berdaya saing syarikat Daya Builders Sdn. Bhd. adalah disyorkan:

**4.3.1.** Mewujudkan Rancangan Korporat sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat.

**4.3.2.** Meningkatkan koordinasi yang lebih kukuh di antara Daya Builders Sdn. Bhd. dengan pihak perunding.

**4.3.3.** Mengamalkan tender terbuka untuk mendapatkan harga kontrak yang lebih kompetitif.

**4.3.4.** Memperkemarkan dan mengamalkan tadbir urus korporat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Buku Hijau sebagai amalan terbaik bagi menjaga kepentingan Daya Builders Sdn. Bhd. dan Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak.

## **5. LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH SARAWAK**

### **- Mayang Tea Sdn. Bhd.**

**5.1.** Mayang Tea Sdn. Bhd. (MTSB) merupakan syarikat yang aktiviti asalnya menanam teh di kawasan ladang seluas 148.02 hektar, memproses dan memasarkan teh. Bagaimanapun, mulai bulan November 2011, MTSB telah menggantikan tanaman teh kepada kelapa sawit di kawasan bekas ladang teh seluas 100 hektar. Modal berbayar MTSB berjumlah RM1.69 juta dan dimiliki sepenuhnya oleh Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA).

**5.2.** Pengauditan yang telah dilaksanakan dari bulan Mei hingga Julai 2012, secara keseluruhannya mendapati prestasi kewangan MTSB adalah tidak memuaskan kerana terdapat kelemahan seperti berikut:

- Kurang berkemampuan untuk berdaya saing dalam industri teh.
- Rancangan Korporat tidak disediakan.
- Pengurusan ladang teh yang kurang memuaskan.
- Aktiviti promosi yang lemah.
- Hasil jualan teh yang tertunggak.

**5.3.** Memandangkan Lembaga Pengarah Mayang Tea Sdn. Bhd. telah memutuskan untuk tidak meneruskan operasi ladang teh melalui mesyuarat pada bulan Julai 2012, pengurusan Mayang Tea Sdn. Bhd. adalah disyorkan:

**5.3.1.** Menyediakan perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang berserta petunjuk prestasi utama sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat dalam bidang baru yang diterokai.

**5.3.2.** Membuat kutipan dan mengambil tindakan terhadap hutang yang masih tertunggak.

**5.3.3.** Mengoptimumkan sumber yang sedia ada untuk memberi pulangan ekonomik.



---

# AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI



# AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

## 1. PENDAHULUAN

Bagi tujuan pembentangan Laporan Ketua Audit Negara 2012 Siri 1 pada tahun 2013, sebanyak 3 aktiviti dan 2 pengurusan syarikat yang telah diaudit akan dilaporkan dalam Laporan ini. Tiga aktiviti tersebut adalah Pengurusan Projek Taman Perindustrian Samalaju, Pengurusan Program Pembangunan Ternakan dan Pengurusan Ukur Keliling Tanah Hak Adat Bumiputera serta pengurusan Syarikat Agensi Kerajaan Negeri iaitu Daya Builders Sdn. Bhd. dan Mayang Tea Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit hasil daripada pengauditan tersebut telah dimaklumkan kepada Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan dalam Laporan ini.

## LEMBAGA PEMBANGUNAN KORIDOR WILAYAH LEMBAGA KEMAJUAN BINTULU

## 2. PENGURUSAN PROJEK TAMAN PERINDUSTRIAN SAMALAJU


### 2.1. LATAR BELAKANG

**2.1.1.** Taman Perindustrian Samalaju (TPS) merupakan salah satu projek di bawah pembangunan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (*Sarawak Corridor of Renewable Energy - SCORE*) yang bertujuan membangun dan mentransformasikan negeri Sarawak kepada negeri maju pada tahun 2020. TPS terletak 60 kilometer dari bandar Bintulu dengan kawasan seluas 8,000 hektar. Pembangunan infrastruktur asas di TPS dibahagikan kepada 5 fasa iaitu: Fasa 1 dari tempoh Julai 2008 hingga Ogos 2010; Fasa 2 dari tempoh 2010 hingga 2014; Fasa 3 dari tempoh 2013 hingga 2015; Fasa 4 dari tempoh 2013 hingga 2018; dan Fasa 5 dari tempoh 2014 hingga 2020. Pada tahun 2020, projek ini dijangka dapat menjana Pendapatan Negara Kasar sejumlah RM47.9 bilion, menyediakan 22,789 peluang pekerjaan, menarik pelaburan swasta sejumlah RM102.6 bilion dan pelaburan awam sejumlah RM7.92 bilion. Objektif TPS adalah membangunkan Samalaju sebagai pusat perindustrian bagi industri berat dan berintensif tenaga, menyediakan infrastruktur yang mencukupi bagi menarik para pelabur asing dan tempatan serta pemangkin untuk menjadi TPS sebagai salah satu daripada 5 nod pertumbuhan SCORE.

**2.1.2.** Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) ditubuhkan pada tahun 2006 di bawah Ordinan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (2006) bertanggungjawab untuk mengurus dan mempromosi pembangunan SCORE; memastikan mobilisasi sumber air dan kuasa hidro adalah lebih cekap dan efisien; mengoptimumkan penggunaan sumber tersebut untuk pembangunan SCORE; merancang dan melaksanakan pembangunan SCORE; dan memberi perkhidmatan kepada pelabur. Lembaga Kemajuan Bintulu (LKB) pula ditubuhkan









pada tahun 1978 di bawah Ordinan Lembaga Kemajuan Bintulu (1978) telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan pembangunan infrastruktur asas TPS. Antara infrastruktur asas yang dilaksanakan oleh LKB termasuk pembersihan tapak, kerja tanah, loji rawatan kumbahan dan pembinaan jalan termasuk perparitan dan jambatan. Pelan tapak TPS adalah seperti di **Peta 2.1**.

**Peta 2.1**  
**Pelan Tapak Projek Taman Perindustrian Samalaju**



Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

Nota:

	Tapak Industri		Loji Rawatan Air
	Tapak Syarikat Yang Membekal Perkhidmatan Atau Bahan Binaan		Loji Rawatan Najis
	Pusat Perkhidmatan		Kampung Nyalau
	Cadangan Jalan Rizab		Pelabuhan Samalaju

**2.1.3.** Nilai siling projek TPS yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) adalah sejumlah RM300 juta. Setakat bulan Disember 2012, LKB telah menerima peruntukan sejumlah RM234.81 juta daripada Kerajaan Persekutuan melalui RECODA dan sejumlah RM214.78 juta atau 91.5% daripadanya telah dibelanjakan. Antara perbelanjaan yang dibuat ialah pembayaran untuk pampasan tanah, perunding, survei dan kerja kontrak.



## **2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek Taman Perindustrian Samalaju telah diuruskan dengan teratur, cekap serta mencapai objektif dan perancangan yang telah ditetapkan.

## **2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek TPS bagi tempoh 2008 hingga 2012. Pengauditan dijalankan di LKB, Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA), Unit Perancang Negeri, Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber Sarawak, Jabatan Kerja Raya Sarawak, Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak (JTS), perunding dan lawatan ke tapak projek TPS turut dijalankan. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen yang berkaitan dengan pengurusan projek TPS seperti fail perancangan, pelan pembangunan kawasan, dokumen kontrak dan rekod kewangan yang diselenggara. Lawatan Audit ke tapak projek dijalankan untuk menilai mutu serta prestasi kerja yang telah dijalankan. Selain itu, temu bual dengan pegawai bertanggungjawab dan borang soal selidik diedarkan kepada pelabur TPS.

## **2.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan telah dijalankan antara bulan September hingga November 2012 mendapati pada keseluruhannya pengurusan projek TPS adalah memuaskan kerana berjaya menarik pelaburan sejumlah RM21.19 bilion melalui 11 projek yang diluluskan oleh MIDA serta mewujudkan 11,679 peluang pekerjaan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan infrastruktur asas bagi TPS iaitu:

- Projek gagal disiapkan mengikut jadual.
- Kualiti kerja tidak memuaskan.
- Pengurusan perolehan yang kurang teratur.
- Pembangunan infrastruktur belum lengkap sepenuhnya.

### **2.4.1. Prestasi Projek**

#### **2.4.1.1. Prestasi Pelaksanaan Taman Perindustrian Samalaju**

##### **a. Status Projek**

Semakan Audit setakat bulan Disember 2012 mendapati 9 daripada 14 projek yang dilaksanakan telah disiapkan manakala 3 projek lewat jadual dan 2 projek belum

dilaksanakan. Projek yang lewat jadual adalah Loji rawatan kumbahan dan saluran pembedungan (3.6%); Jalan Seksyen A & kerja berkaitan (14.7%); serta Pembinaan dan Penyiapan Jalan Maskat, Bintulu (30.7%) manakala 2 projek iaitu Jalan *Collector* B1 dan Jalan *Mile* 32 masih belum dilaksanakan. Prestasi fizikal projek infrastruktur TPS adalah seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Prestasi Projek Sehingga Akhir Bulan Disember 2012**

Bil.	Skop Kerja Di Bawah Kontrak	Kos Kontrak (RM Juta)	Bayaran Sebenar (RM Juta)	Kemajuan Projek			Prestasi Projek
				Mula	Siap	Peratus (%)	
<b>Fasa 1 - Kerja Infrastruktur di TPS</b>							
1.	Pembersihan tapak di Kawasan Industri Similajau, Bintulu	0.29	0.25	15.07.2008	06.01.2009	100	Siap
2.	Melaksana dan menyiapkan kerja pembersihan tapak	0.75	0.65	24.11.2008	11.05.2009	100	Siap
3.	Melaksana dan menyiapkan kerja tanah	20.54	20.11	12.08.2009	18.12.2010	100	Siap
4.	Melaksana dan menyiapkan kerja pembersihan tapak	3.33	3.13	18.02.2009	04.02.2010	100	Siap
5.	Pembersihan tapak di tapak pelabuhan	1.59	1.49	27.09.2010	31.05.2011	100	Siap
6.	Loji rawatan kumbahan dan saluran pembedungan	21.46	18.47	01.12.2010	Belum	96.4	LJ 3.6%
7.	Melaksana dan menyiapkan kerja tanah - Kawasan utama - Kerja lain	23.50	21.46	25.04.2011	14.02.2012 24.07.2012	100	Siap
<b>Fasa 2 - Kerja Infrastruktur di TPS</b>							
8.	Jalan Seksyen A dan kerja berkaitan - Kem Pekerja - Kerja lain	135.45	85.93	26.04.2010	31.01.2011 Belum	70.9	LJ 14.7%
9.	Jalan <i>Collector</i> A	8.88	6.51	27.09.2010	18.01.2012	100	Siap
10.	Saluran paip air sepanjang jalan sedia ada dan sebahagian jalan Seksyen A	4.92	1.81	07.05.2012	06.11.2012	100	Siap
<b>Fasa 3 - Kerja Infrastruktur di TPS</b>							
11.	Jalan <i>Collector</i> B1	48.86	-	Belum Dilaksana			
<b>Infrastruktur Sokongan</b>							
12.	Reka bentuk, pembinaan dan menyiapkan <i>approach embankment</i> Sungai Kelebu Bridge Tatau	3.65	3.61	02.09.2009	26.01.2011	100	Siap
13.	Pembinaan dan penyiapan Jalan Maskat, Bintulu	46.89	24.01	23.02.2010	Belum	60.0	LJ 30.7%
14.	Jalan <i>Mile</i> 32	63.90	-	Belum Dilaksana			
<b>Jumlah</b>		<b>384.01</b>	<b>187.43</b>				

Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

Nota: LJ - Lewat Jadual

## b. Projek Lewat Disiapkan

### i. Fasa 1 Peringkat 4 (Loji Rawatan Kumbahan Dan Saluran Pembetulan)

- Nilai kontrak untuk projek Loji Rawatan Dan Saluran Pembetulan adalah RM21.46 juta. Projek adalah untuk membina sistem pembetulan/saluran najis dan kolam pengoksidaan secara bersepadu di TPS. Skop kerja projek meliputi pembersihan tapak dan kerja tanah, pembinaan loji rawatan kumbahan yang meliputi 3 unit kolam pengoksidaan serta tangki pemendapan, sistem saluran pembetulan yang meliputi stesen pam dan stesen lif, jalan masuk ke loji rawatan kumbahan dan sistem perparitan termasuk *culvert* dan parit tepi jalan. Tapak projek telah diserahkan kepada kontraktor pada bulan Disember 2010 dan tarikh siap kerja mengikut tempoh kontrak asal yang ditetapkan ialah pada bulan November 2012. Semakan Audit mendapati kemajuan kerja sehingga akhir bulan Disember 2012 adalah 96.4%.
- Mengikut kontrak, pihak kontraktor bertanggungjawab terhadap perlindungan cerun untuk mengelakkan daripada kesan kerosakan atau hakisan. Lawatan Audit mendapati tiada perlindungan cerun dibuat dan telah menyebabkan hakisan tanah berlaku dan seterusnya longkang di tepi jalan tersumbat dengan tanah. Keadaan cerun yang tidak dilindungi dan saluran yang tersumbat adalah seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**.

**Gambar 2.1**  
Parit Tersumbat Dengan Hakisan  
Tanah Dari Cerun Bukit



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tepi Parit Di *Existing Road*  
Tarikh: 7 November 2012

**Gambar 2.2**  
Parit Tersumbat Dengan Hakisan  
Tanah Dari Cerun Bukit



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tepi Parit Di *Existing Road*  
Tarikh: 7 November 2012

- **Maklum balas daripada RECODA bertarikh 29 Januari 2013 menyatakan bahawa kontrak kerja ini masih dalam pelaksanaan. Segala pembaikan dan kerja yang belum diselesaikan akan disiapkan sebelum Sijil Penyiapan Kerja dikeluarkan dan sebelum tapak diserahkan kepada LKB.**

## ii. Fasa 2 Peringkat 1 (Jalan Seksyen A Dan Kerja Berkaitan)

- Nilai kontrak untuk projek Jalan Seksyen A Dan Kerja Berkaitan bagi kerja pembinaan jalan sepanjang 10 km dengan kos RM135.45 juta. Tempoh kontrak ini adalah selama 6 bulan (tapak kem pekerja) dan 24 bulan (kerja lain) di mana tarikh penyerahan tapak ialah pada bulan April 2010 yang dijangkakan siap pada dan bulan April 2012. Skop kerja ini adalah meliputi pembersihan tapak dan kerja tanah, pembinaan *dual carriageway* sepanjang 10 km, sebuah jambatan, 4 unit bulatan, sistem perparitan termasuk *culvert* dan parit permukaan di tepi jalan, saluran paip pembetulan di sepanjang jalan, kerja tanah untuk tapak kem pekerja.
- Semakan Audit mendapati kemajuan kerja setakat akhir bulan Disember 2012 adalah 70.9%, iaitu 14.7% lewat dari jadual dan pembinaan Jalan Seksyen A tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam kontrak iaitu pada bulan April 2012. Sembilan lanjutan masa selama 382 hari atas sebab cuaca buruk, halangan kemasukan ke kem pekerja, pengambilan tanah dari CH 0 + 000 sampai CH 1 + 090, kerja pemulihan terhadap *slip* benteng dan pemindahan *Gyratory* 2 telah diluluskan oleh LKB dengan tarikh siap dilanjutkan sehingga bulan Mei 2013 bagi kerja lain.
- Lawatan Audit ke tapak pada bulan September 2012 mendapati pembinaan jalan, kerja pemasangan parit, pembinaan sepasang jambatan masih dalam proses pembinaan seperti di **Gambar 2.3** dan **Gambar 2.4**.

**Gambar 2.3**  
Pembinaan Jalan Seksyen A  
Yang Masih Belum Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Seksyen A  
Tarikh: 24 September 2012

**Gambar 2.4**  
Pembinaan Jalan Seksyen A  
Yang Masih Belum Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Seksyen A  
Tarikh: 24 September 2012

## iii. Pembinaan Dan Penyiapan Jalan Maskat, Bahagian Bintulu

- Nilai kontrak untuk projek Pembinaan dan Penyiapan Jalan Maskat, Bahagian Bintulu sepanjang 13 km berjumlah RM46.89 juta. Jalan ini adalah

bagi penghantaran sisa buangan industri dari TPS ke tapak pelupusan yang dicadangkan. Tempoh kontrak adalah selama 24 bulan. Tarikh penyerahan tapak ialah pada bulan Februari 2010 dan dijangkakan siap pada bulan Februari 2012. Skop kerja bagi projek ini melibatkan pembinaan jalan selebar 6 meter 2 lorong sepanjang 13.04 km, parit di tepi jalan, 37 *culvert*, sebuah jambatan, kerja perlindungan cerun dan tembok penahan dan kerja lain seperti penanda jalan dan penanda trafik.

- Semakan Audit terhadap rekod kontrak mendapati kontraktor yang dilantik tidak dapat menyiapkan pembinaan jalan ini mengikut tempoh yang ditetapkan. Tiga lanjutan masa berjumlah 256 hari telah diluluskan oleh LKB atas sebab sekatan tanah dan cuaca buruk dan tarikh siap dilanjutkan sehingga bulan November 2012. Semakan Audit seterusnya mendapati sehingga akhir bulan Disember 2012, kemajuan kerja adalah 60% iaitu lewat 30.7% dan perunding bagi pihak LKB telah mengeluarkan Sijil Tidak Siap Kerja pada bulan November 2012. Denda ganti rugi sejumlah RM5,000 sehari akan dikenakan mulai bulan November 2012. Semakan pasukan teknikal Audit mendapati reka bentuk jalan bagi Jalan Maskat tidak mempunyai lapisan *binder* ACB 28. Fungsi lapisan *binder* adalah untuk memberi kekuatan struktur kepada jalan keseluruhannya. Sekiranya tiada lapisan *binder* ini, boleh menyebabkan struktur jalan yang kurang kuat dan menyebabkan mudah terjadinya *potholes*, *rutting* dan sebagainya.
- Lawatan Audit ke tapak projek pada bulan September 2012 dan bulan November 2012 mendapati kerja-kerja masih dalam pelaksanaan seperti di **Gambar 2.5** hingga **Gambar 2.8**.

**Gambar 2.5**  
**Jalan Dalam Pembinaan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Maskat  
Tarikh: 8 November 2012

**Gambar 2.6**  
**Jalan Dalam Pembinaan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Maskat  
Tarikh: 8 November 2012

**Gambar 2.7**  
**Pembinaan Slope Protection**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Maskat  
Tarikh: 8 November 2012

**Gambar 2.8**  
**Pembinaan Jambatan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Maskat  
Tarikh: 8 November 2012

- **Maklum balas daripada LKB bertarikh 29 Januari 2013 menyatakan bahawa kedua-dua ACB 20 dan ACB 28 merupakan binder course dan ia hanya merupakan tatanama yang berlainan digunakan oleh LKB. Oleh sebab kekangan peruntukan bagi pelaksanaan projek Jalan Maskat, single layer akan dilaksanakan dahulu dan wearing course (ACW 20) akan dilaksanakan pada masa depan sekiranya penggunaan jalan tersebut meningkat. Buat masa ini, binder course single layer akan dilaksanakan pada permulaan.**

### c. Kualiti Kerja Kurang Memuaskan

- i. Nilai kontrak untuk kerja pembinaan jalan sepanjang 1.1 km di Jalan Collector A adalah berjumlah RM8.88 juta. Skop kerja kontrak meliputi kerja tanah, pembinaan *single carriageway* sepanjang 1.1 km, sistem perparitan termasuk pemetung dan parit permukaan serta saluran paip pemetungan. Tempoh kontrak bermula pada bulan September 2010 dan siap pada bulan Januari 2012. Semakan Audit mendapati kemajuan kerja fizikal telah disiapkan 100% sehingga akhir bulan Disember 2012. Bagaimanapun, Sijil Penyiapan Kerja belum dikeluarkan oleh perunding kepada pihak kontraktor kerana kualiti kerja kontraktor tidak memuaskan.
- ii. Lawatan Audit ke tapak TPS pada bulan September 2012 dan November 2012 mendapati permukaan jalan tidak rata dan retak seperti di **Gambar 2.9** hingga **Gambar 2.12**.

**Gambar 2.9**  
**Permukaan Jalan Yang Tidak Rata**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: *Collector Road A*  
Tarikh: 7 November 2012

**Gambar 2.10**  
**Permukaan Jalan Yang Tidak Rata**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: *Collector Road A*  
Tarikh: 7 November 2012

**Gambar 2.11**  
**Keretakan Pada Permukaan Jalan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: *Collector Road A*  
Tarikh: 7 November 2012

**Gambar 2.12**  
**Keretakan Pada Permukaan Jalan  
20mm Lebar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: *Collector Road A*  
Tarikh: 7 November 2012

- iii. Selain itu, lawatan Audit pada bulan November 2012 mendapati bahu jalan telah terhakis dan parit di tepi jalan tersumbat dengan tanah mendapan. Hakisan tanah tersebut berlaku adalah disebabkan oleh permukaan bahu jalan dan cerun yang terdedah dan sepatutnya ditanam secara *close turfing*. Keadaan saliran yang tersumbat adalah seperti di **Gambar 2.13** dan **Gambar 2.14**.

**Gambar 2.13**  
**Hakisan Tanah Memasuki Parit**  
**Di Tepi Jalan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: *Collector Road A*  
 Tarikh: 7 November 2012

**Gambar 2.14**  
**Hakisan Tanah Memasuki Parit**  
**Di Tepi Jalan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: *Collector Road A*  
 Tarikh: 7 November 2012

- iv. Merujuk kepada surat perunding yang dikemukakan kepada kontraktor pada bulan September 2012, permukaan jalan yang telah diturap menunjukkan permukaan jalan yang tidak rata dengan ketara terutamanya di sepanjang jalan di lokasi CH+675 hingga CH+875. Permukaan jalan yang tidak rata ini adalah disebabkan oleh *roadbase surface* tidak disediakan mengikut toleransi yang sewajar seperti dinyatakan dalam Spesifikasi Piawai Untuk Kerja Jalan (SSRW), JKR/SPJ/1988 sebelum meletakkan lapisan *Asphaltic Concrete Binder Course* (ACBC) dan *Asphaltic Concrete Wearing Course* (ACWC). Perbezaan *roadbase* yang dibina pada bulan Mei 2012 berbanding dengan yang direka bentuk adalah seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**  
**Dasar Jalan Yang Dibina Berbeza Dengan Yang Direka Bentuk**

Bil.	Chainage	Lokasi	Roadbase Mengikut Reka Bentuk (mm)	Roadbase Yang Dibina (mm)	Perbezaan (mm)
1.	650	LHS	12.409	12.405	-0.004
		CENTRE	12.639	12.572	-0.067
		RHS	12.744	12.651	-0.093
2.	675	LHS	12.210	12.168	-0.042
		CENTRE	12.440	12.431	-0.009
		RHS	12.545	12.535	-0.010
3.	700	LHS	12.011	12.010	-0.010
		CENTRE	12.241	12.309	0.068
		RHS	12.346	12.389	0.043
4.	725	LHS	11.813	11.870	0.057
		CENTRE	12.043	12.100	0.057
		RHS	12.148	12.090	-0.058
5.	750	LHS	11.614	11.620	0.006
		CENTRE	11.844	11.850	0.006
		RHS	11.949	11.855	-0.094
6.	775	LHS	11.416	11.301	-0.115
		CENTRE	11.646	11.580	-0.006
		RHS	11.751	11.625	-0.126



Bil.	Chainage	Lokasi	Roadbase Mengikut Reka Bentuk (mm)	Roadbase Yang Dibina (mm)	Perbezaan (mm)
7.	800	LHS	11.217	11.129	-0.088
		CENTRE	11.447	11.240	-0.207
		RHS	11.552	11.387	-0.165
8.	825	LHS	11.019	11.005	-0.014
		CENTRE	11.249	11.250	0.001
		RHS	11.354	11.291	-0.063
9.	850	LHS	10.821	10.867	0.046
		CENTRE	11.051	11.095	0.044
		RHS	11.156	11.110	-0.046
10.	875	LHS	10.673	10.790	0.117
		CENTRE	10.903	10.965	0.062
		RHS	11.008	10.960	-0.048
11.	900	LHS	10.600	10.715	0.115
		CENTRE	10.830	10.915	0.085
		RHS	10.935	10.965	0.030

Sumber: Surat Perunding Jurutera CSD Sdn. Bhd.

Nota: Kadar toleransi yang dibenar mengikut SSRW adalah  $\pm 0.005\text{mm}$

- v. Temu bual secara lisan yang dijalankan di tapak TPS pada bulan November 2012 mendapati pihak perunding telahpun mengarah pihak kontraktor untuk mengemukakan jadual baru yang menunjukkan dasar jalan yang telah dibaiki. Setakat ini, pihak kontraktor masih belum mengemukakannya. **Maklum balas daripada RECODA bertarikh 29 Januari 2013 menyatakan bahawa projek ini masih di bawah obligasi pihak kontraktor semasa lawatan Audit dijalankan. Segala pembaikan dan kerja yang belum diselesaikan akan disiapkan sebelum Sijil Penyiapan Kerja dikeluarkan dan tapak diserahkan kepada LKB. Surat telah dikeluarkan untuk tindakan yang sewajarnya.**

**d. Peningkatan Kos Kontrak Melebihi 30.3%**

- i. Tender bagi pakej Fasa 1 Peringkat 2A telah diiklankan pada bulan Oktober 2010 dan ditutup pada bulan November 2010. Kerja kontrak ini adalah bagi kerja pembersihan, kerja tanah dan penyediaan tapak kepada pelabur yang telah diluluskan iaitu Asia Minerals Limited (AML). Projek ini telah ditawarkan kepada kontraktor Perbena Emas Sdn. Bhd. pada bulan April 2011 dengan kontrak bernilai RM23.50 juta. Tempoh kontrak ini adalah selama 8 bulan bagi kerja di kawasan utama dan 15 bulan bagi kerja lain. Penyerahan tapak ialah pada bulan April 2011 dan dijangka siap pada bulan Disember 2011 bagi kawasan utama dan bulan Julai 2012 bagi kerja lain.
- ii. Semakan Audit mendapati spesifikasi tender LKB yang dikeluarkan adalah berdasarkan *provisional quantity* 50,000 m<sup>3</sup> untuk kerja penggalian batu. Kuantiti ini adalah berdasarkan kepada tapak berhampiran dan tiada kajian tanah dilakukan sebelum proses tender dilaksanakan. Perunding yang menjalankan kajian tanah hanya dilantik oleh LKB pada bulan November 2010 dan laporan

kajian pada bulan Disember 2010 menunjukkan kuantiti batu adalah 584,732 m<sup>3</sup>. Ini menyebabkan kos tambahan sejumlah RM7.12 juta dan harga kontrak telah meningkat kepada RM30.62 juta iaitu kenaikan 30.3% daripada nilai kontrak asal. Kontraktor telah memohon bayaran tambahan sejumlah RM7.12 juta daripada LKB. **Maklum balas daripada RECODA bertarikh 29 Januari 2013 menyatakan bahawa tender dibuat dengan segera sementara siasatan tanah terperinci masih dijalankan disebabkan oleh permintaan pelabur. Sehubungan itu, anggaran yang dibuat adalah berdasarkan struktur tanah yang berhampiran dengan tapak. Bagaimanapun, adalah didapati struktur tanah adalah berbeza semasa kerja tapak dilaksanakan. Perkara ini tidak dibawa ke Lembaga Perolehan lebih awal disebabkan isu Lembaga Perolehan yang belum selesai pada masa itu. Perkara ini akan diselesaikan dalam mesyuarat Lembaga Perolehan yang akan datang.**

#### 2.4.1.2. Prestasi Pelaburan Oleh Pelabur Asing Dan Tempatan

Dalam tempoh bulan Disember 2010 hingga Disember 2012, 21 pelabur telah diluluskan tapak pembinaan kilang di TPS. Empat belas daripada 21 syarikat pelabur tersebut adalah pelabur daripada negara Jepun, Hong Kong, Korea, India, Norway, Arab, Singapura dan Taiwan manakala 7 adalah syarikat pelabur tempatan. Setakat akhir bulan Disember 2012, 2 syarikat pelabur telah siap pembinaan fasa satu, 2 sedang dalam penyediaan Pelan Kejuruteraan Dan Bangunan yang lengkap manakala 17 telah diluluskan tapak seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3**  
**Senarai Pelabur Yang Diluluskan Untuk Taman Perindustrian Samalaju**  
**Setakat Akhir Bulan Disember 2012**

Bil.	Kategori Pelabur	Status				
		a	b	c	d	e
1.	<i>Polycrystalline Silicon For Photovoltaic Cells And Semiconductors Etc</i>	√	√	√	√	√
2.	<i>Aluminium Ingots, Billets, Sheet And Foil, Extrusion And Fabricated Products</i>	√	√	√	√	√
3.	<i>Manganese Related From Ores To Alloys / Hi-Carbon Ferro Manganese / Medium-Carbon Ferro Manganese / Low-Carbon Ferro Manganese</i>	√	√	√		
4.	<i>High Carbon Ferro Manganese, Silicon Manganese &amp; Ferro Silicon</i>	√	√	√		
5.	<i>Ferro Silicon untuk pembuatan: Carbon Steel, Stainless Steels And Other Ferrous Alloy</i>	√				
6.	<i>Aluminium Rod And Loose Aluminium Rod Coil</i>	√				
7.	<i>Ferro Silicon, Silica Rock, Scale or Steel</i>	√				
8.	<i>Aluminium Smelting Plant</i>	√				
9.	<i>Polysilicon Chip, Polysilicon Ingots And Chunks Packing</i>	√				
10.	<i>Ferro Molybdenum, Molybdenum Oxide, Molybdenum Briquette, Sodium Sulphate</i>	√				
11.	<i>Carbon Anode</i>	√				
12.	<i>Metal Silicon Manufacturing</i>	√				
13.	<i>Metal Silicon Packing, Silica Fume (Microsilica)</i>	√				
14.	<i>Metal Silicon, Metal Silicon Packing</i>	√				

Bil.	Kategori Pelabur	Status				
		a	b	c	d	e
15.	<i>Silicon Metal, Microsilica</i>	√				
16.	<i>Metallurgical Silicon And Polysilicon</i>	√				
17.	<i>Metal Silicon Plant And Manganese Alloy Plant</i>	√				
18.	<i>Titanium Slag And Pig Iron</i>	√				
19.	<i>Silicon Manganese</i>	√				
20.	<i>Manganese Alloy</i>	√				
21.	<i>Ferro Silicon Smelting Plant</i>	√				

Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

Nota:

a - Site Approved

b - Detail Layout Plan Approved

c - Detail Engineering And Building Plan

d - Proses kerja di tapak (Earth work)

e - Proses pembinaan kilang – Fasa 1 telah siap dibina

#### 2.4.1.3. Pemberimilikan Tanah

- a. Sehingga tarikh pengauditan pada bulan Disember 2012, berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada JTS, Bahagian Bintulu, hanya satu syarikat pelabur yang diberikan Surat Hak Milik Tanah iaitu OM Materials (Sarawak) Sdn. Bhd., 2 syarikat pelabur dikeluarkan Surat Hak Milik Tanah Sementara iaitu Press Metal Bintulu Sdn. Bhd. dan Tokuyama Malaysia Sdn. Bhd. Butiran lanjut status pemberimilikan tanah bagi syarikat pelabur yang diluluskan adalah seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**

**Status Pemberimilikan Tanah Bagi Syarikat Pelabur Di Taman Perindustrian Samalaju Setakat Akhir Bulan Disember 2012**

Bil.	Kategori Pelabur	Keluasan Tanah (Ha)	Status Pemberimilikan Tanah							
			a	b	c	d	e	f	g	
1.	<i>Polycrystalline Silicon For Photovoltaic Cells And Semiconductors Etc</i>	200.00		√						
2.	<i>Aluminium Ingots, Billets, Sheet And Foil, Extrusion And Fabricated Products</i>	194.60		√						
3.	<i>Manganese Related From Ores To Alloys/ Hi-Carbon Ferro Manganese / Medium-Carbon Ferro Manganese / Low-Carbon Ferro Manganese</i>	175.30							√	
4.	<i>High Carbon Ferro Manganese, Silicon Manganese And Ferro Silicon</i>	202.40			√					
5.	<i>Ferro Silicon untuk pembuatan: Carbon Steel, Stainless Steels And Other Ferrous Alloy</i>	20.00						√		
6.	<i>Aluminium Rod And Loose Aluminium Rod Coil</i>	94.00	**							
7.	<i>Ferro Silicon, Silica Rock, Scale or Steel</i>	20.00	**							
8.	<i>Aluminium Smelting Plant</i>	227.00	**							
9.	<i>Polysilicon Chip, Polysilicon Ingots And Chunks Packing</i>	101.80				√				
10.	<i>Ferro Molybdenum, Molybdenum Oxide, Molybdenum Briquette, Sodium Sulphate</i>	20.00	**							
11.	<i>Carbon Anode</i>	37.00	**							
12.	<i>Metal Silicon Manufacturing</i>	50.40				√				
13.	<i>Metal Silicon Packing, Silica Fume (Microsilica)</i>	23.00	**							
14.	<i>Metal Silicon, Metal Silicon Packing</i>	31.00	**							

Bil.	Kategori Pelabur	Keluasan Tanah (Ha)	Status Pemberimilikan Tanah							
			a	b	c	d	e	f	g	
15.	<i>Silicon Metal, Microsilica</i>	100.00	**							
16.	<i>Metallurgical Silicon And Polysilicon</i>	100.00								√
17.	<i>Metal Silicon Plant And Manganese Alloy Plant</i>	218.90							√	
18.	<i>Titanium Slag And Pig Iron</i>	88.00	*							
19.	<i>Silicon Manganese</i>	85.00						√		
20.	<i>Manganese Alloy</i>	113.00						√		
21.	<i>Ferro Silicon Smelting Plant</i>	79.00	**							

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Bintulu dan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah  
Nota:

- a - \* - Ukur Keliling Sempadan telah dijalankan tetapi surat tawaran belum dikeluarkan  
\*\* - Menunggu pengesahan pelan dan maklumat dari LKB  
b - Diberikan Surat Hak Milik Sementara (*Provisional Lease*)  
c - Diberikan Surat Hak Milik Tanah (*Lease Title*)  
d - Tidak setuju dengan tawaran syarat hak milik tanah yang dikeluarkan JTS Bintulu  
e - Belum memberi maklum balas berkenaan tawaran yang dikeluarkan oleh LKB atau Majlis Perancangan Negeri  
f - Belum memberi maklum balas berkenaan tawaran yang dikeluarkan oleh JTS  
g - Permohonan tidak diluluskan Kerajaan/Tawaran dibatalkan

- b. Semakan Audit setakat akhir bulan Disember 2012 mendapati sejumlah RM95.05 juta premium tanah telah dikutip oleh JTS seperti di **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5**

**Bayaran Premium Tanah oleh Syarikat Pelabur setakat Akhir Bulan Disember 2012**

Bil.	Syarikat	Kaedah Bayaran Premium	Premium Tanah Perlu Dibayar (RM Juta)	Premium Tanah Telah Dikutip (RM Juta)
1.	Press Metal Bintulu Sdn. Bhd.	Ansuran	50.20	20.08
2.	OM Materials (Sarawak) Sdn. Bhd.	Ansuran	48.58	13.43
3.	Tokuyama Malaysia Sdn. Bhd.	<i>Lump sum</i>	61.54	61.54
<b>Jumlah</b>			<b>160.32</b>	<b>95.05</b>

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei, Bahagian Bintulu

**2.4.1.4. Surat Perjanjian Penyewaan Oleh Syarikat Yang Membekal Perkhidmatan Atau Bahan Binaan Di TPS Belum Ditandatangani**

- a. Semakan Audit mendapati LKB telah meluluskan permohonan penyewaan kepada 16 syarikat dalam tempoh bulan September 2010 hingga September 2011 sebagai syarikat yang membekal perkhidmatan atau bahan binaan di TPS. Semakan Audit setakat bulan Disember 2012 mendapati daripada 16 syarikat yang telah diluluskan tapak bagi tujuan tersebut, 13 surat perjanjian penyewaan telah ditandatangani manakala 3 belum lagi ditandatangani melebihi 20 bulan dari tarikh kelulusan. Surat perjanjian penyewaan belum ditandatangani di antara LKB dengan pihak syarikat adalah kerana terma dan syarat perjanjian sewa masih di peringkat draf. Butiran lanjut mengenai surat perjanjian penyewaan ialah seperti di **Jadual 2.6**.

**Jadual 2.6****Surat Perjanjian Penyewaan Lot Industri Di TPS Yang Belum Ditandatangani Sehingga Akhir Bulan Disember 2012**

Bil.	Nama Syarikat	Tujuan Sewaan Lot Industri	Tarikh Surat Kelulusan	Tarikh Tandatangani Perjanjian Sewa	Tempoh Sewa	Status Pembinaan/ Operasi
1.	Concrete Zone Engineering Sdn. Bhd.	Loji konkrit	26.11.2010	Belum ditandatangani	3 tahun 01.09.2011 - 31.08.2014	Beroperasi. Loji konkrit dan bangunan lain
2.	Samalaju Property Development Sdn. Bhd.	Stor kemudahan rumah, restoran dan tapak semaian untuk landskap	22.06.2011	Belum ditandatangani	3 tahun Belum	Belum ada bangunan
3.	KKB Engineering Bhd.	Bengkel dan gudang	22.09.2011	Belum ditandatangani	2 tahun 01.12.2012 - 30.11.2014	Belum ada bangunan

Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

- b. Menurut terma dan syarat perjanjian penyewaan, penyewa membayar sewa lot industri sama ada secara bulanan atau tahunan bermula pada masa perjanjian ditandatangani. Semakan Audit terhadap fail dan rekod bayaran yang diselenggarakan oleh LKB mendapati sejumlah RM520,000 tunggakan sewa belum dibayar oleh syarikat. **Maklum balas daripada LKB bertarikh 29 Januari 2013 menyatakan bahawa tindakan untuk memungut tunggakan sewa sedang dilakukan.** Butiran lanjut mengenai tunggakan sewa ialah seperti di **Jadual 2.7**.

**Jadual 2.7****Tunggakan Sewa Sehingga Akhir Bulan Disember 2012**

Bil.	Nama Syarikat	Amaun Sewa (RM)	Tempoh Sewa Bulanan/Tahunan Belum Bayar	Amaun Tunggakan (RM)	Catatan
1.	Concrete Zone Engineering Sdn. Bhd.	6,000 sebulan	September 2011 - Disember 2012	96,000	-
2.	Tech Centre Engineering Sdn. Bhd.	3,000 sebulan	September 2011 - Disember 2012	15,000	-
3.	Kuntum Harta Sdn. Bhd.	84,000 setahun	Mei 2012	75,000	Tahun pertama
4.	Eastbourne Corporation Bhd.	5,000 sebulan	Ogos 2012 - Disember 2012	25,000	-
5.	Air Marine Cargo Agency Sdn. Bhd.	309,000 setahun	Ogos 2012	309,000	Tahun pertama
<b>Jumlah</b>				<b>520,000</b>	<b>-</b>

Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

- c. Lawatan Audit ke tapak TPS pada bulan September 2012 bersama pegawai LKB mendapati sebuah syarikat yang menyewa lot syarikat yang membekal perkhidmatan atau bahan binaan di TPS telah beroperasi di tapak sejak bulan September 2011 walaupun surat perjanjian penyewaan belum ditandatangani dan sewa bulanan tidak dibayar seperti di **Gambar 2.15**.



**Gambar 2.15**  
**Syarikat Yang Membekal Perkhidmatan**  
**Atau Bahan Binaan Di TPS Yang Telah**  
**Beroperasi Tetapi Sewa Belum Dibayar**  
**Dan Kontrak Belum Ditandatangani**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Taman Perindustrian Samalaju  
 Tarikh: 24 September 2012

Pada pendapat Audit, usaha Kerajaan Negeri untuk menarik pelabur ke TPS telah menampakkan perkembangan yang positif dengan kemasukan beberapa pelabur besar. Sungguhpun begitu, kolaborasi di antara RECODA dan LKB wajar dipertingkatkan dan mekanisme kawalan terhadap pemantauan oleh perunding untuk kerja kontrak serta prestasi kontraktor ditambah baik bagi mengurangkan kelewatan dan kualiti kerja kontrak. LKB perlu menguatkuasa terma perjanjian ke atas sewaan lot industri oleh syarikat yang telah beroperasi dan memungut sewaan yang tertunggak.

## 2.4.2. Pembangunan Infrastruktur Asas Dan Utiliti Di TPS

### 2.4.2.1. Bekalan Air

- a. Berdasarkan unjuran, perancangan pembinaan loji rawatan air di TPS dibahagikan kepada 3 fasa. Projek bekalan air di TPS dilaksanakan oleh pihak JKR Sarawak. Pelaksanaan projek bekalan air dibahagikan kepada 3 fasa seperti di **Jadual 2.8**.

**Jadual 2.8**

**Fasa Pelaksanaan Loji Rawatan Air Di TPS Sehingga Akhir Bulan Disember 2012**

Fasa	Butiran Projek	Kapasiti Loji Rawatan Air (MLD)	Kapasiti Bekalan Air Mentah (MLD)	Tarikh Mula/Jangka Mula	Tarikh Dijadualkan Siap	Tarikh Siap Sebenar	Status
1.	Peringkat 1 – Loji Rawatan Air	5	-	01.09.2009	31.08.2011	01.07.2011	Siap
	Peringkat 2 – Loji Rawatan Air	80	-	17.11.2011	16.04.2013	Belum Siap	56.3% siap (Lewat Jadual 20.7%)
	Peringkat 3A - Muka Sauk ( <i>Raw Water Intake</i> ) Sungai Similajau	-	50	01.02.2013	31.01.2014	-	Belum Mula
	Peringkat 3B – Sungai Similajau <i>Reservoir</i>	80	-	16.07.2013	15.07.2015	-	Belum Mula
2.	Peringkat 1 – Tambahan Loji Rawatan Air	-	-	16.06.2013	15.02.2015	-	Belum Mula
	Peringkat 2 – <i>High Level Reinforced Concrete Reservoir</i>	-	-	16.06.2013	15.06.2014	-	Belum Mula
3.	Loji Rawatan Air	80	-	15.12.2018	14.08.2020	-	Belum Mula

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

- b. Berdasarkan keperluan pelabur yang telah beroperasi di TPS, pihak JKR telah siap membina loji rawatan air yang boleh membekalkan 5 MLD pada tahun 2011. Punca air mentah ini dibekalkan dari muka sauk (*raw water intake*) Sika. Bagaimanapun, dengan peningkatan jumlah pelabur, isipadu bekalan air terawat mengikut keperluan pelabur dalam tempoh tahun 2010 sehingga tahun 2026 adalah 199.25 MLD. Butiran mengenai unjuran keperluan air terawat untuk penduduk dan pelabur sedia ada adalah seperti di **Jadual 2.9**.

**Jadual 2.9**  
**Unjuran Keperluan Air Untuk Penduduk Dan Pelabur**

Bil.	Penduduk/Pelabur	Tahun (MLD)					
		2012	2013	2015	2020	2023	2026
1.	Kem Pekerja	0.60	0.80	1.00	1.50	1.80	2.10
2.	Kampung Nyalau	0.15	0.25	0.45	0.95	1.25	1.55
<b>Jumlah Keperluan Air Penduduk</b>		<b>0.75</b>	<b>1.05</b>	<b>1.45</b>	<b>2.45</b>	<b>3.05</b>	<b>3.65</b>
<b>Fasa 1</b>							
3.	Tokuyama Corporation	4.40	27.10	33.00	50.00	69.00	89.00
4.	Asia Minerals Ltd.	0.06	10.00	20.00	20.00	20.00	20.00
5.	OM Holdings Ltd.	0.15	8.00	8.00	8.00	8.00	8.00
6.	Press Metal Bintulu Sdn. Bhd.	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
<b>Jumlah Keperluan Air Fasa 1</b>		<b>5.61</b>	<b>46.10</b>	<b>62.00</b>	<b>79.00</b>	<b>98.00</b>	<b>118.00</b>
<b>Jumlah Keperluan Air Penduduk / Pelabur Fasa 1</b>		<b>6.36</b>	<b>47.15</b>	<b>63.45</b>	<b>81.45</b>	<b>101.05</b>	<b>121.65</b>
<b>Fasa 2</b>							
7.	8 Pelabur Yang Diluluskan	-	0.97	25.00	25.00	25.00	25.00
<b>Jumlah Keperluan Air Penduduk/Pelabur Fasa 1 - 2</b>		<b>6.36</b>	<b>48.12</b>	<b>88.45</b>	<b>106.45</b>	<b>126.05</b>	<b>146.65</b>
<b>Fasa 3</b>							
8.	17 Pelabur Berpotensi	-	18.60	52.60	52.60	52.60	52.60
<b>Jumlah Keseluruhan Keperluan Air Penduduk/Pelabur Fasa 1 - 3</b>		<b>6.36</b>	<b>66.72</b>	<b>141.05</b>	<b>159.05</b>	<b>178.65</b>	<b>199.25</b>

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

- c. Pada bulan Disember 2012, pelaksanaan projek Loji Rawatan Air berkapasiti 80 MLD, *reservoir* dan kemudahan lain telah lewat jadual sebanyak 20.7% di mana kemajuan fizikal sebenar ialah 56.3% berbanding dengan 77% yang dijadualkan. Status kemajuan kerja projek yang lewat jadual menyebabkan bekalan air terawat ke tapak TPS dijangka tidak mencukupi di mana unjuran keperluan air terawat adalah 7.46 MLD pada bulan Januari 2013 seperti di **Gambar 2.16** dan **Gambar 2.17**.

**Gambar 2.16**  
**Loji Rawatan Air Berkapasiti 5 MLD**  
**Yang Telah Siap**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Loji Rawatan Air Samalaju  
 Tarikh: 24 September 2012

**Gambar 2.17**  
**Loji Rawatan Air Berkapasiti 80 MLD**  
**Masih Dalam Proses Pembinaan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Loji Rawatan Air Samalaju  
 Tarikh: 7 November 2012

- d. Oleh kerana kemajuan kerja bagi pembinaan loji rawatan air 80 MLD lewat jadual, pelan kontigensi telah dilaksanakan pada bulan Oktober 2012 dengan menyalur 40 MLD air terawat dari Loji Rawatan Air LAKU Management Sdn. Bhd. (LAKU) Bintulu ke TPS dengan kos kontrak tambahan berjumlah RM1.60 juta. Ini melibatkan pemasangan saluran paip air daripada Loji Rawatan Air LAKU ke Rumah Pam Sika. Penyaluran air terawat adalah daripada Rumah Pam Sika ke TPS menerusi saluran paip air sedia ada. Oleh yang demikian, tiada lagi penyaluran air mentah ke Loji Rawatan Air berkapasiti 5 MLD di TPS.
- e. Lawatan Audit pada bulan November 2012 mendapati kerja menyambung saluran paip air *steel* berdiameter 800 mm dan saluran paip air HDPE berdiameter 500 mm antara muka sauk Sika dengan Loji Rawatan Air LAKU sedang dijalankan dan dijangka siap serta mula beroperasi pada akhir bulan Februari 2013. Adalah didapati air paip yang disambung ditempatkan di atas permukaan tanah kerana kerja penyambungan ini perlu disiapkan dengan segera. Penyambungan saluran paip air adalah seperti di **Gambar 2.18** dan **Gambar 2.19**.

**Gambar 2.18**  
**Penyambungan Saluran Paip Air Steel**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Tepi Jalan Ke LAKU Loji Rawatan Air  
 Tarikh: 8 November 2012

**Gambar 2.19**  
**Penyambungan Saluran Paip Air HDPE**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Jalan Masuk Ke Sika *Water Intake*  
 Tarikh: 8 November 2012



- f. Projek pembinaan muka sauk di Sungai Similajau yang dapat membekalkan 50 MLD di bawah Fasa 1 Peringkat 3A masih dalam peringkat reka bentuk terperinci di mana tarikh permulaan dijangka pada bulan Februari 2013 dan dijangka siap pada bulan Januari 2014.
- g. **Maklum balas daripada RECODA bertarikh 29 Januari 2013 menyatakan bahawa projek ini yang dijadualkan siap pada asalnya 16 April 2013 kini dijangka siap pada bulan Oktober 2013. Oleh sebab kemajuan kerja kontraktor yang lambat dan keperluan segera bekalan air terawat pada bulan Januari 2013, pelan kontingensi telah dilaksanakan pada bulan Oktober 2012 dan telah siap pada awal bulan Januari 2013 serta dijangka dapat menampung keperluan air terawat di TPS sehingga hujung tahun 2013. Pihak RECODA memaklumkan mengenai tekanan air yang rendah dan *reducing pressure valve* (injak) perlu dipasang. Oleh itu, pihak JKR perlu memastikan pemasangan injak disiapkan pada akhir bulan Februari 2013 bagi menyelesaikan isu tekanan air tersebut. Projek pembinaan Sungai Similajau *raw water intake* yang akan menyalur air mentah ke 80 MLD atau 5 MLD loji rawatan air di TPS untuk dirawat dalam peringkat dokumentasi tender. Pembinaan dijangka bermula pada bulan April 2013 dan dijangka siap pada bulan April 2014. Bagaimanapun, dokumen kontrak telah menetapkan bahawa kontraktor perlu menyiapkan 2 modul (40 MLD) terlebih dahulu daripada 4 modul (80 MLD) kemudahan *raw water intake* pada bulan Oktober 2013 supaya 40 MLD air mentah dapat dibekalkan ke 80 MLD loji rawatan air untuk *testing, commissioning* dan juga dapat menyalur ke 5 MLD loji rawatan air untuk dirawat.**

#### 2.4.2.2. Bekalan Tenaga Elektrik

- a. Lokasi TPS diyakini sesuai untuk industri tenaga yang berintensiti tinggi kerana ianya dihubung terus dengan talian penghantaran kuasa daripada Hidro Elektrik Bakun dan Hidro Elektrik Murum. Kilang dalam kawasan perindustrian ini beroperasi 24 jam dan memerlukan sumber tenaga yang banyak.
- b. Semakan Audit mendapati *Power Purchase Agreement* (PPA) telah ditandatangani antara Sarawak Energy Berhad (SEB) dengan 4 syarikat pelabur. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.10**.

**Jadual 2.10**  
Keperluan Tenaga Elektrik Oleh Pelabur TPS

Bil.	Syarikat Pelabur	PPA		Bekalan Elektrik (MW/bulan)
		Tarikh	Tempoh (Tahun)	
1.	Tokuyama Corporation (Malaysia) Bhd.	02.05.2012	10	140 (Fasa pertama) 220 (Fasa ke-2)
2.	Press Metal Bintulu Sdn. Bhd.	12.07.2011	25	480
3.	Asia Minerals Ltd.	20.01.2012	20	270
4.	OM Holdings Ltd.	02.02.2012	20	500

Sumber: Sarawak Energy Berhad

- c. Semakan Audit seterusnya mendapati 2 syarikat lain sedang dalam proses rundingan dengan SEB untuk mendapatkan bekalan elektrik yang dijangka melebihi 600 mw. Hidro Elektrik Bakun boleh membekalkan 2,400 mw sekiranya beroperasi sepenuhnya. Setakat bulan Disember 2012, Hidro Elektrik Bakun telah membekalkan 1,200 mw dan Hidro Elektrik Murum yang boleh membekalkan 944 mw sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada bulan Ogos 2013. Pada masa ini, keperluan bekalan elektrik diperolehi daripada Hidro Elektrik Bakun. Setakat ini, kapasiti tenaga elektrik yang dibekalkan dapat memenuhi keperluan tenaga elektrik oleh syarikat pelabur yang sedia ada.

#### 2.4.2.3. Jalan Akses

- a. Pelaksanaan pembinaan jalan di tapak TPS oleh LKB dijalankan secara berfasa dan berperingkat. Semakan Audit mendapati hanya 2 projek jalan yang dilaksanakan dan pelaksanaan satu projek jalan adalah lewat jadual manakala satu lagi belum dikeluarkan Sijil Siap Kerja. Butiran lanjut pelaksanaan jalan di TPS setakat akhir tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 2.11**.

**Jadual 2.11**

**Fasa Pelaksanaan Jalan Di TPS Setakat Akhir Tahun 2012**

Bil.	Fasa	Butiran Kerja	Tarikh Mula/ Dijangka Mula	Tarikh Dijadualkan/ Dijangka Siap	Tarikh Siap Sebenar	Status
1.	2	Peringkat 1 - Jalan Seksyen A (10 km <i>dual carriageway</i> )	26.04.2010	25.04.2012	Belum Siap	Lewat Jadual 14.7%
		Peringkat 3 - Jalan <i>Collector</i> A (1.1 km <i>single carriageway</i> )	27.09.2010	26.09.2011	18.01.2012	Sijil Penyiapan Kerja belum dikeluarkan
2.	3	Peringkat 1 - Jalan Seksyen B1 (5.5 km <i>dual carriageway</i> )	03.01.2012	08.11.2015	-	Belum Mula
		Peringkat 2 - Jalan <i>Collector</i> B1 (4.5 km )	03.01.2012	08.11.2015	-	Keputusan Lembaga Perolehan hanya dibuat pada bulan November 2012 untuk ditawarkan kepada penender terendah yang bernilai RM48.86 juta
		Peringkat 3 - Jalan <i>Collector</i> C1	03.01.2012	06.05.2016	-	Belum Mula
		Peringkat 4 - Jalan U - Loop	03.01.2012	08.10.2015	-	Belum Mula
3.	4	Peringkat 1 - Jalan Seksyen B2 (5.5 km <i>dual carriageway</i> )	03.01.2012	04.08.2017	-	Belum Mula
		Peringkat 2A - Jalan <i>Collector</i> B2 (5.5 km)	03.01.2012	01.01.2018	-	Belum Mula

Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

- b. Selain itu, Jalan Kidurong ke Samalaju sepanjang kira-kira 50km adalah merupakan jalan utama ke tapak TPS. Jalan ini hanya merupakan *single carriageway* di mana terdapat 2 *overtaking lane* di sepanjang jalan. Oleh kerana kemudahan pelabuhan belum siap dibina di TPS, jalan ini merupakan jalan utama untuk trak berat bagi mengangkut bahan mentah dan hasil keluaran syarikat pelabur antara pelabuhan di Bintulu dengan TPS. Penggunaan jalan tersebut yang semakin meningkat menyebabkan kesesakan lalu lintas di sepanjang jalan ke TPS terutamanya pada waktu bekerja. Berdasarkan maklum balas daripada pelabur, keadaan jalan *single carriageway* yang sedia ada dengan 2 *overtaking lane* adalah kurang memuaskan. **Maklum balas daripada RECODA bertarikh 29 Januari 2013 menyatakan bahawa peruntukan RM144 juta telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Ketiga kepada Kementerian Kerja Raya. Reka bentuk bagi *overtaking lane* 5.1 km telah siap dan dijangka akan ditender pada bulan Februari 2013.**

#### 2.4.2.4. Balai Bomba Dan Balai Polis Di TPS

- a. Mengikut Pelan Induk yang telah diluluskan oleh Majlis Perancangan Negeri, kedudukan balai polis dan balai bomba terletak di kawasan industri sokongan. Infrastruktur asas seperti Balai Bomba dan Balai Polis adalah penting dan amat diperlukan di tapak TPS. Balai Polis terdekat di Kidurong adalah kira-kira 50 km dari TPS manakala Balai Bomba terdekat di Bandar Bintulu adalah kira-kira 60 km dari TPS.
- b. Semakan Audit mendapati belum ada Balai Bomba dan Balai Polis tetap disediakan di TPS. Bagaimanapun, LKB telah mendirikan Pondok Bomba dan Pondok Polis sementara bagi menyediakan khidmat sokongan sekiranya berlaku kemalangan/kecemasan di TPS. Pondok Bomba yang didirikan dengan 3 unit kontena untuk menempatkan 3 bilik penginapan, 2 bilik untuk pejabat dan pentadbiran, 1 bilik stor dan 1 tandas bergerak. Pondok Polis yang didirikan daripada 1 unit *Lysaght Smart Frame System* bersaiz 25m x 5m untuk menempatkan pejabat dan 2 bilik penginapan. Pondok Polis TPS mula beroperasi pada bulan April 2012. Lawatan Audit pada bulan September 2012 mendapati pondok polis TPS masih menggunakan generator untuk bekalan elektrik. Keadaan Pondok Bomba dan Pondok Polis yang didirikan di tapak TPS seperti di **Gambar 2.20** dan **Gambar 2.21**.

**Gambar 2.20**  
**Pondok Bomba Yang Didirikan**  
**Belum Beroperasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pondok Bomba Sementara TPS  
Tarikh: 24 September 2012

**Gambar 2.21**  
**Pondok Polis Sementara**  
**Telah Beroperasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pondok Polis Sementara TPS  
Tarikh: 24 September 2012

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah diluluskan peruntukan sebanyak RM0.60 juta di bawah *Rolling Plan* Kedua RMKe-10 tahun 2012 untuk tujuan perolehan tanah. Pada tahun 2012, JBPM telah mengemukakan permohonan pembinaan Balai Bomba di TPS kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang merangkumi pembinaan Balai Bomba dan kuarters di bawah *Rolling Plan* Ketiga RMKe-10. **Maklum balas daripada RECODA bertarikh 29 Januari 2013 menyatakan bahawa permohonan peruntukan bagi pembinaan Balai Bomba telah dikemukakan di bawah *Rolling Plan* Ketiga RMKe-10 oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Namun, peruntukan belum diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pembinaan Balai Bomba. Selain itu, Kementerian Dalam Negeri belum mengemukakan sebarang permohonan atas pembinaan balai polis di TPS di bawah *Rolling Plan* Ketiga RMKe-10. JBPM telah menyatakan bahawa tapak untuk Balai Bomba Dan Penyelamat Samalaju telah pun dibina di tapak sementara. Walaupun balai yang dibina adalah sementara, tetapi kekuatan anggota dan jentera adalah sama seperti di balai kekal dan balai ini telah mula beroperasi pada 1 Disember 2012.**

#### **2.4.2.5. Kemudahan Klinik/Hospital**

Kemudahan klinik/hospital adalah penting bagi TPS yang mengambil masa 45 minit untuk sampai ke Hospital Umum di Bandar Bintulu. Ini adalah kerana rawatan kecemasan diperlukan sekiranya berlaku kemalangan industri. Semakan Audit mendapati tapak bagi pembinaan kemudahan hospital/klinik belum dimuktamadkan di TPS. **Maklum balas daripada RECODA bertarikh 29 Januari 2013 menyatakan bahawa permohonan peruntukan untuk Klinik Kesihatan Samalaju, Bintulu telah dikemukakan oleh Jabatan Kesihatan Sarawak di bawah *Rolling Plan* Ketiga RMKe-10. Bagaimanapun, peruntukan tersebut tidak diluluskan di bawah *Rolling Plan* Ketiga RMKe-10.**

#### 2.4.2.6. Pelupusan Sisa Berjadual Industri

- a. Rawatan sisa berjadual industri boleh dihantar ke pusat pelupusan di *Kuching Integrated Waste Management Park* iaitu 650 km melalui jalan darat dari TPS atau *Integrated Schedule Waste Management Centre* di Bukit Nanas, Negeri Sembilan.
- b. Semakan Audit mendapati Pelan Induk TPS tidak merangkumi aspek pelupusan sisa berjadual industri. Pihak LKB hanya bertanggungjawab untuk mengurus sisa pepejal rumah dan am. **Maklum balas daripada RECODA bertarikh 29 Januari 2013 menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak telah melantik Trienekens (Samalaju) Sdn. Bhd. untuk menjalankan kajian kemungkinan terperinci pelaksanaan pusat pengurusan sisa buangan bersepadu. Ini termasuk cadangan sanitary landfill. Kajian ini sedang dibuat dan dijangka siap pada bulan September 2013.**

#### 2.4.2.7. Pelabuhan Samalaju

Salah satu komponen kemudahan di TPS adalah pelabuhan Samalaju. Pelaksanaan projek pembinaan kemudahan pelabuhan di TPS adalah dikendalikan oleh Bintulu Port Holdings Berhad dan dibahagikan kepada 4 fasa iaitu Fasa Interim, Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 yang mempunyai jumlah kapasiti berth setahun ialah 30 juta tan. Setakat tahun 2012, Pakej Interim Kemudahan Pelabuhan yang berkapasiti berth setahun sebanyak 4 juta tan dengan skop kerja pembinaan 2 barge berth, pembinaan jalan akses ke pelabuhan, kerja mengorek, kerja pemuliharaan (reclamation), kerja lapis lindung dan pembinaan dermaga dengan nilai kontrak RM193.98 juta telah mula dilaksanakan pada bulan Jun 2012 dan dijadualkan siap pada bulan Jun 2013. Sehingga bulan Disember 2012, pembinaan pelabuhan Pakej Interim adalah lewat jadual sebanyak 33.7% di mana kemajuan kerja fizikal sebenar ialah 35% berbanding dengan 68.7% yang dijadualkan. Lawatan Audit pada bulan Februari 2013 mendapati pelaksanaan pembinaan pelabuhan Pakej Interim masih dalam proses pembinaan seperti di **Gambar 2.22** dan **Gambar 2.23**.

**Gambar 2.22**  
**Pembinaan Pelabuhan Pakej Interim**  
**Kemudahan Pelabuhan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Pelabuhan TPS  
Tarikh: 21 Februari 2013

**Gambar 2.23**  
**Pembinaan Pelabuhan Pakej Interim**  
**Kemudahan Pelabuhan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Pelabuhan TPS  
Tarikh: 21 Februari 2013

#### 2.4.2.8. Maklum Balas Daripada Syarikat Pelabur

- a. Analisis Audit terhadap maklum balas soal selidik daripada 2 pelabur di mana satu pelabur memaklumkan bahawa kemudahan asas yang disediakan di TPS secara keseluruhannya adalah agak lambat manakala satu pelabur lagi memaklumkan bahawa kemudahan asas TPS secara keseluruhannya adalah memuaskan. Butiran lanjut mengenai maklum balas daripada syarikat pelabur adalah di **Jadual 2.12**.

**Jadual 2.12**  
**Maklum Balas Syarikat Pelabur Mengenai Kemudahan Asas Yang Disediakan Di TPS**

Bil.	Kemudahan Asas	Maklum Balas	
		Pelabur 1	Pelabur 2
1.	Jalan Raya	Tidak memuaskan	Memuaskan
2.	Bekalan Air	Memuaskan (Belum lengkap)	Memuaskan
3.	Bekalan Elektrik	Memuaskan	Baik
4.	Telekomunikasi	Memuaskan (Belum lengkap)	Memuaskan
5.	Keselamatan (Polis dan Bomba)	Tidak memuaskan	Memuaskan
6.	Klinik	Tidak memuaskan	Memuaskan
7.	Sistem Peparitan Dan Sistem Pembentungan	Memuaskan (Belum lengkap)	Memuaskan
8.	Lampu Jalan	Tidak memuaskan	Memuaskan

Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Selain itu, pihak syarikat pelabur memaklumkan mereka menghadapi masalah mengenai bekalan air dan kemudahan jalan raya manakala kemudahan asas yang diperlukan seperti tapak buangan sisa pepejal, kemudahan sisa berjadual industri, stesen minyak, klinik dan *township* masih belum disediakan. **Maklum balas daripada RECODA bertarikh 29 Januari 2013 menyatakan bahawa kerja penyambungan rangkaian fiber optik Telekom Malaysia (TM) dari bandar Bintulu ke Samalaju telah siap sebanyak 89%. Keseluruhan projek dijangka siap sepenuhnya pada suku ketiga tahun 2013. Perkhidmatan berasaskan fiber optik talian tetap TM sedia untuk menyediakan infrastruktur bagi membolehkan penyambungan dilakukan namun ini adalah bergantung kepada kerjasama pintar di antara pelabur dan TM. Sambungan fiber optik milik SACOFA telah beroperasi di Samalaju melalui penyediaan rangkaian data/ talian pajak kepada Tokuyama Sdn. Bhd. dan Press Metal Sdn. Berhad. Syarikat Danawa Resources Sdn. Bhd. telah menyediakan 3 perkhidmatan di TPS iaitu liputan wifi, perkhidmatan data berkelajuan di antara 1 Mbps sehingga 4 Mbps dan talian pajak khusus.**

Pada pendapat Audit, komunikasi dan koordinasi antara pihak RECODA dan LKB dengan agensi/*stakeholders* hendaklah dipertingkatkan supaya masalah infrastruktur yang belum lengkap diatasi dengan cara lebih efektif dan berkesan. Selain itu, kemudahan infrastruktur asas lain seperti hospital, balai polis, balai bomba, tapak pelupusan sisa berjadual industri, sistem pembentungan, telekomunikasi dan stesen minyak perlu diberi keutamaan.

### 2.4.3. Impak Kepada Alam Sekitar

Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling (Akta 127), 1974 menyatakan bahawa sesiapa yang hendak menjalankan apa-apa aktiviti yang ditetapkan hendaklah sebelum apa-apa kelulusan bagi menjalankan aktiviti itu diberikan oleh pihak berkuasa meluluskan yang relevan, mengemukakan suatu laporan kepada Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar. Laporan itu hendaklah menurut garis panduan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar dan hendaklah mengandungi suatu penilaian mengenai kesan kepada alam sekeliling yang akan atau yang mungkin akan berlaku akibat aktiviti itu dan langkah yang dicadangkan akan diambil untuk mencegah, mengurangkan atau mengawal kesan yang merugikan kepada alam sekeliling. Semakan Audit mendapati 4 pelabur telah mendapat kelulusan EIA daripada Jabatan Alam Sekitar seperti di **Jadual 2.13**.

**Jadual 2.13**

**Syarikat Pelabur Yang Mendapat Kelulusan EIA Setakat Akhir Bulan Disember 2012**

Bil.	Pelabur	Tarikh Kelulusan	Tarikh Mula Kerja Tanah/Pembinaan	Jangkaan Tarikh Pembinaan Siap/Operasi
1.	Tokuyama Malaysia Sdn. Bhd.	12.08.2010	01.12.2011 (mula pra-pembinaan) 01.02.2012 (mula pembinaan)	31.05.2012 (siap pra-pembinaan) 30.09.2012 (siap pembinaan) <i>Pre-commissioning</i> (Oktober 2012 - Oktober 2013)
2.	Press Metal Bintulu Sdn. Bhd.	09.02.2012	Jun 2011 (mula pembinaan)	Jun 2012 (siap pra-pembinaan) Jun 2013 (siap pembinaan)
3.	OM Materials (Sarawak) Sdn. Bhd.	24.05.2012	Suku pertama 2012 (mula pra-pembinaan) Disember 2012 (mula pembinaan sub-stesen)	Suku pertama 2013 (siap pra-pembinaan)
4.	AML Manganese (Malaysia) Sdn. Bhd.	09.12.2011	28.05.2012 (majlis pecah tanah) 2011 (mula pra-pembinaan) Jun 2012 (mula pembinaan - <i>onshore fabrication</i> )	2013 (siap pra-pembinaan) Disember 2013 (siap pra-pembinaan)

Sumber: Jabatan Alam Sekitar

**Pada pendapat Audit, pemantauan berterusan hendaklah dijalankan mengenai impak daripada operasi perindustrian terhadap alam sekitar.**

## 2.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pengurusan pelaksanaan projek adalah disyorkan langkah seperti berikut:

**2.5.1.** Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah dan Lembaga Kemajuan Bintulu hendaklah mempertingkatkan kolaborasi agar prestasi perunding yang dilantik dan kontraktor boleh ditambah baik bagi menangani isu lewat jadual dan kualiti kerja.

**2.5.2.** Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah dan Lembaga Kemajuan Bintulu hendaklah memberi keutamaan serta mendapatkan dana bagi pembangunan infrastruktur asas dan utiliti.

**2.5.3.** Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah dan Lembaga Kemajuan Bintulu hendaklah menyediakan pelan jangka panjang bagi pelupusan sisa pepejal berjadual industri.



# JABATAN PERTANIAN SARAWAK

## 3. PENGURUSAN PROGRAM PEMBANGUNAN TERNAKAN

### 3.1. LATAR BELAKANG

**3.1.1.** Jabatan Pertanian Sarawak (Jabatan) adalah bertanggungjawab untuk membangunkan industri ternakan dan menyediakan perkhidmatan veterinar di negeri Sarawak. Fungsi utama Jabatan adalah untuk menyediakan amalan sistem penternakan yang baik bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing, menjamin kesihatan haiwan yang optima, memastikan kualiti produk ternakan supaya kesihatan awam terjamin dan menguatkuasakan *Veterinary Public Health Ordinance, 1999*. Program Pembangunan Ternakan (program) merupakan salah satu program yang dijalankan oleh Jabatan dan antara aktiviti utamanya adalah pembangunan ternakan, menyediakan stesen kuarantin haiwan, makmal penyelidikan penyakit haiwan dan kesihatan awam veterinar, pusat pengeluaran baka ternakan dan kemudahan latihan serta penguatkuasaan ordinan.

**3.1.2.** Objektif utama program ini adalah untuk menyokong pembangunan industri ternakan yang moden, lestari dan berdaya saing bagi memastikan kesihatan awam terjamin melalui perkhidmatan kesihatan awam veterinar yang efektif. Program ini bertujuan untuk: mentransformasi penternak kecil untuk mencapai tahap ekonomi yang mampan dan mampu menyokong kualiti kehidupan yang tinggi; memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan sokongan veterinar kepada penternak, usahawan dan *stakeholders*; dan meningkatkan pengeluaran makanan seperti yang disarankan oleh Dasar Pertanian Negara bagi menggalakkan program pembangunan ternakan secara komersial dan pengeluaran ternakan berkualiti untuk pasaran tempatan dan eksport. Program ini seterusnya diperkasakan melalui Projek Permulaan 5 (EPP5) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pertanian yang merupakan penternakan lembu di ladang kelapa sawit yang mana Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia bertanggungjawab sebagai pemilik projek.

**3.1.3.** Bagi tempoh 2009 hingga 2012, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM53.73 juta atau 96.1% daripada RM55.89 juta yang diperuntukkan untuk membantu penternak di seluruh negeri Sarawak.

### 3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada program pembangunan ternakan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

### 3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi program pembangunan ternakan lembu, kambing dan bebiri yang dijalankan oleh Jabatan bagi tempoh 2009 hingga 2012. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan, Bahagian Veterinar dan 4 Pejabat Veterinar Bahagian iaitu di Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Miri serta Makmal Diagnosa Veterinar Negeri. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data. Selain itu, lawatan fizikal ke ladang penternak dan stesen ternakan yang dipilih serta temu bual dengan pegawai Jabatan dan penternak juga dilakukan.

### 3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2012 mendapati pada keseluruhannya pengurusan program pembangunan ternakan adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan program seperti:

- Serahan balik lembu *Cattle Pawah Programme* belum selesai walaupun telah melebihi tempoh perjanjian yang ditetapkan.
- Kadar kelahiran ternakan adalah rendah, manakala kadar kematian melebihi norma yang ditetapkan oleh Jabatan.
- Kaedah serahan balik lembu bagi projek EPP5 belum dimuktamadkan serta surat perjanjian belum ditandatangani.
- Perjanjian kontrak bagi perolehan ternakan tidak disediakan.
- Rekod pendaftaran ternakan di stesen ternakan tidak lengkap dan kemas kini.
- Pengurusan stesen ternakan lemah di mana penyenggaraan padang ragut kurang memuaskan dan tindakan pelupusan bagi kenderaan, jentera dan peralatan pertanian yang rosak belum dilaksanakan.
- Pembelian insinerator oleh Bahagian Veterinar tidak terancang.

#### 3.4.1. Prestasi Pelaksanaan Program

Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2009 hingga 2012, Jabatan diperuntukkan sejumlah RM55.89 juta iaitu sejumlah RM30.95 juta daripada Kerajaan Persekutuan dan RM24.94 juta daripada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program pembangunan ternakan di seluruh negeri Sarawak. Bagi tempoh yang sama, sejumlah RM30.57 juta atau 98.8% peruntukan Kerajaan Persekutuan dan RM23.16 juta atau 92.8% peruntukan Kerajaan Negeri telah dibelanjakan seperti di **Jadual 3.1**.

**Jadual 3.1****Prestasi Kewangan Program Bagi Tempoh 2009 Hingga 2012**

Bil.	Sumber Kewangan	Tahun	Peruntukan (RM Juta) (a)	Perbelanjaan (RM Juta) (b)	Peratus (%) (b/a*100)
1.	Kerajaan Negeri	2009	7.03	6.18	87.9
		2010	6.20	5.82	93.9
		2011	5.69	5.51	96.8
		2012	6.02	5.65	93.8
<b>Jumlah</b>			<b>24.94</b>	<b>23.16</b>	<b>92.8</b>
2.	Kerajaan Persekutuan	2009	13.51	13.35	98.8
		2010	12.01	12.01	100.0
		2011	1.00	0.98	98.0
		2012	4.43	4.23	95.5
<b>Jumlah</b>			<b>30.95</b>	<b>30.57</b>	<b>98.8</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>55.89</b>	<b>53.73</b>	<b>96.1</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak

### 3.4.1.1. Program Pembangunan Ternakan

- a. Jabatan telah memperkenalkan 4 program pembangunan ternakan iaitu *Sale of Livestock Programme* (SOL), *Livestock Commercial Unit Programme* (LCU), *Livestock Farm Unit Programme* (LFU) dan *Cattle Pawah Programme* (CPP) untuk membantu penternak yang memerlukan bantuan mengembangkan ladang sedia ada. Semakan Audit mendapati tiada sasaran ditetapkan bagi semua program pembangunan ternakan yang diberi kepada penternak dan laporan impak kerja belum lagi disediakan setakat akhir RMKe-9. Adalah didapati bantuan diagih kepada penternak berdasar kepada peruntukan yang diluluskan setiap tahun.
- b. Semakan dan lawatan Audit terhadap 3 daripada 4 program pembangunan ternakan yang dipilih bagi tempoh 2009 hingga 2011 mendapati perkara berikut:
  - i. **Sale Of Livestock Programme**
    - Di bawah program SOL, pelbagai jenis ternakan daripada baka yang ditambah baik disediakan sama ada melalui stesen ternakan Jabatan atau diperolehi daripada penternak tempatan atau diimport untuk dijual kepada penternak yang ada potensi untuk maju pada harga subsidi antara RM100 hingga RM3,000 seekor berdasarkan spesis, jenis, kategori dan umur ternakan. Objektif program ini adalah untuk memperkenalkan baka yang telah ditambah baik kepada penternak bagi menambah kualiti pengeluaran ladang. Bilangan penternak yang dilulus untuk menerima bantuan program SOL dan bilangan ternakan yang diagih mengikut bahagian bagi tempoh 2009 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 3.2**.

**Jadual 3.2**  
**Statistik Penternak Dan Ternakan Yang Diagih Di Bawah Program SOL**  
**Bagi Tempoh 2009 Hingga 2012**

Bil.	Bahagian	2009		2010		2011		2012	
		Bil. Penternak	Bil. Ternakan	Bil. Penternak	Bil. Ternakan	Bil. Penternak	Bil. Ternakan	Bil. Penternak	Bil. Ternakan
1.	Kuching	30	674	28	110	1	3	9	305
2.	Samarahan	23	201	24	261	13	102	7	31
3.	Sri Aman	6	35	2	52	1	6	-	-
4.	Betong	48	423	-	-	-	-	5	127
5.	Sarikei	8	60	5	77	-	-	2	42
6.	Mukah	4	72	16	77	-	-	1	32
7.	Sibu	17	155	12	288	-	-	1	53
8.	Bintulu	6	158	10	166	4	32	1	11
9.	Miri	33	586	46	647	3	46	9	138
10.	Limbang	8	151	2	85	-	-	-	-
11.	Kapit	-	-	-	-	2	17	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>183</b>	<b>2,515</b>	<b>145</b>	<b>1,763</b>	<b>24</b>	<b>206</b>	<b>35</b>	<b>739</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak

- Semakan dan lawatan Audit ke 28 ladang penternak lembu, kambing dan bebiri yang dipilih di bawah program SOL mendapati 6 ladang sudah tidak beroperasi, 8 masih beroperasi tetapi projek kurang memuaskan kerana mengalami masalah tiada kawasan ragut yang sesuai sementara 14 ladang masih beroperasi dan ada potensi untuk maju. Ringkasan penemuan lawatan Audit terhadap program SOL adalah seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.3**  
**Ringkasan Penemuan Lawatan Audit Terhadap Program SOL**

Bil.	Bahagian/ Daerah	Bil. Penerima SOL	Bil. Dilawati Audit	Penemuan Audit		
				a	b	c
1.	Kuching	11	2	-	1	1
2.	Bau	5	2	1	1	-
3.	Samarahan	2	2	1	1	-
4.	Asajaya	4	4	3	1	-
5.	Serian	37	6	3	2	1
6.	Simunjan	4	3	1	1	1
7.	Miri	47	4	4	-	-
8.	Sri Aman	7	5	1	1	3
<b>Jumlah</b>		<b>117</b>	<b>28</b>	<b>14</b>	<b>8</b>	<b>6</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: a - Masih beroperasi dan projek ada potensi untuk maju  
 b - Masih beroperasi tetapi projek kurang memuaskan  
 c - Projek sudah tidak beroperasi

## ii. *Livestock Commercial Unit Programme*

- Di bawah program LCU, bantuan secara geran diberi dalam bentuk input ladang kepada penternak yang mempunyai potensi untuk maju dan dipilih mengikut kriteria yang ditetapkan. Geran bernilai RM10,000 seunit dengan kelulusan maksimum adalah 10 unit. Geran ini boleh digunakan untuk penyediaan tanah, pembelian bahan input ladang seperti pagar, bahan

binaan dan benih rumput. Objektif program ini adalah untuk membantu usahawan dan penternak kecil untuk pengeluaran ternakan secara komersial. Bilangan penternak yang memohon dan diluluskan bantuan di bawah program LCU bagi tempoh 2009 hingga 2012 serta agihan peruntukan adalah seperti di **Jadual 3.4**.

**Jadual 3.4**  
**Statistik Penternak Dan Ternakan Yang Diluluskan Di Bawah Program LCU**  
**Bagi Tempoh 2009 Hingga 2012**

Bil.	Tahun	Bahagian	Bil. Penternak Yang Memohon	Bil. Penternak Dilulus	Bil. Unit Dilulus	Peruntukan Diagihkan (RM)
1.	2009	Kuching	9	6	12	120,000
		Kota Samarahan	8	6	9	90,000
		Sri Aman	6	6	10	100,000
		Miri	12	9	15	150,000
		Betong	7	7	13	130,000
		Sibu	21	14	19	190,000
		Sarikei	20	11	14	140,000
		Kapit	1	1	2	20,000
		Mukah	6	5	7	70,000
		Bintulu	5	3	6	60,000
		Limbang	8	7	11	110,000
<b>Jumlah</b>			<b>103</b>	<b>75</b>	<b>118</b>	<b>1,180,000</b>
2.	2010	Kuching	5	1	5	50,000
		Kota Samarahan	13	2	2	20,000
		Sri Aman	15	7	7	70,000
		Miri	27	8	8	80,000
		Betong	11	11	40	400,000
		Sibu	13	6	8	80,000
		Sarikei	21	13	17	170,000
		Kapit	-	-	-	-
		Mukah	12	4	8	80,000
		Bintulu	14	7	14	140,000
		Limbang	17	10	11	110,000
<b>Jumlah</b>			<b>148</b>	<b>69</b>	<b>120</b>	<b>1,200,000</b>
3.	2011	Kuching	12	11	16	160,000
		Kota Samarahan	10	8	15	150,000
		Sri Aman	7	7	12	120,000
		Miri	17	15	26	260,000
		Betong	19	19	41	410,000
		Sibu	20	16	35	350,000
		Sarikei	10	8	9	90,000
		Kapit	-	-	-	-
		Mukah	5	4	7	70,000
		Bintulu	12	4	9	90,000
		Limbang	11	11	22	220,000
<b>Jumlah</b>			<b>123</b>	<b>103</b>	<b>192</b>	<b>1,920,000</b>
4.	2012	Kuching	33	11	19	190,000
		Kota Samarahan	19	10	16	160,000
		Sri Aman	16	9	11	110,000
		Miri	32	16	18	180,000

Bil.	Tahun	Bahagian	Bil. Penternak Yang Memohon	Bil. Penternak Dilulus	Bil. Unit Dilulus	Peruntukan Diagihkan (RM)
5.	2012	Betong	22	12	21	210,000
		Sibu	17	6	7	70,000
		Sarikei	17	12	15	150,000
		Kapit	-	-	-	-
		Mukah	-	-	-	-
		Bintulu	16	8	8	80,000
		Limbang	1	1	2	20,000
<b>Jumlah</b>			<b>173</b>	<b>85</b>	<b>117</b>	<b>1,170,000</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak

- Lawatan Audit ke 30 ladang penternak di bawah program LCU di Bahagian Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Miri pada bulan Julai 2012 hingga September 2012 mendapati 20 ladang yang dilawati masih beroperasi dan ada potensi untuk maju, 5 ladang masih beroperasi tetapi dalam keadaan kurang memuaskan kerana mengalami kadar kematian kambing yang tinggi dan kawasan ragut yang terhad serta 5 lagi ladang sudah tidak beroperasi. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.5**.

**Jadual 3.5**  
**Ringkasan Penemuan Lawatan Audit Terhadap Program LCU**

Bil.	Bahagian/ Daerah	Bil. Penternak Yang Menerima Bantuan	Bil. Ladang Yang Dilawati Audit	Penemuan Audit		
				a	b	c
1.	Kuching	11	7	5	1	1
2.	Bau	3	3	2	-	1
3.	Samarahan	2	2	-	2	-
4.	Asajaya	5	4	1	2	1
5.	Serian	4	3	3	-	-
6.	Simunjan	1	1	1	-	-
7.	Miri	15	5	5	-	-
8.	Sri Aman	6	5	3	-	2
<b>Jumlah</b>		<b>47</b>	<b>30</b>	<b>20</b>	<b>5</b>	<b>5</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: a - Masih beroperasi dan projek ada potensi untuk maju

b - Masih beroperasi tetapi projek kurang memuaskan

c - Projek sudah tidak beroperasi

### iii. *Cattle Pawah Programme*

- Program CPP merupakan Sistem Integrasi Tanaman Utama dengan ternakan ruminan iaitu penternakan lembu di ladang kelapa sawit secara pawah kepada Agensi atau individu dalam tempoh yang ditetapkan. Melalui program ini, lembu dibiar meragut secara pusingan di ladang kelapa sawit dengan kawalan pagar elektrik mengikut tempoh yang sesuai. Kelebihan sistem ini ialah penternak dapat mengurangkan penggunaan racun rumpai, baja dan tenaga buruh.

- Objektif program ini adalah untuk meningkatkan populasi ternakan lembu dan pengeluaran daging lembu, memaksimumkan kegunaan kawasan tanah yang ditanam dengan kelapa sawit serta meningkatkan penglibatan pihak swasta dalam pengeluaran daging. Di bawah konsep pawah, penternak dikehendaki menyerah balik bilangan lembu yang sama dengan bilangan lembu yang telah dipawahkan dalam tempoh yang ditetapkan. Lembu yang perlu diserahkan balik kepada Jabatan hendaklah berumur sekurang-kurangnya 8 hingga 30 bulan dalam keadaan masih hidup dan sihat serta merangkumi sekurang-kurangnya 50% lembu betina daripada jumlah yang diserahkan balik dalam masa 5 tahun daripada tarikh penerimaan lembu pawah.
- Semakan Audit mendapati CPP telah diperkenalkan di negeri Sarawak sejak tahun 2000. Setakat tarikh Audit, program ini telah memberi manfaat kepada 34 ladang. Bagi tempoh sehingga bulan Disember 2012, 20 ladang telah berjaya menyerah balik lembu yang dipawahkan manakala status serahan balik bagi 14 ladang adalah seperti di **Jadual 3.6**. Lawatan Audit ke 8 ladang kelapa sawit CPP yang dipilih di Daerah Lundu, Serian, Samarahan dan Bahagian Miri mendapati lembu bagi program ini adalah seperti di **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.6**.

**Jadual 3.6**

**Status Serahan Balik Lembu Di Bawah CPP Setakat Bulan Disember 2012**

Bil.	Nama Ladang	Tahun Mula	Keluasan Kawasan Ladang (Ha)	Bil. Lembu Yang Diagihkan		Bil. Lembu Diserah Balik (Ekor)	Baki Lembu Di Ladang (Ekor)	Ulasan
				Betina (Ekor)	Jantan (Ekor)			
1.	Individu Long Laput	2004	200	48	2	-	85	Tempoh pawah menjangkau 8 tahun tetapi tiada serahan balik dibuat
2.	DAFA Estate	2005	2,676	785	47	100	1,190	Tempoh pawah menjangkau 7 tahun tetapi serahan balik belum selesai. <b>(Gambar 3.1)</b>
3.	Melikin	2006	750	80	5	48	203	Tempoh pawah menjangkau 6 tahun tetapi serahan balik belum selesai. <b>(Gambar 3.2)</b>
4.	Sampadi 4	2007	7,600	250	15	-	370	Tempoh pawah hampir 5 tahun tetapi tiada serahan balik dibuat
5.	Ladang Bukit Peninjau dan Ladang Surea	2007	2,080	150	10	84	299	Tempoh pawah hampir 5 tahun tetapi serahan balik belum selesai. <b>(Gambar 3.3)</b>

Bil.	Nama Ladang	Tahun Mula	Keluasan Kawasan Ladang (Ha)	Bil. Lembu Yang Diagihkan		Bil. Lembu Diserah Balik (Ekor)	Baki Lembu Di Ladang (Ekor)	Ulasan
				Betina (Ekor)	Jantan (Ekor)			
6.	Ladang Sg Tangit	2007	1,654	150	10	-	-	Tempoh pawah hampir 5 tahun tetapi tiada serahan balik dibuat dan lembu telah dipindahkan ke Ladang Tiga
7.	Ladang Samarahan Oil Palm	2007	1,585	100	8	25	127	Tempoh pawah hampir 5 tahun tetapi serahan balik belum selesai. <b>(Gambar 3.4)</b>
8.	Gagasan Koperasi FELCRA	2007	727	50	3	-	40	Tempoh pawah hampir 5 tahun tetapi tiada serahan balik dibuat
9.	Rimbunan Hijau, Miri	2009	6,964	283	10	-	276	Belum ada serahan balik dibuat
10.	Seatex Development Sdn. Bhd.	2009	4,856	202	11	-	193	Belum ada serahan balik dibuat
11.	Ladang Tiga dan Sg Tangit	2009	2,092	120	10	30	263	Tempoh pawah 3 tahun tetapi serahan balik belum selesai. <b>(Gambar 3.5)</b>
12.	Melikin (Blok Entuyan)	2009	1,411	49	3	-	52	Belum ada serahan balik dibuat
13.	RH-PJP Pelita Lundu Plantation	2010	7,370	157	10	-	193	Belum ada serahan balik dibuat. <b>(Gambar 3.6)</b>
14.	Ladang Subis Satu	2010	1,031	80	6	-	105	Tempoh pawah 2 tahun dan serahan balik belum dibuat

Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak

**Gambar 3.1**  
**Keadaan Lembu Di Ladang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: DAFA Estate, Lundu  
Tarikh: 5 Julai 2012

**Gambar 3.2**  
**Lembu Berpindah Padok**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SALCRA Melikin  
Tarikh: 31 Julai 2012



**Gambar 3.3**  
**Lembu Di Ladang Kelapa Sawit**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Ladang Bukit Peninjau/Ladang Surea  
Tarikh: 13 September 2012

**Gambar 3.4**  
**Lembu Meragut Rumput**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Ladang Samarahan Oil Palm  
Tarikh: 30 Julai 2012

**Gambar 3.5**  
**Keadaan Lembu Di Kandang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Ladang Tiga Dan Sg. Tangit  
Tarikh: 13 September 2012

**Gambar 3.6**  
**Lembu Di Ladang Kelapa Sawit**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RH-PJP Pelita Lundu Plantation  
Tarikh: 5 Julai 2012

#### **3.4.1.2. Projek Permulaan 5 NKEA Pertanian (EPP5)**

- a. Mulai tahun 2011, program Sistem Integrasi Tanaman Utama dengan Ternakan Ruminan telah diperkasakan melalui EPP5 NKEA Pertanian. Di negeri Sarawak, 6 ladang telah dipilih dan diluluskan untuk menyertai projek ini iaitu RH-PJP Pelita Lundu Plantation dan DAFA Estate di Bahagian Kuching; Ladang Kedup 1 dan Ladang Tae di Bahagian Samarahan; dan Ladang Tiga dan Ladang Subis 3 di Bahagian Miri. Tender untuk perolehan lembu bagi projek EPP5 diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia. Semakan Audit terhadap Laporan Pemeriksaan dan Penyelarasan Penerimaan Lembu Tender (EPP5) mendapati Jabatan telah menerima sebanyak 60 baka lembu jantan Brahman dan 1,200 baka lembu betina Brahman kacukan untuk negeri Sarawak daripada pembekal pada bulan Jun 2012. Kesemua lembu tersebut telah diagihkan kepada 6 ladang yang menyertai projek ini. Agihan lembu mengikut ladang kelapa sawit yang telah dipilih adalah seperti di **Jadual 3.7**.

**Jadual 3.7**  
**Senarai Agihan Lembu Untuk Projek EPP5**

Bil.	Nama Ladang	Nama Agensi	Bil. Lembu	
			Jantan (Ekor)	Betina (Ekor)
1.	DAFA Estate	Syarikat Ladang DAFA Lundu	10	200
2.	RH-PJP Pelita Lundu Plantation	RH-PJP Pelita Lundu Plantation	20	400
3.	Ladang Tae	SALCRA	5	100
4.	Ladang Kedup 1	SALCRA	5	100
5.	Ladang Tiga	Sarawak Plantation Agriculture Development	10	200
6.	Ladang Subis 3	Sarawak Plantation Agriculture Development	10	200
<b>Jumlah</b>			<b>60</b>	<b>1,200</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak

- b. Lawatan Audit dalam tempoh bulan Julai hingga September 2012 mendapati kesemua 6 ladang tersebut telah menerima agihan lembu EPP5. Bagaimanapun, kaedah serahan balik lembu tersebut belum dimuktamadkan dan surat perjanjian antara Kerajaan dan penternak bagi projek EPP5 belum ditandatangani setakat tarikh pengauditan dijalankan. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 25 Januari 2013 menyatakan dokumen kontrak perjanjian EPP5 disimpan di Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Putrajaya. Berdasarkan salinan surat perjanjian untuk Rimbunan Sawit Berhad (PJP Pelita Biawak Plantation Sdn. Bhd. Rimbunan Hijau), tarikh surat perjanjian ditandatangani adalah pada 22 Mei 2012. Bagaimanapun, salinan surat perjanjian untuk 5 ladang lain belum dikemukakan oleh pihak Jabatan Pertanian Sarawak**

Pada pendapat Audit, Jabatan haruslah mengkaji semula pelaksanaan program pembangunan ternakan agar objektif program boleh tercapai dengan mengenal pasti penternak yang ada potensi untuk berdaya maju. Selain itu, Jabatan juga perlulah memastikan ternakan yang dipawah diserahkan balik dalam tempoh yang ditetapkan supaya dapat dimanfaatkan oleh penternak lain. Audit juga berpendapat bahawa ladang yang menyertai projek EPP5 haruslah dipilih daripada ladang di bawah CPP yang telah selesai membuat serahan balik lembu yang dipawah dan surat perjanjian haruslah ditandatangani sebelum lembu diagih dan kaedah serahan balik lembu hendaklah jelas.

### 3.4.2. Pengurusan Perolehan Ternakan

3.4.2.1. Bagi mencapai objektif untuk menghasilkan ternakan yang berkualiti, Jabatan mengambil inisiatif mengimport baka ternakan berkualiti daripada luar negara untuk diagihkan atau dijual kepada penternak selain daripada baka yang telah ditambah baik di stesen ternakan Jabatan. Bagi tempoh 2009 hingga 2012, Jabatan telah mengimport sebanyak 4,555 baka kambing dan 2,405 baka lembu. Butiran perolehan baka kambing dan lembu bagi tempoh tersebut adalah seperti di **Jadual 3.8**.

**Jadual 3.8****Perolehan Baka Kambing Dan Lembu Bagi Tempoh 2009 Hingga 2012**

Bil.	Tahun Perolehan	Perkara	Pembekal	Kos (RM Juta)	Catatan
1.	2009	Membekal 1,735 baka kambing	Pembekal Khidmatvet	2.53	Perolehan dibuat secara tender terbuka
2.	2009	Membekal 1,650 baka lembu Brahman dan 100 lembu tenusu	PPES Ternak Sdn. Bhd.	7.60	Tiada perjanjian kontrak ditandatangani. Perolehan dibuat setelah mendapat pengecualian prosedur tender
3.	2010	Membekal 1,800 baka kambing Boer dan 320 kambing tenusu	Destisar Sdn. Bhd.	2.39	Perolehan dibuat secara tender terbuka
4.	2010	Membekal 490 lembu Bali	Sara Citra Sdn. Bhd.	1.72	Tiada perjanjian kontrak ditandatangani. Perolehan dibuat setelah mendapat pengecualian prosedur tender
5.	2012	Membekal 700 baka kambing	Pembekal Khidmatvet	1.80	Perolehan dibuat secara tender terbuka
6.	2012	Membekal 165 lembu Bali	Power Ranch Sdn. Bhd.	0.84	Perolehan dibuat secara tender terbuka
<b>Jumlah</b>				<b>16.88</b>	

Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak

**3.4.2.2.** Semakan Audit mendapati Jabatan mendapat kelulusan pengecualian tender daripada Setiausaha Kewangan Negeri pada tahun 2009 bagi perolehan 1,650 lembu baka Brahman dan 100 lembu tenusu daripada PPES Ternak Sdn. Bhd. dengan kos RM7.60 juta. Lembu tersebut adalah untuk Projek Integrasi Lembu-Kelapa Sawit dan projek tenusu. Selain itu, Jabatan mendapat pengecualian tender bagi perolehan 490 lembu Bali pada tahun 2010 dengan kos sejumlah RM1.72 juta daripada Sara Citra Sdn. Bhd. untuk pembiakan baka di stesen ternakan Jabatan. Bagaimanapun, adalah didapati perjanjian kontrak bagi 2 perolehan ini tidak disediakan. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 25 Januari 2013 menyatakan tiada perjanjian kontrak dibuat bagi perolehan melalui kelulusan pengecualian tender di Jabatan Pertanian. Jabatan memaklumkan telah mula menyediakan perjanjian kontrak bagi semua perolehan yang mendapat kelulusan pengecualian tender/sebutharga mulai tahun 2013.**

**Pada pendapat Audit, perjanjian kontrak perlu ditandatangani di antara Jabatan dengan pembekal bagi menjaga kepentingan Kerajaan.**

### **3.4.3. Pengurusan Stesen Ternakan**

**3.4.3.1.** Jabatan mewujudkan stesen ternakan untuk membangun, menambah baik dan mengendalikan ternakan bagi pengeluaran baka ternakan yang telah ditambah baik serta menjadi pusat latihan kepada penternak. Jabatan mengendalikan 8 stesen ternakan iaitu Stesen Ternakan Rusa Sungai Pinang, Stesen Ternakan Temudok, Stesen Ternakan Layar, Stesen Ternakan Kabuloh, Pusat Ternakan Karabungan, Stesen Ternakan Batu

Danau, Stesen Kerbau Maragang dan Stesen Rusa Long Sebangan. Antara ternakan yang dikeluarkan adalah lembu, kambing, bebiri, rusa, kerbau, khinzir dan ayam kacukan.

**3.4.3.2.** Lawatan Audit pada bulan September 2012 ke 4 daripada 8 stesen ternakan iaitu Stesen Ternakan Temudok di Bahagian Sri Aman, Stesen Ternakan Layar di Bahagian Betong, Stesen Ternakan Kabuloh dan Pusat Ternakan Karabungan di Bahagian Miri mendapati perkara berikut:

**a. Pendaftaran Ternakan Tidak Lengkap**

- i. Setiap ternakan seperti lembu, kambing dan bebiri hendaklah didaftarkan dan diberi nombor pengenalan melalui penggunaan tag yang dilekat pada telinga ternakan. Semakan Audit terhadap rekod pendaftaran ternakan mendapati kesemua 4 stesen mengamalkan penggunaan tag dan rekod pendaftaran ada diselenggarakan tetapi tidak lengkap dan kemas kini. Keadaan ternakan di 4 stesen yang dipilih adalah seperti di **Gambar 3.7** hingga **Gambar 3.10**.

**Gambar 3.7**  
**Kambing Tiada Tag Pengenalan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stesen Ternakan Kabuloh, Miri  
Tarikh: 11 September 2012

**Gambar 3.8**  
**Lembu Yang Ada Tag Pengenalan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Ternakan Karabungan, Miri  
Tarikh: 12 September 2012

**Gambar 3.9**  
**Kambing Tiada Tag Pengenalan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stesen Ternakan Temudok, Sri Aman  
Tarikh: 19 September 2012

**Gambar 3.10**  
**Bebiri Tiada Tag Pengenalan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stesen Ternakan Layar, Betong  
Tarikh: 20 September 2012

- ii. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 25 Januari 2013 menyatakan bahawa terdapat kelemahan dalam amalan tersebut dan kelemahan ini akan diperbaiki melalui *Standard Operating Procedure (SOP)* bertulis bagi stesen ternakan yang sedang digubal. Bahagian Veterinar telah menganjurkan satu bengkel untuk menggubal semua SOP berkaitan semua proses pengurusan projek dan stesen ternakan pada 3 hingga 5 Disember 2012.**

**b. Kadar Pengeluaran, Kelahiran Dan Kematian Ternakan Kurang Memuaskan**

- i. Bagi tempoh 2009 hingga 2012, Jabatan merekodkan pencapaian pengeluaran kambing dan bebiri yang memuaskan bagi Stesen Ternakan Temudok dan Layar iaitu di antara 60.7 % hingga 78%. Pencapaian ternakan bagi tempoh yang sama untuk Stesen Ternakan Kabuloh adalah kurang memuaskan iaitu di antara 37.2% hingga 52% manakala Pusat Ternakan Karabungan juga menunjukkan pencapaian yang kurang memuaskan iaitu di antara 0% hingga 66.7%. Pada tempoh yang sama pencapaian pengeluaran lembu di Pusat Ternakan Karabungan adalah kurang memuaskan iaitu di antara 1.3% hingga 5.1%. Mengikut Laporan Sasaran Dan Pengeluaran Ternakan daripada stesen ternakan, pengeluaran ternakan tidak dapat dicapai disebabkan tiada stok/genetik yang baru dibawa masuk ke kelompok pembiak di stesen ternakan dan berlaku *in-breeding* apabila terdapat pembiakan yang melibatkan ternakan yang mempunyai pertalian darah serta menyumbang kepada penurunan produktiviti. Sasaran dan pencapaian pengeluaran stesen ternakan bagi tempoh 2009 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 3.9**.

**Jadual 3.9**

**Sasaran Dan Pengeluaran Stesen Ternakan Bagi Tempoh 2009 Hingga 2012**

Bil.	Stesen Ternakan	Jenis Ternakan	2009		2010		2011		2012	
			Sasaran (Ekor)	Pencapaian (Ekor/ Peratus)	Sasaran (Ekor)	Pencapaian (Ekor/ Peratus)	Sasaran (Ekor)	Pencapaian (Ekor/ Peratus)	Sasaran (Ekor)	Pencapaian (Ekor/ Peratus)
1.	Stesen Ternakan Temudok	Kambing	200	155 / 77.5	150	91 / 60.7	100	76 / 76.0	100	40 / 40.0
2.	Stesen Ternakan Layar	Bebiri	350	247 / 70.6	350	265 / 75.7	350	273 / 78.0	350	125 / 35.7
3.	Stesen Ternakan Kabuloh	Kambing	86	32 / 37.2	77	38 / 49.3	79	31 / 39.2	-	- / -
4.		Bebiri	217	112 / 51.6	167	87 / 52.0	134	54 / 40.2	-	- / -
5.	Pusat Ternakan Karabungan	Lembu	79	4 / 5.1	79	1 / 1.3	73	2 / 2.7	123	2 / 1.6
6.		Kambing	5	- / -	3	2 / 66.7	43	- / -	16	1 / 6.3

Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak

- ii. Berdasarkan indeks produktiviti stesen ternakan, Jabatan telah menetapkan norma kadar kelahiran yang standard bagi lembu adalah 65% dan kambing serta bebiri adalah 100%. Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan Bulanan bagi 4 stesen ternakan yang dilawati mendapati bagi tempoh 2009 hingga 2012, kadar kelahiran lembu di Pusat Ternakan Karabungan adalah di antara 0% hingga

3.3% iaitu jauh di bawah norma kadar kelahiran. Manakala kadar kelahiran kambing dan bebiri di Stesen Ternakan Temudok adalah di antara 30.3% hingga 41.4%, Stesen Ternakan Layar di antara 41.4% hingga 57.5%, Stesen Ternakan Kabuloh di antara 34.3% hingga 47.8% dan Pusat Ternakan Karabungan adalah di antara 0% hingga 12.5%. Butiran kelahiran lembu, kambing dan bebiri bagi tempoh 2009 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 3.10**.

**Jadual 3.10**  
**Kelahiran Ternakan Bagi Tempoh 2009 Hingga 2012**

Bil.	Stesen Ternakan	Jenis Ternakan	Tahun	Baki Ternakan (Ekor)	Kelahiran Ternakan (Ekor)	Peratus Kelahiran (%)
1.	Stesen Ternakan Temudok	Kambing	2009	396	120	30.3
			2010	435	156	35.9
			2011	370	153	41.4
			2012	365	134	36.7
2.	Stesen Ternakan Layar	Bebiri	2009	654	376	57.5
			2010	682	325	47.7
			2011	837	419	50.1
			2012	524	217	41.4
3.	Stesen Ternakan Kabuloh	Kambing	2009	159	76	47.8
			2010	167	73	43.7
			2011	140	64	45.7
			2012	110	41	37.3
		Bebiri	2009	317	130	41.0
			2010	286	135	47.2
			2011	204	70	34.3
			2012	162	65	40.1
4.	Pusat Ternakan Karabungan	Lembu	2009	130	4	3.1
			2010	123	4	3.3
			2011	201	-	-
			2012	189	2	1.1
		Kambing	2009	8	-	-
			2010	124	3	2.4
			2011	16	-	-
			2012	8	1	12.5
		Bebiri	2009	-	-	-
			2010	-	-	-
			2011	-	-	-
			2012	3	-	-

Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak

- iii. Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan Bulanan bagi 4 stesen ternakan yang dilawati mendapati kadar kematian ternakan yang boleh diterima mengikut norma yang ditetapkan oleh Jabatan adalah di antara 5% hingga 10%. Bagi tempoh 2009 hingga 2012, peratus kadar kematian ternakan lembu di Pusat Ternakan Karabungan adalah di antara 3% hingga 55.4% yang mana melebihi norma yang ditetapkan. Manakala kadar kematian kambing dan bebiri di Stesen Ternakan Temudok adalah di antara 9.7% hingga 24.2%, Stesen Ternakan Layar di antara 6.8% hingga 25.4%, Stesen Ternakan Kabuloh di antara 14.4% hingga 26.3% dan Pusat Ternakan Karabungan di antara 55.6% hingga 74%. Analisis Audit terhadap Laporan Kemajuan Bulanan mendapati antara punca kematian

ternakan adalah *pneumonia*, *dystocia*, *septicaemia*, *liver fluke* dan cacing. Kematian ternakan bagi tempoh 2009 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 3.11**.

**Jadual 3.11**  
**Kematian Ternakan Bagi Tempoh 2009 Hingga 2012**

Bil.	Stesen Ternakan	Jenis Ternakan	Tahun	Baki Ternakan (Ekor)	Kematian Ternakan (Ekor)	Peratus Kematian (%)	Antara Punca Kematian
1.	Stesen Ternakan Temudok	Kambing	2009	396	100	20.2	Cirit-birit dan kembung perut Kejangkitan mulut Kekejangan otot Sakit tua
			2010	435	139	24.2	
			2011	370	83	18.3	
			2012	365	39	9.7	
2.	Stesen Ternakan Layar	Bebiri	2009	654	81	11.0	Kejangkitan kepala, telinga dan kaki Keracunan makanan Kesukaran beranak ( <i>dystocia</i> ) Mati tersepit Parasit kutu Radang paru-paru ( <i>pneumonia</i> )
			2010	682	60	8.1	
			2011	837	61	6.8	
			2012	524	178	25.4	
3.	Stesen Ternakan Kabuloh	Kambing	2009	159	40	20.1	Cirit-birit dan kembung perut Kebuluran Keracunan darah ( <i>septicaemia</i> ) Kesukaran beranak ( <i>dystocia</i> ) Radang paru-paru
			2010	167	28	14.4	
			2011	140	50	26.3	
			2012	110	30	21.4	
		Bebiri	2009	317	66	17.2	
			2010	286	64	18.3	
			2011	204	45	18.1	
			2012	162	43	21.0	
4.	Pusat Ternakan Karabungan	Lembu	2009	130	4	3.0	Jatuh dalam dulang makanan Lemah dan <i>stres</i> Parasit cacing dan <i>liver fluke</i> Sangkut dalam lumpur
			2010	123	8	6.1	
			2011	201	250	55.4	
			2012	189	12	6.0	
		Kambing	2009	8	17	68.0	
			2010	124	352	74.0	
			2011	16	27	62.8	
			2012	8	10	55.6	
		Bebiri	2009	-	-	-	
			2010	-	-	-	
			2011	-	-	-	
			2012	3	-	-	

Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak

- iv. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 25 Januari 2013 menyatakan bahawa baki stok pembiak baka lembu, bebiri dan kambing yang ada di Pusat Ternakan Karabungan, Stesen Ternakan Temudok, Stesen Ternakan Layar dan Stesen Ternakan Kabuloh adalah stok yang sudah melepasi usia pembiakan dan harus ditakai. Ini menyebabkan produktiviti ternakan di stesen adalah amat rendah.**

**c. Penyenggaraan Padang Ragut Kurang Memuaskan**

- i. Pengurusan padang ragut yang baik dapat menghasilkan pastura dan foder dalam kuantiti yang banyak dan bermutu bagi memenuhi keperluan tenaga dan

protein ternakan sepanjang tahun. Pengurusan yang baik juga memastikan pastura dan foder dapat bertahan untuk jangka masa panjang serta mengurangkan aktiviti penanaman semula. Keadaan padang ragut semasa lawatan Audit pada bulan September 2012 di 4 stesen ternakan adalah seperti di **Jadual 3.12**.

**Jadual 3.12**  
**Keadaan Padang Ragut Semasa Lawatan Audit**  
**Pada Bulan September 2012**

Bil.	Stesen	Keluasan Padang Ragut (Ha)	Keadaan Padang Ragut
1.	Stesen Ternakan Temudok	27	Memuaskan
2.	Stesen Ternakan Layar	33	Memuaskan
3.	Stesen Ternakan Kabuloh	27	Tidak Memuaskan * ( <b>Gambar 3.11</b> dan <b>Gambar 3.12</b> )
4.	Pusat Ternakan Karabungan	202	Tidak Memuaskan ( <b>Gambar 3.13</b> dan <b>Gambar 3.14</b> )

Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak

Nota: \* - Telah ditutup pada bulan Disember 2012

**Gambar 3.11**  
**Padang Ragut Yang Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Stesen Ternakan Kabuloh, Miri  
 Tarikh: 11 September 2012

**Gambar 3.12**  
**Padang Ragut Yang Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Stesen Ternakan Kabuloh, Miri  
 Tarikh: 11 September 2012

**Gambar 3.13**  
**Padang Ragut Yang Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Pusat Ternakan Karabungan, Miri  
 Tarikh: 12 September 2012

**Gambar 3.14**  
**Padang Ragut Yang Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Pusat Ternakan Karabungan, Miri  
 Tarikh: 12 September 2012



- ii. Lawatan Audit pada bulan September 2012 ke Pusat Ternakan Karabungan juga mendapati stok baja dan racun tidak disimpan dan diurus dengan baik seperti di **Gambar 3.15** dan **Gambar 3.16**.

**Gambar 3.15**  
**Penyimpanan Stok Baja**  
**Tidak Diurus Dengan Baik**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Ternakan Karabungan, Miri  
Tarikh: 12 September 2012

**Gambar 3.16**  
**Penyimpanan Stok Racun**  
**Tidak Diuruskan Dengan Baik**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Ternakan Karabungan, Miri  
Tarikh: 12 September 2012

- iii. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 25 Januari 2013 menyatakan bahawa padang ragut di Pusat Ternakan Karabungan menghadapi masalah pertumbuhan rumput *giant paspalum* yang di luar kawalan. Jabatan telah berusaha untuk mendapat bantuan dari berbagai pihak untuk mengatasi masalah tersebut tetapi tidak berjaya. Rumput *giant paspalum* adalah spesies rumput dari luar negara yang sangat sukar dihapuskan. Tindakan akan diambil untuk mengemas stor baja dan menggunakan racun dengan segera. Aktiviti ini akan didokumenkan dalam SOP baru yang tengah digubal. Stesen Ternakan Kabuloh pula akan ditutup, semua ternakan dan baja akan dipindahkan ke Pusat Ternakan Karabungan.**

**d. Penyenggaraan Infrastruktur Stesen Kurang Memuaskan**

- i. Secara umumnya, infrastruktur stesen seperti jalan ladang, kandang, pagar kawasan dan pagar padok ada disediakan. Lawatan Audit mendapati sebahagian daripada infrastruktur dan kemudahan sedia ada tidak disenggarakan dan najis ternakan tidak dibersihkan seperti di **Gambar 3.17** hingga **Gambar 3.20**. Keadaan ini boleh menjejaskan kesihatan dan keselamatan ternakan.

**Gambar 3.17**  
**Najis Kambing Yang Tidak**  
**Dibuang Dan Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stesen Ternakan Kabuloh, Miri  
Tarikh: 11 September 2012

**Gambar 3.18**  
**Kandang Kambing Terbiar**  
**Dan Tidak Disenggarakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stesen Ternakan Temudok, Sri Aman  
Tarikh: 19 September 2012

**Gambar 3.19**  
**Kandang Bebiri Yang**  
**Terbiar Dan Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stesen Ternakan Layar, Betong  
Tarikh: 20 September 2012

**Gambar 3.20**  
**Kandang Kambing Yang**  
**Terbiar Dan Tidak Disenggarakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Ternakan Karabungan, Miri  
Tarikh: 12 September 2012

- ii. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 25 Januari 2013 menyatakan bahawa peruntukan untuk pembaikan infrastruktur di stesen adalah sangat terhad dan kebanyakan kandang sudah usang. Walaupun kandang ini tidak digunakan kerana bilangan ternakan yang sedikit, langkah segera akan diambil untuk menebas semak samun di persekitaran kandang tersebut. Kebiasaannya, pembuangan najis hanya dilakukan 2 hingga 3 bulan sekali sekiranya najis tidak berbau atau menjadi tarikan lalat. Najis akan dijadikan baja kompos dan digunakan untuk membaja rumput pastura. Semasa musim hujan, kekerapan untuk membuang longgokan najis akan ditingkatkan.**

**e. Penyenggaraan Kenderaan, Jentera Dan Peralatan Pertanian Kurang Memuaskan**

- i. Kenderaan, jentera dan peralatan pertanian diperlukan bagi melancarkan aktiviti penyenggaraan stesen antaranya pembangunan kawasan tanah, penanaman dan penyenggaraan padang ragut, pembajaan serta kerja pembersihan kawasan stesen. Didapati kesemua stesen yang dilawati telah dibekalkan dengan kenderaan, jentera dan peralatan pertanian bagi memastikan aktiviti stesen dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.
  
- ii. Lawatan Audit pada bulan September 2012 mendapati terdapat kenderaan, jentera dan peralatan pertanian yang telah diluluskan untuk pelupusan seawal tahun 2007 masih belum diambil tindakan. Contohnya adalah seperti di **Gambar 3.21** hingga **Gambar 3.30**.

**Gambar 3.21**  
**Kenderaan Yang Rosak Belum Dilupuskan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Ternakan Karabungan, Miri  
Tarikh: 12 September 2012

**Gambar 3.22**  
**Kenderaan Yang Rosak Belum Dilupuskan**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Ternakan Karabungan, Miri  
Tarikh: 12 September 2012

**Gambar 3.23**  
**Lori Yang Rosak Dan Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Ternakan Karabungan, Miri  
Tarikh: 12 September 2012

**Gambar 3.24**  
**Lori Yang Rosak Dan Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Ternakan Karabungan, Miri  
Tarikh: 12 September 2012

**Gambar 3.25**  
**Traktor Yang Rosak Dan Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Ternakan Karabungan, Miri  
Tarikh: 12 September 2012

**Gambar 3.26**  
**Motosikal Yang Rosak Dan Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Ternakan Karabungan, Miri  
Tarikh: 12 September 2012

**Gambar 3.27**  
**Traktor Yang Rosak Dan Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stesen Ternakan Kabuloh, Miri  
Tarikh: 11 September 2012

**Gambar 3.28**  
**Traktor Yang Rosak Dan Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stesen Ternakan Temudok, Sri Aman  
Tarikh: 19 September 2012

**Gambar 3.29**  
**Motosikal Yang Rosak**  
**Disimpan Di Dalam Stor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stesen Ternakan Layar, Betong  
Tarikh: 20 September 2012

**Gambar 3.30**  
**Motosikal Dan Peralatan Yang**  
**Rosak Disimpan Dalam Stor Baja**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stesen Ternakan Temudok, Sri Aman  
Tarikh: 19 September 2012

- iii. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 25 Januari 2013** menyatakan bahawa langkah untuk melupus kenderaan lama dan tidak boleh diperbaiki di Pusat Ternakan Karabungan dan Stesen Ternakan Kabuloh melalui *Board Of Survey* telah diambil seawal tahun 2003 tetapi tiada tindakan susulan selanjutnya dilaksanakan. Jabatan secara keseluruhannya telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Aset di setiap Bahagian dan Daerah berkuat kuasa 30 Mac 2012 untuk tujuan memantapkan lagi pengurusan aset Jabatan. Urusetia jawatankuasa ini ialah Bahagian Kejuruteraan Jabatan Pertanian.

Pada pendapat Audit, Jabatan hendaklah menguruskan stesen ternakan dari aspek fizikal dan operasi dengan baik supaya tujuan penubuhan stesen ternakan tercapai. Selain itu, Jabatan hendaklah memastikan pengurusan padang ragut dan kandang ternakan dititikberatkan. Penyenggaraan berkala terhadap kenderaan, jentera dan peralatan pertanian juga perlu dipatuhi serta tindakan pelupusan disegerakan.

#### **3.4.4. Perkhidmatan Veterinar**


**3.4.4.1.** Merujuk kepada Seksyen 4, *Veterinary Public Health Ordinance, 1999* Penguasa Veterinar Negeri bertanggungjawab terhadap: pengurusan dan penguatkuasaan Ordinan; mengawal selia import dan eksport ternakan; penubuhan dan pengurusan ladang ternakan; pusat penyembelihan dan pusat pemprosesan makanan; pemeriksaan dan perakuan daging ternakan yang dijual; dan merangka rancangan serta program bagi pengawalan merebaknya penyakit ternakan. Semakan Audit mendapati aktiviti penguatkuasaan dan pengawalan penyakit ternakan ada dijalankan secara *ad hoc* oleh Bahagian Veterinar.

**3.4.4.2.** Bagi menyediakan perkhidmatan untuk menambah baik tahap kesihatan haiwan yang optimum serta memberi khidmat sokongan kepada Bahagian Veterinar, Jabatan telah menubuhkan Makmal Diagnosa Veterinar Negeri pada 7 Ogos 1979. Objektif penubuhan makmal adalah untuk menyediakan perkhidmatan makmal diagnosa dan memantau penyakit haiwan.

**3.4.4.3.** Semakan Audit mendapati 4 unit insinerator telah dibeli dengan kos RM200,000 seunit untuk Makmal Diagnosa Veterinar Negeri, Pejabat Veterinar Bahagian Bintulu, Sarikei dan Miri dalam tempoh 1997 hingga 2004. Semakan Audit seterusnya mendapati insinerator di Makmal Diagnosa Veterinar Negeri sudah tidak beroperasi sejak bulan Ogos 2010. Pada bulan Januari 2011, pihak Makmal Diagnosa Veterinar Negeri mencadangkan kepada Jabatan untuk menghentikan penggunaan semua insinerator disebabkan penggunaannya sukar untuk mematuhi peraturan buangan berjadual seperti kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling (1974) di samping kos penyenggaraan dan pemantauan yang tinggi. Lawatan Audit pada bulan September 2012 ke Pejabat Veterinar Bahagian Miri mendapati insinerator masih belum dipasang dengan lengkap dan tidak pernah digunakan sejak awal tahun 2003. Keadaan insinerator di Makmal Diagnosa

Veterinar Negeri dan Pejabat Veterinar Bahagian Miri adalah seperti di **Gambar 3.31** hingga **Gambar 3.33**.

**Gambar 3.31**  
**Insinerator Tidak Digunakan**  
**Sejak Bulan Ogos 2010**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Makmal Diagnosa Veterinar Negeri  
Tarikh: 5 September 2012

**Gambar 3.32**  
**Insinerator Yang Tidak Siap Dan Tidak**  
**Pernah Digunakan Sejak Tahun 2003**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat Veterinar Bahagian Miri  
Tarikh: 10 September 2012



**Gambar 3.33**  
**Bahagian Insinerator Yang Belum**  
**Dipasang**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat Veterinar Bahagian Miri  
Tarikh: 10 September 2012

**3.4.4.4. Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 25 Januari 2013 menyatakan bahawa aktiviti yang dijalankan oleh Unit Penguatkuasaan termasuk perampasan/pemusnahan ternakan/produk ternakan yang diseludup ke dalam negeri dan premis serta rumah sejuk beku. Perkhidmatan lain adalah pemeriksaan ternakan/produk ternakan di pintu masuk sempadan negeri Sarawak. Insinerator yang diletakkan di Bahagian Miri tidak dipasang kerana Pejabat Residen Miri tidak menyetujui ketinggian insinerator yang dipasang di mana akan menjejaskan landskap dan imej Bandaraya Miri. Insinerator di Bahagian Sarikei, Bintulu dan Kuching adalah berfungsi tetapi Jabatan menghadapi kesukaran untuk mematuhi keperluan Akta Alam Sekeliling (1974) disebabkan kos penyenggaraan dan pemantauan kualiti udara yang amat tinggi. Oleh itu, lesen tidak diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar.**

**Pada pendapat Audit, Bahagian Veterinar perlu menyelenggara rekod lengkap dan kemas kini mengenai aktiviti penguatkuasaan dan kawal selia penyakit ternakan di seluruh negeri Sarawak. Selain itu, keperluan insinerator perlu dirancang dengan rapi sebelum pembelian dibuat bagi mengelakkan pembaziran.**

### **3.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan program pembangunan ternakan di negeri Sarawak dapat mencapai objektif yang ditetapkan dan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang Jabatan Pertanian Sarawak adalah disyorkan:


- 3.5.1.** Mengkaji semula strategi pelaksanaan bagi program pembangunan ternakan.
- 3.5.2.** Memastikan ladang yang menyertai projek EPP5 dipilih daripada ladang di bawah CPP yang telah selesai membuat serahan balik lembu yang dipawahkan.
- 3.5.3.** Memastikan surat perjanjian bagi projek EPP5 ditandatangani sebelum lembu diagihkan.
- 3.5.4.** Memastikan perjanjian kontrak bagi perolehan ternakan ditandatangani bagi menjaga kepentingan Kerajaan.
- 3.5.5.** Memastikan stesen ternakan diurus dengan baik supaya tujuan penubuhan stesen ternakan tercapai terutamanya dari aspek pengurusan padang ragut, penyenggaraan dan pelupusan kenderaan, jentera serta peralatan pertanian.
- 3.5.6.** Memastikan rekod berkaitan dengan program ternakan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini terutamanya rekod mengenai ternakan, aktiviti penguatkuasaan dan kawal selia penyakit ternakan di seluruh negeri Sarawak.
- 3.5.7.** Memastikan perancangan rapi dibuat sebelum melakukan pembelian peralatan yang memerlukan pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling (1974) dan peraturan lain yang berkaitan.

## JABATAN TANAH DAN SURVEI SARAWAK

### 4. PENGURUSAN UKUR KELILING TANAH HAK ADAT BUMIPUTERA

#### 4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Jabatan Tanah Dan Survei (JTS) Sarawak bertanggungjawab terhadap 11 pejabat JTS Bahagian di Sarawak iaitu di Kuching, Sri Aman, Sibu, Miri, Limbang, Sarikei, Kapit, Samarahan, Bintulu, Mukah dan Betong. Visi JTS ialah menjadi sebuah organisasi yang unggul dalam urusan pentadbiran tanah manakala misinya ialah untuk mentadbir dan mengurus tanah untuk menjamin faedah optimum kepada rakyat dan negeri dengan profesional dan integriti sejajar dengan aspirasi Kerajaan Negeri Sarawak. Antara objektif JTS ialah mentadbir tanah supaya dapat digunakan secara cekap dan berkesan menurut undang-undang sedia ada. Negeri Sarawak memiliki tanah seluas 12.44 juta hektar. Butiran terperinci keluasan tanah mengikut klasifikasi adalah seperti di **Carta 4.1**.



Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak


4.1.2. Menurut *Sarawak Land Code (Cap.81)* dan *Land Classification Ordinance 1948*, status tanah negeri dibahagikan kepada 2 iaitu Tanah Kerajaan dan Tanah Berhakmilik. Tanah Kerajaan merupakan Tanah Hak Adat Bumiputera atau *Native Customary Rights (NCR)* yang belum diukur, tanah Kerajaan yang tidak tertakluk kepada tanah NCR (tanah negeri yang belum dan telah diukur serta belum didaftarkan) dan tanah Kerajaan berdaftar. Tanah Berhakmilik pula merupakan tanah yang telah diluluskan (pemberimilikan) dan tanah yang telah diukur serta dikeluarkan hak milik tanah NCR.

4.1.3. Menurut Seksyen 2, *Sarawak Land Code*, tanah NCR didefinisikan sebagai: tanah yang mana hak adat bumiputera sama ada gunasama atau sebaliknya telah wujud secara sah sebelum 1 Januari 1958 dan masih kekal sedemikian; tanah yang dari semasa ke semasa termasuk dalam rizab di bawah Seksyen 6, *Sarawak Land Code* dan Tanah



Kawasan Pedalaman yang mana hak adat bumiputera telah diwujudkan secara sah melalui permit yang dikeluarkan di bawah Seksyen 10, *Sarawak Land Code*. Bagi mengesahkan status tanah NCR, JTS menggunakan kaedah seperti menyemak data daripada *Aerial Photo Interpretation System* (APIS), peta penggunaan tanah terkini, Buku Lapangan (*Field Book*) dan *Cadastral Sheet* serta maklumat daripada Ketua Kaum, warga tua kampung, tuan punya tanah dan penuntut tanah sendiri.

**4.1.4.** Ukur keliling tanah NCR diperkenalkan melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) Sabah/Sarawak *Bumiputera Lab (Bumi Lab)* yang diadakan pada 3 Februari hingga 6 Mac 2010 di bawah inisiatif Kerajaan Persekutuan. *Bumi Lab* dianjurkan oleh PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertujuan untuk mengenal pasti langkah bagi menangani isu unik di Sabah dan Sarawak. Kerajaan Persekutuan dan JTS telah memperkenalkan Program Inisiatif Baru Tanah NCR dan hasil daripada perbincangan *Bumi Lab* di mana peruntukan sejumlah RM60 juta telah diterima daripada Unit Penyelarasan Dan Pelaksanaan, JPM (UPP, JPM) bagi tempoh 2010 hingga 2012. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM47.81 juta telah dibelanjakan setakat tahun 2012. Kerajaan Negeri melalui usaha sama dengan Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan Program Inisiatif Baru Tanah NCR bertujuan untuk mewartakan tanah NCR di negeri Sarawak. Berdasarkan APIS, tanah Kerajaan yang telah diteroka tertakluk kepada tuntutan tanah NCR adalah seperti di **Peta 4.1**.



Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

**4.1.5.** Objektif ukur keliling tanah NCR di bawah Program Inisiatif Baru Tanah NCR bertujuan memberi pemilikan ke atas tanah NCR melalui ukur keliling dan pewartaan di bawah Seksyen 6, *Sarawak Land Code*.

**4.1.6.** Setakat akhir tahun 2012, JTS telah mewartakan tanah seluas 301,551.73 hektar di bawah Seksyen 18, *Sarawak Land Code* dan 203,809 geran hak milik tanah NCR telah dikeluarkan untuk tujuan pertanian dan kediaman di seluruh negeri Sarawak seperti di **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1**  
**Pengeluaran Geran Hak Milik Tanah Di Negeri Sarawak Setakat Akhir Tahun 2012**

Bil.	Bahagian	Pertanian		Kediaman		Jumlah	
		Geran	Keluasan (Ha)	Geran	Keluasan (Ha)	Geran	Keluasan (Ha)
1.	Kuching	15,281	42,467.27	24,973	1,570.35	40,254	44,037.62
2.	Sri Aman	11,141	21,011.13	1,833	745.79	12,974	21,756.92
3.	Sibu	16,904	35,460.92	1,322	41.67	18,226	35,502.59
4.	Miri	15,328	26,145.46	4,695	478.56	20,023	26,624.02
5.	Limbang	19,901	25,868.60	1,498	103.93	21,399	25,972.53
6.	Sarikei	10,314	21,458.43	1,060	50.42	11,374	21,508.85
7.	Kapit	5,411	11,559.21	196	10.09	5,607	11,569.30
8.	Samarahan	20,371	58,850.93	7,726	740.36	28,097	59,591.29
9.	Bintulu	4,647	7,520.57	2,037	103.17	6,684	7,623.74
10.	Mukah	7,227	9,861.06	4,937	296.52	12,164	10,157.58
11.	Betong	21,151	37,011.87	5,856	195.42	27,007	37,207.29
<b>Jumlah</b>		<b>147,676</b>	<b>297,215.45</b>	<b>56,133</b>	<b>4,336.28</b>	<b>203,809</b>	<b>301,551.73</b>

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

## **4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan ukur keliling tanah NCR telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

## **4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan di Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar (KPSAS) Sarawak, JTS Sarawak, Pejabat Pembangunan Negeri, Jabatan Hutan Sarawak, JTS Bahagian Kuching, JTS Bahagian Samarahan dan *Delivery Management Office* (DMO) iaitu Jawatankuasa Bertindak Kerajaan Negeri. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail, data dan dokumen berkaitan pengurusan ukur keliling tanah NCR bagi tempoh 2010 hingga 2012. Temu bual dengan pegawai dan edaran borang soal selidik juga dijalankan untuk mendapatkan maklumat. Lawatan Audit turut dijalankan bagi mengikuti sesi Dialog Meja Bulat dan Dialog Lapangan Tanah NCR.


#### 4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Oktober 2012 mendapati prestasi keseluruhan pengurusan ukur keliling tanah NCR adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Sasaran ukur keliling tanah NCR bagi tempoh 2011 hingga 2012 yang ditetapkan tidak tercapai.
- Perbezaan anggaran keluasan tanah NCR yang dikemukakan semasa perbincangan di *Bumi Lab* dan keluasan tanah NCR untuk ukur keliling di bawah Program Inisiatif Baru Tanah NCR.
- Proses pewartaan mengambil masa yang lama.

##### 4.4.1. Prestasi Ukur Keliling Tanah NCR Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

4.4.1.1. Di bawah Program Inisiatif Baru Tanah NCR, JTS mensasarkan seluas 1.5 juta hektar tanah NCR di negeri Sarawak akan diukur keliling bagi tempoh 2010 sehingga 2016. Pencapaian pengukuran tahunan tanah NCR bagi tempoh 2010 hingga 2012 berbanding sasaran adalah seperti di **Carta 4.2**.



Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

4.4.1.2. Semakan Audit mendapati hanya 1,229,625 hektar daripada 1.5 juta hektar tanah NCR dipohon oleh penduduk bagi tujuan ukur keliling. Setakat akhir tahun 2012, pencapaian kerja ukur keliling bagi tahun semasa adalah 152,121 hektar (56.3%) berbanding sasaran 270,000 hektar manakala keluasan terkumpul tanah NCR yang telah diukur keliling adalah 324,376 hektar (60.1%) berbanding sasaran terkumpul bagi tempoh 2010 hingga 2012 iaitu 540,000 hektar. Menurut Laporan Kemajuan Pencapaian Sebenar Berbanding Sasaran dan Laporan Kemajuan Keseluruhan Terkumpul Inisiatif Baru

Perimeter Survei Tanah NCR, JTS, pencapaian sebenar bagi tempoh 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.2**.

**Jadual 4.2**  
**Pencapaian Sebenar Berbanding Sasaran Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012**

Bil.	Butiran	Tahun			Jumlah
		2010	2011	2012	
1.	Peruntukan (RM Juta)	20.00	30.00	10.00	60.00
2.	Perbelanjaan (RM Juta) / (%)	12.74 (63.7)	17.23 (57.4)	17.84* (178.4)	47.81 (79.7)
3.	Sasaran Keluasan ('000 ha)	20.00	250.00	270.00	540.00
4.	Pencapaian Keluasan ('000 ha) / (%)	20.70 (103.5)	151.55 (60.6)	152.10 (56.3)	324.40 (60.1)
5.	Sasaran (Kawasan)	28	337	1	366
6.	Pencapaian (Kawasan) / (%)	28 (100)	176 (52.2)	- -	204 (55.7)

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

Nota: \* Perbelanjaan menggunakan baki peruntukan tahun 2011

**4.4.1.3. Maklum balas daripada JTS bertarih 25 Januari 2013** menyatakan setelah mengambil kira kawasan yang telah diukur semasa pengukuran terdahulu iaitu operasi penyelesaian dan pewartaan menurut Seksyen 6, *Sarawak Land Code, Sarawak Land Consolidation And Rehabilitation Authority (SALCRA), Land Custody And Development Authority (LCDA)* dan juga kawasan yang telah diluluskan melalui projek Kerajaan seperti model usaha sama, mini estet dan *Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE)*, baki keluasan kawasan yang perlu diukur untuk pengesahan ialah seluas 730,000 hektar.

**4.4.1.4.** Antara sebab sasaran tahunan tidak dapat dicapai adalah kerana penduduk menuntut kawasan yang lebih besar, pertikaian antara penduduk, kes mahkamah, pertindihan dengan Surat Hakmilik Sementara, penduduk memohon pengukuran terus lot individu dan isu persempadanan. Setakat tahun 2012, sebanyak 56 kawasan melibatkan keluasan 103,026 hektar seperti di **Jadual 4.3** menghadapi masalah tersebut di atas.

**Jadual 4.3**  
**Statistik Kawasan Tanah NCR Yang Bermasalah**

Bil.	Bahagian	Bil. Kawasan	Keluasan (Ha)
1.	Bintulu	15	25,472
2.	Betong	4	20,858
3.	Kapit	3	20,622
4.	Miri	9	12,705
5.	Limbang	10	7,820
6.	Sri Aman	6	7,700
7.	Samarahan	7	7,488
8.	Mukah	2	361
9.	Kuching	-	-
10.	Sibu	-	-
11.	Sarikei	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>56</b>	<b>103,026</b>

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

**4.4.1.5.** Mengikut *Key Focus Activities* (KFA) JTS bagi tahun 2011, keutamaan perlu diberikan kepada kerja ukur keliling tanah NCR. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tenaga kerja 110 pasukan ukur hanya dapat dioptimumkan untuk ukur keliling tanah NCR pada 3 bulan pertama dan bulan terakhir setiap tahun bagi memberi laluan kepada kerja ukur lain. **Maklum balas daripada JTS bertarikh 18 Januari 2013 menyatakan bahawa jumlah pasukan ukur dibahagikan mengikut perancangan dan strategi keutamaan projek. Pada kebiasaannya, peruntukan kewangan bagi projek NKRA melibatkan kerja ukur pengambilan balik tanah dan pertapakan hanya akan diterima dalam bulan Mac setiap tahun di mana kerja perlu disiapkan segera bagi memenuhi sasaran 6 bulan proses penyediaan tapak untuk projek yang mempunyai peruntukan kewangan. Oleh yang demikian, agihan dan pengkhususan kerja ukur tanah NCR diberi perhatian pada 3 bulan pertama dan bulan terakhir setiap tahun kerana bermula bulan April fokus diberikan kepada projek NKRA.**

**4.4.1.6.** Jaringan Titik Kawalan Survei (*Survey Control Point Network*) adalah penting sebagai titik rujukan bagi kerja ukur keliling di sesuatu kawasan. Masalah tiada Jaringan Titik Kawalan Survei di 21 kawasan pedalaman seluas 50,318 hektar, kes mahkamah, tugas survei untuk projek NKRA, proses pengambilan balik dan permohonan tanah turut menjejaskan pencapaian kerja ukur di lapangan. Ini menyebabkan sasaran kerja ukur 450 meter sehari tidak tercapai. Butiran terperinci kawasan yang tiada Jaringan Titik Kawalan Survei adalah seperti di **Jadual 4.4** dan contoh pencapaian pasukan ukur adalah seperti di **Jadual 4.5**.

**Jadual 4.4**  
**Senarai Kawasan Yang Tiada Jaringan Titik Kawalan Survei**

Bil.	Kawasan	Bahagian	Keluasan (Ha)
1.	Long Anap, Batang Baram, Silat <i>Land District</i> (LD)	Miri	8,549
2.	Long Seniei, Akah, Baram		3,816
3.	Sungai Magoh dan Sungai Seridan, Long Seridan		2,916
4.	Batang Tinjar, Dulit LD		2,706
5.	Lio Matoh dan Silat, Batang Baram		2,075
6.	Long Tap, Akah, Baram		1,688
7.	Sungai Kubaan dan Sungai Ngela, Long Taa		1,407
8.	Sungai Magoh, Long Seridan		1,105
9.	Lio Matoh, Batang Baram		1,095
10.	Long Balong, Long Banga, Long Sekuan, Baram		954
11.	Sungai Kelapang, Bario		852
12.	Long Peluan		535
13.	Sungai Muput, Tatau	Bintulu	4,257
14.	Kawasan Sungai Sigu, Pandan		3,904
15.	Kawasan Sungai San, Tatau		3,441
16.	Kawasan Sungai Sepurun, Anap, Tatau		2,857
17.	Kawasan Nanga Menua Ulu Atap, Tatau		2,794
18.	Kawasan Sungai Penyarai, Ulu Kukus		1,553
19.	Kampung Penan Long Saoh, Jelalong, Tubau		1,446
20.	Kawasan Sungai Binyo, Ulu Sebauh		1,297
21.	Kawasan Sungai Penyarai, Ulu Kukus		1,071
<b>Jumlah</b>			<b>50,318</b>

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

4.4.1.7. **Maklum balas daripada JTS bertarikh 18 Januari 2013** menyatakan bahawa dalam keadaan yang ideal dengan kapasiti pasukan ukur sedia ada, sasaran kerja ukur 450 meter atau lebih sehari dapat dicapai walaupun agihan tugas pasukan ukur dibahagikan kepada 2 fokus utama iaitu NCR dan projek NKRA. Sasaran kerja ukur tidak dapat dicapai bukanlah disebabkan faktor agihan tugas pasukan ukur tetapi disebabkan oleh permasalahan di lapangan. Untuk menangani masalah ini, JTS telah mewujudkan Jawatankuasa Khas Dialog pada 14 Disember 2012 di mana ianya membantu dalam pelaksanaan dialog di seluruh negeri Sarawak.

**Jadual 4.5**  
**Pencapaian Bagi Pasukan Survei Berbanding Sasaran KPI**

Bil.	Kawasan	Jumlah Kerja Survei	Sasaran Sehari (Meter)	Purata Pencapaian Sehari (Meter)	Purata Perbezaan (Meter)	Penjelasan JTS
1.	Kampung Skra, Nanga Entulang, Tanjung Bijat, Lingga (Kawasan A)	1	450	126	-324	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mencari dan menanam semula peg-peg lama yang kebanyakannya telah hilang</li> </ul>
2.	Sungai Sengab, Bintulu	4		144	-306	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keadaan topografi yang berpaya dan beralun menyebabkan beberapa kawasan ditenggelami air</li> <li>Pertikaian mengenai Titik Kawalan Survei dan ianya jauh daripada kawasan yang hendak diukur</li> </ul>
3.	Sungai Semadong-Sebuti	1		169	-281	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kesukaran mencari Titik Kawalan Survei</li> <li>Masalah kemudahan capaian ke kawasan kerja</li> </ul>
4.	Sungai Saeh dan Sg. Niah, Miri	3		171	-279	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada alasan</li> </ul>
5.	Sungai Ukat Bario	4		190	-260	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada alasan</li> </ul>
6.	Kampung Tegageng Suai, Miri	4		190	-260	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bantahan masyarakat setempat</li> </ul>
7.	Simpang Samarakan, Bintulu	4		209	-241	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keadaan cuaca dari Disember 2010 hingga Januari 2011 menyebabkan beberapa kawasan yang diukur mengalami banjir</li> <li>Pertikaian mengenai Titik Kawalan Survei dan ianya jauh daripada kawasan yang hendak diukur</li> </ul>
8.	Bukit Kisi Sebuti, Miri	2		245	-205	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada alasan</li> </ul>

Bil.	Kawasan	Jumlah Kerja Survei	Sasaran Sehari (Meter)	Purata Pencapaian Sehari (Meter)	Purata Perbezaan (Meter)	Penjelasan JTS
9.	Ibol, Undop	2	450	255	-195	• Masalah tuntutan bertindih dan pertikaian sempadan
10.	Stumbin, Lingga	1		256	-194	• Kawasan pengukuran ditenggelami air
11.	Sungai Tutus, Batang Igan (Kawasan A)	1		280	-170	• Mencari dan menanam semula peg-peg lama yang kebanyakannya telah hilang
12.	Kuala Tatau, Bintulu	1		287	-163	• Kawasan pengukuran ditenggelami air • Masalah kemudahan capaian ke kawasan kerja
13.	Pasai – Siong, Sibu. MLD/ FELCRA Development Scheme	1		309	-141	• Kawasan kerja jauh dan merentasi banyak sungai
14.	Temelan Ili dan Ulu (Kawasan A)	1		318	-132	• Bantahan di lapangan
15.	Bayai, Undop	2		321	-129	• Tiada alasan
16.	Sungai Lipat, Skrang, Sri Aman	7		329	-121	• Kawasan yang diukur berpaya dan sering dilanda banjir
17.	Kaong, Skrang	2		336	-114	• Kawasan yang diukur ditenggelami air akibat banjir dan air pasang surut

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

**4.4.1.8. Maklum balas daripada JTS bertarikh 18 Januari 2013 menyatakan bahawa pencapaian pengukuran dikira berdasarkan jarak sebenar yang diukur dan jumlah hari bertugas serta perjalanan tidak termasuk hari Ahad. Jumlah jarak yang dirintis tidak dikira sebagai *output* walaupun merintis mengambil masa beberapa hari. Perkara lain yang memberi kesan kepada pencapaian kerja ukur adalah keadaan cuaca, masa mencari *origin* (permulaan) dan membuat hitungan awal di kem sama ada *survey computation* hasil kerja pengukuran tersebut boleh diterima atau pengukuran semula perlu diulang di lapangan.**

**4.4.1.9.** Mengikut arahan daripada Ibu Pejabat JTS, semua pasukan ukur hendaklah menyiapkan kerja ukur seperti yang dijadualkan. Semakan Audit ke atas Laporan Kemajuan Kerja Survei yang disediakan oleh pejabat JTS Bahagian mendapati 15 kawasan kerja survei siap lewat daripada jadual. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 4.6.**

**Jadual 4.6****Senarai Kerja Survei Lewat Disediakan Daripada Jadual**

Bil.	Kawasan	Keluasan (Ha)	Sasaran Tarikh Siap	Tarikh Siap Sebenar	Kelewatan (Hari)	Penjelasan JTS
1.	Sungai Semadang/Sungai Sebulan, Bintulu	346.00	11.09.2011	25.10.2011	45	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Titik Kawalan Survei tidak berada pada kedudukan asal</li> <li>• Kesukaran jalan akses</li> </ul>
2.	Pejuang Kelulut Bekenu dan Kampung Tiris, Miri	2,241.00	09.08.2011	15.09.2011	38	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembahagian sempadan komuniti setempat</li> </ul>
3.	Kampung Kuala Suai, Miri	233.00	13.06.2011	18.07.2011	36	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Titik Kawalan Survei berada jauh dari kawasan pengukuran</li> </ul>
4.	Sungai Rabit Lingga, Sri Aman	150.97	18.02.2011	25.03.2011	36	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kawasan yang diukur berada di kawasan air pasang surut</li> <li>• Kesukaran jalan akses</li> </ul>
5.	Baki Tanjung, Samarahan	675.70	29.02.2012	04.04.2012	36	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantahan penduduk setempat</li> </ul>
6.	Batang Suai, Miri	645.00	24.03.2011	26.04.2011	34	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masalah banjir</li> </ul>
7.	Simpang Tambak/Kampung Dato Godam, Pusa	275.00	27.05.2011	25.06.2011	30	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencari dan menanam semula peg-peg lama yang kebanyakannya telah hilang</li> </ul>
8.	Batu 8, Jalan Ulu Oya, Sibu	23.00	15.08.2012	11.09.2012	28	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja tertangguh</li> </ul>
9.	Triboh/Antayan Keropok/Tipen, Samarahan	1,710.10	29.02.2012	02.04.2012	34	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantahan penduduk setempat</li> </ul>
10.			29.02.2012	27.03.2012	28	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantahan penduduk setempat</li> </ul>
11.			29.02.2012	23.03.2012	24	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantahan penduduk setempat</li> </ul>
12.	Kawasan Kuala Tatau, Bintulu	305.00	09.11.2011	05.12.2011	27	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beban tugas</li> <li>• Keadaan topografi yang berpaya dan beralun menyebabkan beberapa kawasan ditenggelami air</li> <li>• Kesukaran jalan akses</li> </ul>
13.	Antayan/Semukoi, Samarahan	446.30	29.02.2012	20.03.2012	21	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantahan penduduk setempat</li> </ul>
14.			29.02.2012	26.03.2012	27	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantahan penduduk setempat</li> </ul>
15.	Kaong Skrang, Sri Aman	193.00	22.02.2012	04.03.2011	12	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kawasan yang diukur ditenggelami air akibat banjir dan air pasang surut</li> </ul>

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

**4.4.1.10. Maklum balas daripada JTS bertarikh 18 Januari 2013 menyatakan bahawa masalah di lapangan merupakan penyumbang kepada kegagalan untuk menyiapkan kerja mengikut jadual. Antara masalah dihadapi adalah seperti kem lapangan berada jauh dari tempat kerja, keadaan geografi yang mencabar, cuaca yang tidak menentu, kurangnya kerjasama penduduk, kesukaran mencari tanda ukur lama dan kesukaran merintis garisan yang dilitupi semak tebal.**



4.4.1.11. Semakan Audit seterusnya terhadap keperluan guna tenaga JTS mendapati 2,315 jawatan telah diluluskan dan hanya 1,883 jawatan telah diisi bagi seksyen yang terlibat. Maklumat terperinci adalah seperti di **Jadual 4.7**.

**Jadual 4.7**  
**Status Perjawatan Bagi Seksyen Survei, Tanah Dan Perhubungan Awam**

Bil.	Seksyen	Tetap			Jawatan Berasaskan Caruman		
		Diluluskan	Diisi	Kosong	Diluluskan	Diisi	Kosong
1.	Survei	1,614	1,351	263	186	156	30
2.	Tanah	327	234	93	168	127	41
3.	Perhubungan Awam	-	-	-	20	15	5
<b>Jumlah</b>		<b>1,941</b>	<b>1,585</b>	<b>356</b>	<b>374</b>	<b>298</b>	<b>76</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>Diluluskan</b>	<b>2,315</b>				
		<b>Diisi</b>	<b>1,883</b>				
		<b>Kosong</b>	<b>432</b>				

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

4.4.1.12. **Maklum balas daripada JTS bertarikh 18 Januari 2013 menyatakan bahawa usaha berterusan bagi mengisi kekosongan jawatan yang telah diluluskan sentiasa dilakukan. Cawangan Survei contohnya, sebanyak 169 jawatan kosong Pekerja Awam dan Pemandu Kenderaan Bermotor akan diisi setelah pengisian jawatan Juruteknik Ukur J17 yang akan mengetuai pasukan ukur. JTS menghadapi masalah dalam pengisian jawatan Juruteknik Ukur J17 kerana tiada lagi penawaran kursus peringkat sijil di IPTA dan IPTS yang menjadi syarat untuk lantikan ke jawatan tersebut.**

Pada pendapat Audit, JTS hendaklah menetapkan sasaran kerja ukur secara realistik dengan mengambil kira faktor luar jangka di lapangan. Di samping itu, JTS hendaklah meningkatkan keupayaan pasukan ukur supaya kerja ukur keliling tanah NCR dapat disediakan mengikut jadual.

#### 4.4.2. Perbezaan Anggaran Keluasan Tanah NCR

4.4.2.1. Laporan *Bumi Lab* Tahun 2010 menganggarkan kos keseluruhan bagi kerja ukur keliling tanah NCR adalah RM69 juta berdasarkan keluasan tanah NCR seluas 730,000 hektar yang dikemukakan oleh JTS. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati JTS telah menyediakan rancangan ukur keliling untuk 1.5 juta hektar tanah NCR bagi Program Inisiatif Baru Tanah NCR. Analisis Audit mendapati kos kerja ukur keliling sehektar berdasarkan anggaran awal 730,000 hektar keluasan tanah NCR adalah RM94.50 sehektar. Sekiranya ini dijadikan asas, kos keseluruhan bagi mengukur keliling keseluruhan 1.5 juta hektar tanah NCR akan mencecah RM141.75 juta. **Maklum balas daripada JTS bertarikh 25 Januari 2013 iaitu selepas teguran Audit menyatakan bahawa pihaknya telah mengkaji semula sasaran kawasan yang tertakluk kepada tuntutan tanah NCR iaitu daripada 1.5 juta hektar kepada 730,000 hektar merangkumi 530,000 hektar Tanah Kawasan Bumiputera dan 200,000 hektar tanah yang tertakluk kepada tuntutan tanah NCR untuk dibangunkan.**

Pada pendapat Audit, JTS hendaklah memastikan anggaran kos ukur keliling adalah berdasarkan anggaran keluasan tanah NCR mengikut rekod JTS yang kemas kini dan faktor luar jangka di lapangan perlu diambil kira. Ini adalah untuk memastikan peruntukan diterima dapat menampung kos keseluruhan ukur keliling tanah NCR sehingga objektif tercapai.

#### 4.4.3. Proses Pewartaan Mengambil Masa Yang lama

4.4.3.1. Mengikut proses kerja ukur keliling tanah NCR bagi tujuan pewartaan tanah NCR di bawah Seksyen 6, *Sarawak Land Code*, tempoh masa yang diambil untuk proses kelulusan permohonan di peringkat Ibu Pejabat JTS dan KPSAS ialah 14 hari bekerja. Semakan Audit ke atas Laporan Penyukatan Inisiatif Baru Tanah NCR dari JTS Bahagian Kapit setakat bulan Oktober 2012 mendapati 11 kawasan melibatkan keluasan 41,747.6 hektar yang mana permohonan tersebut lewat diluluskan antara 66 hingga 154 hari seperti di **Jadual 4.8**.

**Jadual 4.8**  
Senarai Permohonan Ukur Keliling Tanah NCR Yang Lewat Diluluskan

Bil.	Kawasan	Keluasan (Ha)	Tarikh Dikemukakan Ke Ibu Pejabat	Tarikh Diluluskan	Kelewatan (Hari Bekerja)
1.	Melekun – Rumah Achan, Sungai Amang	120.0	18.05.2010	23.08.2010	66
2.	Sipan/Sesawa, Song	1,467.6	18.05.2010	23.08.2010	66
3.	Sungai Menuan, Batang Rajang	3,637.0	29.07.2010	27.12.2010	102
4.	Sungai Belawai, Batang Rajang	4,864.0	29.07.2010	27.12.2010	102
5.	Nanga Mujong/Pulau Won, Balleh Suau LD	2,245.0	29.07.2010	27.12.2010	102
6.	Nanga Mujong/Antawau, Balleh Merirai LD	4,035.0	29.07.2010	27.12.2010	102
7.	Sungai Katibas, Song	7,837.0	29.07.2010	27.12.2010	102
8.	Sungai Bawai - Sungai Mujong	3,991.0	29.07.2010	27.12.2010	102
9.	Sungai Gaat, Balleh Entemu LD	5,343.0	29.07.2010	24.01.2011	122
10.	Sungai Majau, Mujong Majau LD	4,559.0	29.07.2010	24.01.2011	122
11.	Sungai Mateh dan Sungai Betu, Nanga Dia, Batang Rajang	3,649.0	18.05.2011	30.11.2011	154
<b>Jumlah</b>		<b>41,747.6</b>			

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

4.4.3.2. Semakan Audit seterusnya mendapati 24 permohonan melibatkan keluasan 82,941.75 hektar belum mendapat kelulusan daripada KPSAS setakat bulan September 2012 adalah seperti di **Jadual 4.9**.

**Jadual 4.9****Senarai Permohonan Tanah NCR Yang Belum Diluluskan Oleh Ibu Pejabat**

Bil.	Kawasan/Pemohon	Keluasan (Ha)	Tarikh Dikemukakan Ke Ibu Pejabat	Tempoh (Hari Bekerja Setakat 30 September 2012)
1.	Ulu Belawai, Daro	254.18	21.02.2012	152
2.	Tanjung Manis/Serdeng	5,466.00	21.02.2012	152
3.	Loba Kabang dan Batang Igan	42.00	21.02.2012	152
4.	Kampung Lemang Pek, Daro	113.69	21.02.2012	152
5.	Loba Paloh dan Buan, Daro	1,654.31	21.02.2012	152
6.	Jalan Daro/Pangtrey, Daro	136.60	21.02.2012	152
7.	Batang Igan, Matu	339.00	21.02.2012	152
8.	Tarsat Bin Obeng	617.00	21.02.2012	152
9.	JKKK Ulu Baoh Burak	1,224.00	18.05.2012	91
10.	Jeni Ak Alik	472.00	18.05.2012	91
11.	Chini Ak Tawan	800.00	18.05.2012	91
12.	Bukit Sadong, Serian	5,670.25	11.07.2012	54
13.	Tebedu, Serian	8,434.80	11.07.2012	54
14.	Jalan Pengkalan Amo, Serian	2,895.00	11.07.2012	54
15.	Jalan Baki-Riih, Serian	1,065.50	11.07.2012	54
16.	Kampung Tangga, Serian	713.85	11.07.2012	54
17.	Bukit Sebantian, Serian	18,230.20	11.07.2012	54
18.	Kawasan Terbat, Serian	7,472.00	11.07.2012	54
19.	Mongkos/Mentung Serian	13,565.40	11.07.2012	54
20.	Apeng <i>Forest Reserve</i>	3,150.40	16.07.2012	51
21.	Gunung Semuja, Serian	3,737.26	11.07.2012	54
22.	Laily Bin Basri	120.78	09.08.2012	33
23.	Richard Empaling	6,479.00	13.08.2012	31
24.	Pagan Anak Labu	288.53	04.09.2012	17
<b>Jumlah</b>		<b>82,941.75</b>		

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

**4.4.3.3.** Menurut proses kerja pewartaan tanah NCR, 7 hari bekerja diperlukan bagi proses pewartaan daripada pejabat JTS Bahagian sehinggalah warta diluluskan KPSAS. Semakan Audit mendapati berlaku kelewatan di antara 107 hingga 164 hari bekerja bagi 4 kawasan seperti di **Jadual 4.10**.

**Jadual 4.10****Senarai Kawasan Tanah NCR Yang Lewat Diwartakan**

Bil.	Kawasan	Tarikh					Bilangan	
		Memo JTS Bahagian	Terima (Ibu Pejabat)	Terima (Cawangan Tanah)	Hantar (KPSAS)	Diwartakan/ Rujukan	Hari Bekerja	Hari Lewat
1.	Kampung Pangi Lawas	24.03.2011	29.03.2011	05.04.2011	22.08.2011	07.10.2011 Swk LN 106	114	107
2.	Sayung, Sembiling, Batu 8 Limbang	29.03.2011	11.04.2011	14.04.2011	26.09.2011	13.10.2011 Swk LN 123	132	125
3.	Temelan Ili dan Ulu C	05.03.2012	22.06.2012	04.10.2012	10.10.2012	07.11.2012 Swk. LN 146	171	164
4.	Bayai, Undop	24.04.2012	22.06.2012	04.10.2011	29.10.2012	27.11.2012 Swk. LN 160	149	142

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

**4.4.3.4. Maklum balas daripada JTS bertarikh 18 Januari 2013** menyatakan bahawa kelemahan ini disebabkan kekurangan kakitangan dan dijangka dapat diatasi melalui pengisian jawatan gred NT17 setelah diluluskan pada tahun 2013. Penambahbaikan akan sentiasa dilakukan untuk memastikan kelewatan seumpama ini tidak berlaku lagi. Bagi 24 kawasan tersebut, tindakan sedang diambil dengan mengesahkan status tanah, maklumat APIS dan menunggu maklumat tambahan daripada pejabat JTS Bahagian. Maklum balas tersebut turut menyatakan bahawa kelewatan penyediaan warta telah pun dikenal pasti dan tindakan telah diambil. JTS akan memastikan permasalahan berkenaan tidak akan berulang. Penambahbaikan juga telah dilaksanakan di mana salinan *softcopy* draf warta pemberitahu dihantar melalui e-mel kepada KPSAS dan Kamar Peguam Besar Negeri bagi mempercepatkan proses warta serta memudahkan semakan dilakukan.

Pada pendapat Audit, JTS hendaklah memproses pewartaan tanah NCR mengikut norma yang telah ditetapkan.

#### 4.4.4. Publisiti

**4.4.4.1.** Publisiti yang meluas dapat membantu JTS menghebahkan program yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. JTS ada menyiarkan maklumat dari semasa ke semasa di surat khabar dan radio tempatan berkenaan Program Inisiatif Baru Tanah NCR. Kos bagi hebahan mengenai Program Inisiatif Baru Tanah NCR berserta contoh hebahan mengenai program ini adalah seperti di **Jadual 4.11**.

**Jadual 4.11**  
**Hebahan Mengenai Program Inisiatif Baru Tanah NCR**  
**Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012**

Bil.	Butiran	Bulan Penerbitan/Hebahan	Kos (RM)
1.	Iklan Akhbar	Julai hingga September 2011	57,240
2.	Iklan Radio (Sarawakfm dan Waifm Iban)	September hingga Disember 2011	6,560
3.	Iklan Radio (ERA Kuching)	Oktober hingga Disember 2011	25,036
4.	Iklan Radio (Sarawakfm dan Waifm Iban)	Mei hingga Ogos 2012	6,360
<b>Jumlah</b>			<b>95,196</b>

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

**4.4.4.2.** JTS ada menganjurkan 2 jenis dialog iaitu Dialog Meja Bulat dan Dialog Lapangan sebelum melaksanakan kerja pengukuran tanah NCR. Dialog Meja Bulat bertujuan menerangkan berkenaan Program Inisiatif Baru Tanah NCR kepada Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum supaya inisiatif kerajaan ini disampaikan kepada masyarakat yang diwakili oleh mereka. Dialog Lapangan pula bertujuan menerangkan kepada pemilik tanah dan penduduk kawasan mengenai tujuan kerja ukur keliling dijalankan serta mendapatkan keyakinan serta kerjasama mereka semasa kerja ukur keliling dijalankan. Statistik penganjuran dialog yang diadakan bagi tempoh 2010 hingga

2012 adalah seperti di **Jadual 4.12** serta gambar sesi dialog yang diadakan seperti di **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2**.

**Jadual 4.12**  
**Statistik Penganjuran Dialog Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012**

Bil.	Bahagian	Kekerapan Dialog			
		2010	2011	2012	Jumlah
1.	Kuching	6	13	23	42
2.	Sri Aman	7	6	21	34
3.	Sibu	4	6	15	25
4.	Miri	8	24	27	59
5.	Limbang	2	16	17	35
6.	Sarikei	8	20	13	41
7.	Kapit	6	16	7	29
8.	Samarahan	2	7	20	29
9.	Bintulu	4	19	54	77
10.	Mukah	4	12	11	27
11.	Betong	6	29	17	52
<b>Jumlah</b>		<b>57</b>	<b>168</b>	<b>225</b>	<b>450</b>

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

**Gambar 4.1**  
**Sesi Dialog Dengan Penduduk**  
**Tempatan**



Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak  
Lokasi: Kampung Skuduk, Siburan  
Tarikh: 21 September 2010

**Gambar 4.2**  
**Sesi Dialog Dengan Penduduk**  
**Tempatan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Temaga Dayak, Lundu  
Tarikh: 5 Oktober 2012

**Pada pendapat Audit, usaha yang diambil oleh JTS untuk merealisasikan inisiatif Kerajaan berhubung dengan pengukuran tanah NCR adalah langkah yang bijak untuk mendapatkan kerjasama dengan pemilik tanah yang terlibat.**

#### **4.5. SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pengurusan ukur keliling tanah NCR boleh dipertingkatkan dengan mengambil tindakan memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Untuk penambahbaikan dalam pelaksanaan projek yang akan datang adalah disyorkan supaya Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

**4.5.1.** Menetapkan sasaran kerja ukur secara realistik dengan mengambil kira faktor luar jangka di lapangan di samping meningkatkan keupayaan pasukan ukur supaya kerja ukur keliling tanah NCR dapat disiapkan mengikut jadual.

**4.5.2.** Memastikan anggaran kos ukur keliling adalah berdasarkan anggaran keluasan tanah NCR mengikut rekod JTS yang kemas kini dan faktor luar jangka di lapangan perlu diambil kira.

**4.5.3.** Memastikan proses pemertaan tanah NCR mengikut norma yang telah ditetapkan.

# PERBADANAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN SARAWAK

## 5. DAYA BUILDERS SDN. BHD.

### 5.1. LATAR BELAKANG

**5.1.1.** Daya Builders Sdn. Bhd. (DBSB) dahulunya dikenali sebagai Daya Perumahan Sendirian Berhad (DPSB) telah ditubuhkan pada 21 Januari tahun 1975 adalah syarikat usaha sama antara Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC) dan sebuah syarikat bumiputera di mana HDC memiliki 60% saham. Pada 1979, HDC memiliki sepenuhnya baki saham DPSB daripada syarikat bumiputera berkenaan. Berkuat kuasa 10 Mei 2010, DPSB secara rasminya dinamakan sebagai Daya Builders Sendirian Berhad dengan modal dibenarkan RM2 juta dan modal berbayar RM1 juta. Objektif DBSB adalah menjalankan perniagaan sebagai pemaju perumahan, melabur dalam hartanah kelas pertama, menjalankan pengurusan hartanah, bangunan, tanah dan estet mana-mana orang perseorangan, atau perbadanan.

**5.1.2.** Aktiviti utama DBSB adalah pengurusan projek, projek pembangunan perumahan, pembinaan dan membekal perkhidmatan pengurusan hartanah. Sejak tahun 1975 DBSB telah dipilih sebagai kontraktor *turnkey* bagi projek perumahan yang dilaksanakan oleh HDC. Sebanyak 42 projek berjumlah RM859.43 juta telah dilaksanakan yang mana 36 projek berjumlah RM808.94 juta telah siap dan baki 6 projek termasuk perkhidmatan penyenggaraan rumah pangsa HDC berjumlah RM50.29 juta masih dalam pelaksanaan.

**5.1.3.** Lembaga Pengarah DBSB dipengerusikan oleh seorang Ahli Dewan Undangan Negeri dan dianggotai oleh 5 ahli lain iaitu Pengarah Urusan DBSB, wakil daripada HDC, wakil daripada Kementerian Perumahan Sarawak, Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad dan seorang ahli perniagaan. Pengurusan operasi harian DBSB diketuai oleh Ketua Pengarah Operasi dan dibantu oleh 5 kakitangan profesional dan 16 kakitangan sokongan. Struktur organisasi dibahagikan kepada 3 bahagian utama, iaitu Bahagian Penyelenggaraan Hartanah, Bahagian Perkhidmatan Teknikal serta Bahagian Kewangan dan Pentadbiran.

### 5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

### 5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat bagi tempoh 2009 hingga 2012 manakala prestasi kewangan adalah

bagi tempoh 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan di Pejabat DBSB di Jalan Sultan Tengah Kuching dan metodologi pengauditan ialah dengan membuat semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan. Analisis kewangan DBSB merangkumi analisis trend dan nisbah dilakukan berdasarkan kepada penyata kewangan yang telah diaudit bagi tempoh 2009 hingga 2011. Lawatan tapak juga diadakan terhadap projek di Kuching, Sibul, Kanowit, Song, Miri dan Bintulu. Selain itu, temu bual juga dijalankan dengan pegawai syarikat serta penduduk yang tinggal di rumah pangsa HDC yang disenggara oleh DBSB.

#### **5.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2012 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan DBSB adalah memuaskan kerana mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM1.07 juta bagi tahun 2009, RM1.16 juta bagi tahun 2010 dan RM0.27 juta bagi tahun 2011 dan keuntungan terkumpul meningkat 3 tahun berturut-turut berjumlah RM5.24 juta pada tahun 2009 kepada RM6.41 juta pada tahun 2010 dan RM6.57 juta pada tahun 2011. Pengurusan aktiviti DBSB dan tadbir urus korporat adalah memuaskan tetapi wajar dibuat penambahbaikan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Projek pembinaan lewat disiapkan.
- Perolehan kerja/perkhidmatan tidak dibuat secara sebut harga/tender.
- Jawatankuasa Tender dan Kewangan belum ditubuhkan.
- Rancangan Korporat belum disediakan.
- Terma perkhidmatan Setiausaha tidak dipatuhi.

##### **5.4.1. Prestasi Kewangan**

Analisis kewangan dibuat berdasarkan Penyata Kewangan DBSB yang telah diaudit bagi tempoh 2009 hingga 2011. Analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan DBSB.

###### **5.4.1.1. Analisis Trend**

- a. Analisis Audit terhadap penyata kewangan yang telah diaudit mendapati DBSB telah mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi tempoh 2009 sehingga 2011. Keuntungan selepas cukai meningkat 8.6% atau RM0.09 juta iaitu daripada RM1.07 juta pada tahun 2009 kepada RM1.16 juta pada tahun 2010. Namun keuntungan selepas cukai DBSB pada tahun 2011 menurun sebanyak 76.9% atau RM0.89 juta berbanding dengan RM1.16 juta pada tahun 2010. Penurunan ini adalah disebabkan peningkatan perbelanjaan pentadbiran sebanyak 24.4% daripada RM1.75 juta pada



tahun 2010 kepada RM2.18 juta pada 2011. Selain itu, pendapatan langsung DBSB menurun sebanyak 35.9% daripada RM51.29 juta pada tahun 2010 kepada RM32.88 juta tahun 2011. Bagaimanapun keuntungan terkumpul DBSB meningkat 3 tahun berturut-turut daripada RM5.24 juta pada tahun 2009 kepada RM6.41 juta pada tahun 2010 dan RM6.57 juta pada tahun 2011.

- b. Pendapatan langsung DBSB adalah daripada projek pembinaan rumah dan pendapatan daripada kerja penyenggaraan rumah pangsa HDC. Analisis yang dijalankan mendapati pendapatan langsung DBSB bagi tempoh 2009 hingga 2011 adalah berjumlah RM35.84 juta, RM51.29 juta dan RM32.88 juta. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM15.46 juta pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 tetapi menurun RM18.41 juta pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Analisis Audit seterusnya mendapati pendapatan langsung DBSB telah menurun pada tahun 2011 disebabkan tiada projek pembinaan baru. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.1**.

**Jadual 5.1**  
**Pendapatan Langsung Bagi Tempoh 2009 Sehingga 2011**

Bil.	Butiran	Tahun		
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Pembinaan	34.07	49.56	31.20
2.	Penyenggaraan	1.77	1.73	1.68
<b>Jumlah</b>		<b>35.84</b>	<b>51.29</b>	<b>32.88</b>

Sumber: Daya Builders Sdn. Bhd.


- c. Pada tahun 2009, perbelanjaan langsung DBSB adalah sejumlah RM33.04 juta berbanding RM48.25 juta pada tahun 2010 dan RM30.50 juta pada tahun 2011. Perbelanjaan langsung merupakan kos jualan syarikat meliputi pembayaran kepada kontraktor, caj profesional, premium tanah, levi dan setem hasil serta perbelanjaan lain berkaitan projek. Analisis Audit mendapati peningkatan perbelanjaan langsung sejumlah RM15.21 juta atau 46% pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 dan menurun sebanyak RM17.75 juta atau 36.8% pada tahun 2011. Trend ini berpunca daripada peningkatan atau penurunan pembayaran kepada kontraktor.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi Syarikat bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 5.2**, **Carta 5.1** dan **Carta 5.2**.

**Jadual 5.2**  
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi Syarikat  
Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Pendapatan Langsung	35.83	51.29	32.88
Perbelanjaan Langsung	33.04	48.25	30.50
<b>Untung Kasar</b>	<b>2.79</b>	<b>3.04</b>	<b>2.38</b>
Pendapatan Lain	0.20	0.19	0.29
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	1.48	1.75	2.18
<b>Untung Operasi</b>	<b>1.51</b>	<b>1.48</b>	<b>0.49</b>
Kos Kewangan	0.17	0.05	0.05
<b>Untung Sebelum Cukai</b>	<b>1.34</b>	<b>1.43</b>	<b>0.44</b>
Cukai	0.27	0.27	0.17
<b>Untung Selepas Cukai</b>	<b>1.07</b>	<b>1.16</b>	<b>0.27</b>
<b>Keuntungan Berkumpul</b>	<b>5.24</b>	<b>6.41</b>	<b>6.57</b>


Sumber: Daya Builders Sdn. Bhd.

**Carta 5.1**  
Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan  
Keuntungan Berkumpul Bagi Tahun  
Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Daya Builders Sdn. Bhd.

**Carta 5.2**  
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi  
Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Daya Builders Sdn. Bhd.

#### 5.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tempoh 2009 hingga 2011. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 5.3**.

**Jadual 5.3**  
**Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011**

Bil.	Butiran	Tahun		
		2009	2010	2011
1.	Nisbah Semasa	1.54:1	2.93:1	1.56:1
2.	Margin Untung Bersih	3.0%	2.3%	0.8%
3.	Pulangan Ke Atas Aset	0.09:1	0.14:1	0.03:1
4.	Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.21:1	0.19:1	0.06:1

Sumber: Daya Builders Sdn. Bhd.

**a. Nisbah Semasa**

Nisbah ini digunakan bagi menentukan keupayaan aset semasa syarikat bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Norma kedudukan nisbah antara aset semasa dan liabiliti semasa adalah pada kadar 2:1. Analisis Audit mendapati nisbah semasa DBSB bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah 1.54:1, 2.93:1 dan 1.56:1. Ini menunjukkan nisbah semasa DBSB masih boleh menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Pada tahun 2011, nisbah semasa syarikat menunjukkan trend menurun. Sekiranya keadaan ini berterusan, DBSB berkemungkinan akan menghadapi masalah kecairan jangka pendek untuk menampung keseluruhan liabiliti semasanya.

**b. Margin Untung Bersih**

Margin Untung Bersih mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil syarikat dan keupayaan syarikat bagi menjana pendapatan serta mengawal perbelanjaan. Analisis Audit mendapati DBSB mencatat margin keuntungan 3 sen pada tahun 2009, 2 sen pada tahun 2010 dan satu sen pada tahun 2011. Adalah diperhatikan bahawa margin keuntungan ini menurun bagi 3 tahun berturut-turut disebabkan penurunan dalam pendapatan di mana ianya tidak selaras dengan peningkatan dalam perbelanjaan syarikat terutamanya perbelanjaan pentadbiran.

**c. Pulangan Ke Atas Aset**

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Peningkatan nisbah menunjukkan syarikat semakin cekap menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan aset syarikat adalah positif bagi tempoh 2009 sehingga 2011. Pada tahun 2010, ianya mencatat peningkatan pulangan bersih daripada 9 sen pada tahun 2009 kepada 14 sen pada tahun 2010 tetapi menurun kepada 3 sen pada tahun 2011.

#### d. Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah ini mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Peningkatan nisbah menunjukkan syarikat semakin cekap menguruskan modalnya bagi menghasilkan keuntungan. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas ekuiti adalah 21 sen pada tahun 2009, 19 sen pada tahun 2010 dan 6 sen pada 2011. Trend penurunan nisbah ini adalah selaras dengan penurunan margin keuntungan syarikat. **Maklum balas daripada DBSB bertarih 8 November 2012 menyatakan prestasi kewangan syarikat bergantung kepada bilangan projek yang diperoleh daripada HDC. Antara usaha untuk meningkat pendapatan syarikat adalah menyertai tender terbuka Kerajaan Persekutuan, bekerjasama dengan syarikat swasta dalam melaksanakan projek pembangunan perumahan mahupun komersial, berusaha menyediakan *native land* untuk dimajukan di mana peserta akan mendapat manfaat dalam bentuk ekuiti pemilikan dalam syarikat usaha sama. DBSB telah menandatangani perjanjian dengan Dunheved Industries Sdn. Bhd. pada 27 Julai 2012 bagi menubuhkan sebuah syarikat usaha sama, Daya Dunheved Sdn. Berhad. Syarikat ini berperanan untuk membekal produk IBS (*interlocking brick*) bagi projek-projek perumahan yang akan dilaksanakan oleh DBSB. Syarikat juga merancang untuk menjual tanah di Lot 2048, Jalan Semariang, Kuching untuk memperoleh modal kerja sebab DBSB mengalami kesukaran untuk mendapat pinjaman daripada institusi kewangan.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan DBSB adalah memuaskan. Bagaimanapun, trend pendapatan langsung bagi tahun 2011 dan 2012 adalah menurun. DBSB hendaklah mengambil langkah drastik bagi mengukuhkan prestasi kewangan melalui aktiviti utamanya dalam projek pembinaan rumah serta mengawal kos operasinya.

#### 5.4.2. Pengurusan Aktiviti

##### 5.4.2.1. Projek Pembinaan Lewat Disiapkan

- a. Semakan Audit mendapati 2 daripada 6 projek sejumlah RM20.59 juta yang sedang dalam pelaksanaan belum disiapkan dalam tempoh ditetapkan. Semakan seterusnya mendapati HDC telah mengeluarkan 3 lanjutan masa sebanyak 380 hari bagi Projek Pembinaan 68 Unit Rumah Teres Satu Tingkat di Lot 1716, Blok 9 Lukut Land District Kanowit. Bagaimanapun DBSB masih gagal menyiapkan projek ini dalam tempoh lanjutan masa yang diberi iaitu pada 31 Disember 2011 dan HDC telah mengenakan *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) sejumlah RM1,000 sehari mulai 1 Januari 2012. Lawatan tapak pada 3 Julai 2012 mendapati tangki kumbahan belum siap dan pagar rumah condong seperti di **Gambar 5.1** hingga **Gambar 5.3**.

**Gambar 5.1**  
**Tangki Kumbahan Belum Siap**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RMM, Kanowit  
Tarikh: 3 Julai 2012

**Gambar 5.2**  
**Tangki Kumbahan Belum Siap**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RMM, Kanowit  
Tarikh: 3 Julai 2012



**Gambar 5.3**  
**Pagar Rumah Condong**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RMM, Kanowit  
Tarikh: 3 Julai 2012

- b. Bagi Pembinaan 100 Unit Rumah Teres Satu Tingkat di Sebahagian Lot 1234 dan Tanah Kerajaan Negeri di Blok 20 Kemena Land District Bintulu, projek ini gagal disiapkan pada 30 November 2010 dan HDC telah mengeluarkan 6 lanjutan masa sebanyak 791 hari sehingga 31 Januari 2013. Butiran lanjut adalah di **Jadual 5.4**.

**Jadual 5.4**

**Status Projek Pembinaan Yang Sedang Dilaksanakan Setakat Bulan November 2012**

Bil.	Projek	Tarikh Mula	Tarikh Sepatut Siap	Tempoh Lanjutan Masa (Hari)	Jumlah Kontrak (RM Juta)	Status
1.	Pembinaan 68 Unit Rumah Teres Satu Tingkat di Lot 1716, Blok 9, Lukut Land District, Kanowit	17.08.2009	16.12.2010	380	8.09	Projek belum disiapkan selepas diberi 3 lanjutan masa sehingga 31 Disember 2011. <i>Liquidated Ascertained Damages</i> RM1,000 sehari dikenakan mulai 1 Januari 2012

Bil.	Projek	Tarikh Mula	Tarikh Sepatut Siap	Tempoh Lanjutan Masa (Hari)	Jumlah Kontrak (RM Juta)	Status
2.	Pembinaan 100 Unit Rumah Teres Satu Tingkat di Sebahagian Lot 1234 dan Tanah Kerajaan Negeri di Blok 20 Kemena Land District, Bintulu	01.10.2009	30.11.2010	791	12.50	Projek belum disiapkan selepas diberi 6 lanjutan masa sehingga 31 Januari 2013

Sumber: Daya Builders Sdn. Bhd.

- c. **Maklum balas daripada DBSB bertarikh 8 November 2012 dan 30 November 2012** menyatakan projek pembinaan 68 Unit Rumah Teres Satu Tingkat di Kanowit lewat disiapkan disebabkan oleh kelewatan mendapat kelulusan pelan kejuruteraan daripada Jabatan Tanah Dan Survei Sibul. Jabatan Tanah Dan Survei Sibul hanya meluluskan pelan kejuruteraan pada bulan September 2010 setelah masalah saliran dan perparitan selesai. Faktor lain yang menyebabkan kelewatan menyiapkan projek ini adalah disebabkan kelewatan mendapat kelulusan pelan lukisan retikulasi air daripada Jabatan Kerja Raya Sibul. Kerja pemasangan paip utama serta penurapan jalan hanya dilaksanakan pada 13 Oktober 2011 selepas mendapat kelulusan Pelan Retikulasi Air. Bagi Pembinaan 100 Unit Rumah Teres Satu Tingkat di Sebahagian Lot 1234 dan Tanah Kerajaan Negeri di Blok 20 Kemena Land District, Bintulu kelewatan adalah berpunca daripada kelewatan mendapatkan kelulusan Pelan Kejuruteraan dan Bangunan daripada pihak Lembaga Kemajuan Bintulu dan juga kelewatan pihak perunding menghantar cadangan kerja elektrik luaran untuk kelulusan Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak.

#### 5.4.2.2. Perolehan Kerja/Perkhidmatan Tidak Dibuat Secara Tender

- a. Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 01/2006 menekankan bahawa selaras dengan prinsip-prinsip perolehan kerajaan, proses perolehan hendaklah memberi peluang kepada semua yang layak untuk bersaing bagi memastikan tawaran yang kompetitif untuk mendapat nilai faedah yang terbaik manakala Polisi Kewangan dan Manual Prosedur (PKMP) syarikat juga menetapkan polisi dan prosedur perolehan tender dan kontrak. Antaranya perkara yang disenaraikan adalah Jawatankuasa Tender dan Kewangan hendaklah memastikan cara perolehan yang paling menguntungkan kepada syarikat.
- b. Semakan Audit mendapati perolehan bagi 11 daripada 16 projek dibuat secara lantikan terus. Butiran lanjut projek adalah seperti di **Jadual 5.5**.

**Jadual 5.5**  
**Perolehan Kerja/Perkhidmatan Tidak Dibuat Secara Tender**

Bil.	Projek	Kontraktor	Jumlah Kontrak (RM Juta)	Kaedah Perolehan
1.	<i>Proposed Development Of 18 Units Double Storey Semi-Detached Houses - Taman Daya Riang</i>	i. Jurudaya Construction Sdn. Bhd. ii. IMAG Development & Construction Sdn. Bhd.	4.23	Cadangan oleh Jurudaya Construction Sdn. Bhd. untuk melantik IMAG Development & Construction Sdn. Bhd.
2.	<i>Design, Construction and Completion of 156 units rumah Kos Rendah Teres Matang</i>	Oricon Sdn. Bhd.	16.22	Sub kontraktor serta perunding ditetapkan oleh HDC
3.	<i>Design, Construction and Completion of 150 units rumah Kos Rendah Teres Samarahan</i>	LHT Enterprise Sdn. Bhd	16.21	Sub kontraktor serta perunding ditetapkan oleh HDC
4.	<i>Proposed 52 Units Single Storey Low Cost Terraced Houses On Part Of Block 76 Mukah Land district</i>	Redha Services Sdn. Bhd.	6.19	Sub kontraktor serta perunding ditetapkan oleh HDC
5.	<i>Design, Construction and Completion of Proposed 311 units Rumah Kos Rendah Teres on part of Lot 46-47 Block 7, Matang</i>	CDM Resources Sdn. Bhd.	32.34	Sub kontraktor serta perunding ditetapkan oleh HDC
6.	<i>Design, Construction and Completion Of Proposed 100 units rumah Kos rendah Teres On Part Of Lot 1234 And Unregistered State Land, Kemena, Bintulu</i>	Debessa Development Sdn. Bhd.	12.50	Sub kontraktor serta perunding ditetapkan oleh HDC
7.	<i>Construction and Completion of Proposed 68 unit rumah Kos Rendah Teres, Kanowit</i>	Bena ATK Sdn. Bhd.	8.09	Sub kontraktor serta perunding ditetapkan HDC
8.	<i>Construction and Completion of Proposed 28 units rumah Kos Rendah Teres on part of lot 791, Song, Kapit</i>	Golden Harvest Construction Sdn. Bhd.	3.90	Sub kontraktor serta perunding ditetapkan HDC
9.	<i>Proposed construction And Completion Of Upgrading Of Main Boulevard At Sibujaya</i>	Happiwin Development Sdn. Bhd.	9.28	Ditawarkan kepada kontraktor berdasarkan MOU dan prestasi kerja yang baik
10.	<i>Site Clearing And Earthworks For Proposed Phase 2 Mixed Development on Lot 37, to 43, Lot 45-47 Blok 7, Matang Land District, Matang</i>	CDM Resources Sdn. Bhd.	3.82	Sub kontraktor serta perunding ditetapkan HDC
11.	Penyenggaraan Rumah Pangsa Perbadanan Pembangunan Perumahan	i. Usaha Timur Construction ii. ABM Enterprise iii. Perusahaan AMAZA iv. Evergrow RJ General Contractor v. Ihsan Mekar Enterprise vi. Syarikat Maligong Enterprise vii. Jasa Ayah Enterprise	1.76	Sub kontraktor dipilih oleh DBSB
<b>Jumlah</b>			<b>114.54</b>	

Sumber : Daya Builders Sdn. Bhd.  
 Nota : \* Anggaran Harga Kontrak

- c. **Maklum balas daripada DBSB bertarikh 8 November 2012** menyatakan projek pembinaan perumahan yang diperoleh daripada HDC, pemilihan sub kontraktor dilaksanakannya secara lantikan seperti yang terkandung di dalam surat tawaran. Bagi projek yang diperoleh melalui tender terbuka, Cadangan Membina Dan Menyiapkan Balai Polis Sentral Sibu di atas Lot 2643 Daerah Bandar Sibu, dan pembinaan Pusat Pertahanan Awam Negeri Sarawak bertempat di Lot 8769, Blok 18, Salak Land District, pemilihan sub kontraktor adalah berdasarkan *Memorandum of Understanding* semasa di peringkat melengkapkan tender sebagai persetujuan awal di antara kedua belah pihak. Bagi projek cadangan pembinaan dan penyiapan kerja menaik taraf Jalan Utama Boulevard Di Sibujaya, Sarawak, DBSB memilih Happiwin Development Sdn. Bhd. adalah kerana prestasi kerja yang baik semasa membina dan menyiapkan Balai Polis Sentral Sibu.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti adalah memuaskan. Aktiviti pembinaan boleh ditambah baik dengan mendapatkan harga kontrak yang lebih kompetitif dan menguntungkan dengan menubuhkan Jawatankuasa Tender. DBSB perlu mewujudkan mekanisme kawalan terhadap perunding yang dilantik untuk memelihara kepentingan DBSB.

#### 5.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, DBSB tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri, pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan serta polisi dan peraturan dalaman syarikat.

##### 5.4.3.1. Rancangan Korporat Belum Disediakan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 dan amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, Syarikat hendaklah menyediakan strategi perniagaan berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas. Semakan Audit mendapati DBSB belum menyediakan rancangan korporat jangka pendek dan panjang berserta petunjuk prestasi utama bagi melaksanakan aktivitinya. **Maklum balas daripada DBSB bertarikh 8 November 2012** menyatakan objektif penubuhannya merupakan pelaksana utama HDC dalam membangunkan projek perumahan rakyat di seluruh negeri Sarawak. Justeru itu, syarikat tidak menyediakan sebarang strategi perniagaan ataupun petunjuk prestasi yang jelas memandangkan perolehan projek didapati secara terus daripada HDC. Selari dengan penjenamaan syarikat pada 10 Mei 2010, DPSB kini dikenali sebagai Daya Builders Sdn. Bhd. dengan tujuan untuk



bergiat aktif dalam projek pembangunan perumahan mahupun komersial selain dari projek perumahan rakyat. Lembaga Pengarah berhasrat agar syarikat mengembangkan lagi aktiviti perniagaan. Sehubungan itu, pihak pengurusan akan merangka pelan jangka pendek (5 tahun) dan jangka sederhana (10 tahun) yang akan dibentangkan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan Mac 2013. Pada 27 Julai 2012, DBSB telah menubuhkan syarikat usaha sama, Daya Dunheved Industries Sdn. Bhd. dengan Dunheved Industries Sdn. Bhd. untuk membekal *Interlocking bricks*.

#### **5.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam Belum Ditubuhkan**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 dan Buku Hijau Program Transformasi GLC, Syarikat hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Semakan Audit mendapati DBSB belum menubuhkan Jawatankuasa Audit. Bagaimanapun, isu Audit yang dibangkitkan ada dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan didapati DBSB menggunakan khidmat Unit Audit Dalam HDC bagi merancang, melaksanakan pengauditan dan menyediakan laporan.

#### **5.4.3.3. Pembayaran Dividen**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menggariskan bahawa dividen perlu dibayar kepada pemegang saham daripada sebahagian keuntungan syarikat yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan syarikat berkenaan dan cadangan pembayaran dividen perlu dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati DBSB telah membayar dividen RM0.10 juta atau 10% daripada modal berbayar syarikat kepada HDC pada tahun 2011. **Maklum balas daripada DBSB bertarikh 8 November 2012 menyatakan bayaran dividen kepada HDC dilaksanakan setelah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Cadangan pembayaran ini tidak pernah dikemukakan kepada pihak Berkuasa Negeri memandangkan ini merupakan kali pertama pihak HDC mengemukakan tuntutan dividen.**

#### **5.4.3.4. Bayaran Bonus Kepada Kakitangan**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993, telah menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran bonus bagi syarikat kerajaan yang memperoleh keuntungan sebelum cukai yang munasabah. Pekeliling ini juga menetapkan cadangan bayaran bonus kumpulan syarikat subsidiari kerajaan perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan berkenaan sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh sebulan selepas akaun ditutup. Semakan Audit mendapati pembayaran bonus sejumlah RM51,226 dan RM87,644 telah dibuat bagi tahun 2010 dan tahun 2011. Bayaran bonus ada diluluskan oleh Lembaga Pengarah semasa

Mesyuarat Lembaga Pengarah setelah dirujuk dan dipersetujui oleh Menteri Perumahan dan Pembangunan Bandar Sarawak.

#### **5.4.3.5. Terma Perkhidmatan Setiausaha Tidak Dipatuhi**

DBSB telah melantik sebuah syarikat swasta KSK Corporate Services Sdn. Bhd. sebagai Setiausaha Syarikat pada 1 November 2010. Antara terma perkhidmatan setiausaha adalah menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Agung DBSB termasuk mencatat dan menyediakan minit mesyuarat. Semakan Audit mendapati sepanjang mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun 2011, Setiausaha Syarikat tidak menjalankan tugas mengikut terma pelantikan. Minit mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Agung Tahunan telah disediakan oleh Pegawai Tadbir DBSB yang tidak mempunyai kelayakan seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 139A Akta Syarikat 1965. **Maklum balas daripada DBSB bertarikh 8 November 2012 menyatakan mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan September 2012 telah memutuskan untuk melantik Setiausaha Syarikat baru yang berkelayakan bagi mencatat minit mesyuarat Lembaga Pengarah pada masa akan datang.**

#### **5.4.3.6. Pengurusan Kewangan**

Peraturan berhubung pengurusan kewangan DBSB ada dinyatakan pada Polisi Kewangan dan Manual Prosedur (PKMP) dan peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kewangan Negeri. PKMP tersebut mengandungi perkara berkaitan Tadbir Urus Korporat, Laporan Pengurusan, Prosedur Perbankan, Perolehan dan Pembayaran, Penerimaan dan Resit, Tender dan Kontrak Pembinaan, Kontrak Kerja Dalam Pelaksanaan serta Tunai Runcit dan Had Perbelanjaan. Semakan Audit yang dijalankan meliputi kawalan bajet, pendapatan, perbelanjaan, pengurusan sumber manusia dan aset. Hasil pengauditan mendapati perkara berikut:

##### **a. Kawalan Bajet**

Bajet ialah sebahagian daripada perancangan kewangan dan penyediaannya bertujuan untuk memudahkan syarikat mengenal pasti, mengagih dan menggunakan peruntukan yang diterima berdasarkan objektif yang ditetapkan. Bajet yang disediakan perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. DBSB telah menyediakan bajet tahunan dengan menetapkan anggaran pendapatan bagi operasinya serta anggaran perbelanjaan yang meliputi bajet kos jualan, perbelanjaan pentadbiran, anggaran cukai, susut nilai aset serta bajet aliran tunai syarikat. Semakan Audit mendapati bajet tahunan DBSB telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah.

## **b. Kawalan Pendapatan**

Peraturan berhubung kawalan pendapatan DBSB ada dinyatakan di Perkara 7 PKMP. Semakan berdasarkan sampel Audit terhadap amalan pihak DBSB berhubung pendapatan mendapati pendapatan telah diakaunkan dengan betul dan tepat. DBSB juga ada mengeluarkan resit rasmi kepada pembekal dan menyediakan Penyata Penyesuaian Bank dengan tepat dan kemas kini.

## **c. Penubuhan Jawatankuasa Tender dan Kewangan**

Mengikut Perkara 8, PKMP, Jawatankuasa Tender dan Kewangan hendaklah ditubuhkan bagi membuat penilaian dan meluluskan tender. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini belum ditubuhkan dan perkara ini pernah dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam HDC pada Mac 2009. **Maklum balas daripada DBSB bertarikh 30 November 2012 menyatakan keputusan pemilihan tender diberikan sepenuhnya kepada Lembaga Pengarah. Syarikat akan menubuhkan Jawatankuasa Tender yang akan diketuai oleh Pengarah Urusan dan dianggotai oleh Ketua Pegawai Operasi, Pegawai Kewangan dan Jurutera seperti disarankan. Jawatankuasa ini berperanan dalam menilai keupayaan kewangan dan teknikal penender, seterusnya mengesyorkan bilangan penender yang layak kepada Lembaga Pengarah untuk keputusan akhir.**

**Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat DBSB adalah memuaskan tetapi masih perlu dipertingkatkan dengan menyediakan rancangan korporat supaya hala tuju dan prestasi syarikat dapat diukur. DBSB hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Tender dan Kewangan supaya perolehan syarikat adalah lebih telus dan kompetitif.**

## **5.5. SYOR AUDIT**

Bagi usaha menambah baik pengurusan syarikat Daya Builders Sdn. Bhd. adalah disyorkan:

**5.5.1.** Mewujudkan Rancangan Korporat sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat.

**5.5.2.** Meningkatkan koordinasi yang lebih kukuh di antara Daya Builders Sdn. Bhd. dengan perunding.

**5.5.3.** Mengamalkan tender terbuka untuk mendapatkan harga kontrak yang lebih kompetitif.

**5.5.4.** Memperkemas dan mengamalkan tadbir urus korporat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Buku Hijau sebagai amalan terbaik bagi menjaga kepentingan Daya Builders Sdn. Bhd. dan Perbadanan Pembangunan Perumahan.

# LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH SARAWAK

## 6. MAYANG TEA SDN. BHD.

### 6.1. LATAR BELAKANG

**6.1.1.** Mayang Tea Sdn. Bhd. (MTSB) adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang ditubuhkan pada 25 Mei 1983. Modal dibenarkan MTSB ialah RM2 juta dan modal berbayar MTSB berjumlah RM1.69 juta yang dimiliki sepenuhnya oleh Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA). Objektif MTSB ialah melaksanakan projek sosio-ekonomi kerajaan bagi membasmi kemiskinan di kawasan pedalaman.

**6.1.2.** Aktiviti utama MTSB asalnya ialah menanam teh di kawasan ladang seluas 148.02 hektar, memproses dan memasarkan teh. Ladang MTSB tersebut terletak pada ketinggian 800 kaki dari paras laut di Kampung Mayang dan Kampung Engkeroh, Daerah Serian, Bahagian Samarahan. Kilang memproses daun teh dan pejabat MTSB juga terletak di Kampung Mayang di Bahagian Samarahan. Pada bulan November 2011 MTSB telah memutuskan kawasan bekas ladang teh seluas 100 hektar digantikan dengan tanaman kelapa sawit jenis *Clonal* menyebabkan kawasan ladang teh berkurangan menjadi 48.02 hektar.

**6.1.3.** Lembaga Pengarah MTSB dipengerusikan oleh Pengurus Besar SALCRA dan dianggotai oleh 4 ahli lain iaitu Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Luar Bandar, seorang bekas Ahli Parlimen, Ketua Kampung Mayang dan Ketua Kampung Engkeroh. Operasi MTSB diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi dan dibantu oleh 5 kakitangan sokongan. Struktur organisasi dibahagikan mengikut 2 aktiviti utama iaitu Bahagian Korporat dan Bahagian Pengeluaran.

### 6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

### 6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek kewangan bagi tempoh 2009 hingga 2011 dan aktiviti utama syarikat serta tadbir urus korporat bagi tempoh 2010 hingga 2012. Metodologi pengauditan ialah dengan membuat semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan dan temu bual dengan pegawai yang berkenaan. Analisis kewangan syarikat merangkumi nisbah dan trend yang dilakukan terhadap penyata kewangan yang diaudit.

Selain itu, pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat dan lawatan ke ladang teh, kilang dan pejabat MTSB di Bahagian Samarahan turut dijalankan.

#### **6.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dilaksanakan dari bulan Mei hingga Julai 2012, secara keseluruhannya mendapati prestasi kewangan MTSB adalah tidak memuaskan. MTSB mencatatkan kerugian selepas cukai berjumlah RM0.23 juta dan kerugian terkumpul berjumlah RM4.06 juta pada tahun 2011. Terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti penanaman, pemprosesan dan penanaman teh serta tadbir urus korporat seperti berikut:

- Kurang berkemampuan untuk berdaya saing dalam industri teh.
- Rancangan Korporat tidak disediakan.
- Pengurusan ladang teh yang kurang memuaskan.
- Aktiviti promosi yang lemah.
- Hasil jualan teh yang tertunggak.

##### **6.4.1. Prestasi Kewangan**

Analisis kewangan dibuat berdasarkan Penyata Kewangan MTSB yang telah diaudit bagi tempoh 2009 hingga 2011. Analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan syarikat.

###### **6.4.1.1. Analisis Trend**

- a. Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati MTSB telah mencatatkan kerugian selepas cukai bagi tempoh 2009 sehingga 2011. Kerugian selepas cukai berjumlah RM0.49 juta pada tahun 2009, RM0.40 juta pada tahun 2010 dan RM0.23 juta pada tahun 2011. Kerugian terkumpul MTSB pada tahun 2011 adalah berjumlah RM4.06 juta. MTSB tidak pernah mencatatkan keuntungan sejak ditubuhkan pada tahun 1983.
- b. Pendapatan langsung MTSB adalah daripada jualan produk teh seperti teh uncang, *packet tea leaves*, *potbags*, *catering pack*, *3 in 1 milk tea* dan *bulk tea*. Analisis Audit mendapati pendapatan langsung MTSB berjumlah RM180,343, RM172,308 dan RM8,878 bagi tahun 2009, 2010 dan 2011. Ini menunjukkan penurunan RM8,035 atau 4.5% pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 dan RM163,430 atau 94.8% pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Kuantiti jualan produk teh juga menurun daripada 33,476 kilogram pada tahun 2009 menjadi 33,303 kilogram pada tahun

2010 dan 9,418 kilogram pada tahun 2011. Mengikut Laporan Prestasi MTSB pada 31 Disember 2011, antara faktor yang menyebabkan penurunan pendapatan langsung syarikat ialah pulangan jualan daripada ejen akibat produk teh yang tidak laris di pasaran, pengeluaran daun teh telah dikurangkan akibat daripada permintaan pasaran yang lemah, kekurangan sumber kewangan dan tenaga kerja untuk melaksanakan aktiviti promosi serta persaingan daripada jenama lain sama ada untuk pasaran tempatan ataupun eksport. Butiran pendapatan langsung MTSB adalah seperti di **Jadual 6.1**.

**Jadual 6.1**  
**Pendapatan Langsung MTSB Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011**

Bil.	Pendapatan Langsung	2009		2010		2011	
		Kuantiti (kg)	Nilai (RM)	Kuantiti (kg)	Nilai (RM)	Kuantiti (kg)	Nilai (RM)
1.	Teh Uncang	884	33,340	891	35,652	628	24,533
2.	Packet Tea Leaves	2,382	31,860	89	1,392	35	552
3.	Potbags	176	6,908	56	2,281	71	3,108
4.	Catering Pack	8,882	18,990	4,680	30,459	3,510	22,170
5.	3 In 1 Milk Tea	49	768	30	300	205	2,052
6.	Bulk Tea	21,103	97,388	27,557	102,224	4,969	18,692
7.	Pulangan Jualan	-	-8,911	-	-	-	-62,229
<b>Jumlah</b>		<b>33,476</b>	<b>180,343</b>	<b>33,303</b>	<b>172,308</b>	<b>9,418</b>	<b>8,878</b>

Sumber: Mayang Tea Sdn. Bhd.


- c. Perbelanjaan langsung MTSB merupakan kos jualan yang meliputi kos operasi ladang dan kos pemprosesan. Pada tahun 2011, perbelanjaan langsung syarikat berjumlah RM0.06 juta berbanding RM0.34 juta pada tahun 2010 dan RM0.42 juta pada tahun 2009. Perbelanjaan tidak langsung MTSB meliputi perbelanjaan pentadbiran, susut nilai aset bukan semasa dan rosot nilai perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan tidak langsung syarikat berjumlah RM0.32 juta, RM0.27 juta dan RM0.27 juta pada tahun 2009, 2010 dan 2011.
- d. Penghutang dagangan MTSB berjumlah RM0.82 juta, RM0.74 juta dan RM0.60 juta bagi tahun kewangan 2009, 2010 dan 2011. Bagi tahun 2011, penghutang dagangan tertinggi MTSB ialah Syarikat Three Continents Group Sdn. Bhd. sejumlah RM0.25 juta, Syarikat Pembinaan Jinta sejumlah RM0.17 juta dan Syarikat Nam Bee Trading Sdn. Bhd. sejumlah RM0.16 juta. Analisis Audit seterusnya mendapati penghutang dagangan melebihi tempoh setahun pada tahun 2011 adalah RM0.18 juta atau 30% daripada keseluruhan penghutang dagangan RM0.60 juta.
- e. Liabiliti perniagaan MTSB terdiri daripada lain-lain pemiutang dan hutang dengan syarikat induk iaitu SALCRA. Jumlah liabiliti perniagaan MTSB pada tahun 2009, 2010 dan 2011 adalah RM7.31 juta, RM7.37 juta dan RM7.39 juta. Pinjaman jangka panjang RM6.50 juta daripada SALCRA adalah untuk membiayai kos pembangunan ladang teh dan pembinaan kilang teh.

- f. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi Syarikat bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 6.1**, **Carta 6.1** dan **Carta 6.2**.


**Jadual 6.1**  
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi Syarikat  
Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun		
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Pendapatan Langsung	180,343	172,308	8,878
Perbelanjaan Langsung	419,201	343,183	65,093
<b>Rugi Kasar</b>	<b>-238,858</b>	<b>-170,875</b>	<b>-56,215</b>
Pendapatan Lain	63,683	46,100	91,214
Perbelanjaan Tidak Langsung	321,254	271,338	267,328
<b>Rugi Sebelum Cukai</b>	<b>-496,429</b>	<b>-396,113</b>	<b>-232,329</b>
Cukai	4,152	4,160	4,712
<b>Rugi Selepas Cukai</b>	<b>-492,277</b>	<b>-400,273</b>	<b>-227,617</b>
<b>Kerugian Terkumpul</b>	<b>-3,434,155</b>	<b>-3,834,428</b>	<b>-4,062,045</b>

Sumber: Mayang Tea Sdn. Bhd.



Sumber: Mayang Tea Sdn. Bhd.



Sumber: Mayang Tea Sdn. Bhd.

#### 6.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Hasil analisis nisbah kewangan MTSB adalah seperti di **Jadual 6.3**.

**Jadual 6.3**  
**Analisis Nisbah Kewangan MTSB Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011**

Bil.	Butiran	Tahun		
		2009	2010	2011
1.	Nisbah Semasa	0.25:1	0.22:1	0.21:1
2.	Margin Untung Bersih	-275.3%	-229.9%	-2,616.9%
3.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	-0.13:1	-0.11:1	-0.07:1
4.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	-0.14:1	-0.10:1	-0.06:1

Sumber: Mayang Tea Sdn. Bhd.

**a. Nisbah Semasa**

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa MTSB bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah 0.25:1, 0.22:1 dan 0.21:1. Ini menunjukkan nisbah semasa MTSB berada di bawah norma 2:1. Sekiranya keadaan ini berterusan, MTSB berkemungkinan akan menghadapi masalah kecairan jangka pendek untuk menampung keseluruhan tanggungan semasa terutamanya untuk membayar balik pinjaman MTSB.

**b. Margin Untung Bersih**

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah kedudukan syarikat adalah lebih baik iaitu syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati MTSB mencatatkan margin untung bersih -275.3% pada tahun 2009, -229.9% pada tahun 2010 dan -2,616.9% pada tahun 2011.

**c. Pulangan Ke Atas Aset**

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas aset MTSB adalah negatif iaitu -13 sen pada tahun 2009, -11 sen pada tahun 2010 dan -7 sen pada tahun 2011.

**d. Pulangan Ke Atas Ekuiti**

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Analisis Audit mendapati



MTSB mencatat nisbah pulangan ke atas ekuiti negatif iaitu -14 sen pada tahun 2009, -10 sen pada tahun 2010 dan -6 sen pada tahun 2011. **Maklum balas daripada MTSB bertarikh 2 Oktober 2012 menyatakan kerugian disebabkan oleh permintaan yang rendah terhadap produk MTSB dan kos operasi yang tinggi. Margin untung bersih berkurangan disebabkan oleh pengeluaran teh yang rendah dan jualan yang merosot. Nisbah semasa dijangka meningkat hasil daripada jualan tandan kelapa sawit segar di kawasan ladang kelapa sawit yang telah matang.**

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan MTSB adalah tidak memuaskan kerana mencatatkan kerugian terkumpul RM4.06 juta pada tahun 2011. Nisbah semasa MTSB bagi tahun kewangan 2011 masih di paras yang rendah manakala margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti masih negatif.

#### **6.4.2. Pengurusan Aktiviti**

Aktiviti utama MTSB adalah menanam, memproses dan memasarkan teh sejak tahun 1983 serta mula menanam kelapa sawit jenis *Clonal Oil Palm* pada tahun 2011. MTSB tidak pernah mencatatkan keuntungan sejak ditubuhkan pada tahun 1983 sehingga mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM4.06 juta setakat tahun kewangan 2011. Semakan Audit terhadap pengurusan aktiviti MTSB mendapati perkara berikut:

##### **6.4.2.1. Prestasi Pengeluaran Teh Semakin Merosot**

- a. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, kuantiti daun teh yang dipetik dari ladang MTSB ialah 226,362 kilogram atau 19.0% berbanding sasaran 1,189,186 kilogram. Kuantiti daun teh yang dipetik dari ladang MTSB juga semakin menurun iaitu daripada 172,361 kilogram pada tahun 2010 dan 49,014 kilogram pada tahun 2011 menjadi 4,987 kilogram pada tahun 2012. Semakan Audit mendapati kuantiti teh yang dihasilkan ialah 39,287 kilogram atau 16.2% berbanding 242,860 kilogram yang disasarkan. Kuantiti teh yang dihasilkan juga semakin berkurangan iaitu daripada 28,907 kilogram pada tahun 2010 dan 9,571 kilogram pada tahun 2011 menjadi 809 kilogram pada tahun 2012. Kemerosotan dalam kuantiti teh yang dihasilkan seterusnya menyebabkan hasil jualan bagi produk teh MTSB juga merosot. Butiran kuantiti sebenar daun teh yang dipetik dari ladang serta teh yang dihasilkan berbanding sasaran adalah seperti di **Jadual 6.4**.

**Jadual 6.4**  
**Kuantiti Daun Teh Dipetik Dan Dihasilkan Berbanding Sasaran**  
**Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012**

Bil.	Tahun	Kuantiti Daun Teh Dipetik			Kuantiti Teh Dihasilkan		
		Sasaran (kg) (a)	Sebenar (kg) (b)	Peratus (%) (b/a*100)	Sasaran (kg) (c)	Sebenar (kg) (d)	Peratus (%) (d/c*100)
1.	2010	502,212	172,361	34.3	105,465	28,907	27.4
2.	2011	585,849	49,014	8.4	117,170	9,571	8.2
3.	2012	101,125	4,987	4.9	20,225	809	4.0
<b>Jumlah</b>		<b>1,189,186</b>	<b>226,362</b>	<b>19.0</b>	<b>242,860</b>	<b>39,287</b>	<b>16.2</b>

Sumber: Mayang Tea Sdn. Bhd.

- b. **Maklum balas daripada MTSB bertarikh 2 Oktober 2012 menyatakan penurunan ini berpunca daripada penyenggaraan ladang teh yang minimum dan tidak mengikut jadual disebabkan oleh masalah kekurangan peruntukan kewangan.**

#### 6.4.2.2. Keluasan Ladang Teh Semakin Berkurangan

- a. MTSB memulakan operasi menanam teh di ladang seluas 168 hektar pada tahun 1983 dengan menyewa tanah daripada 200 penduduk kampung dengan kadar sewa RM100 se hektar setahun. Bagaimanapun, mengikut Pelan Strategik SALCRA Bagi Tempoh 2010 Hingga 2020, tanah seluas 19.98 hektar telah diserahkan balik kepada pemilik tanah pada tahun 2007 kerana kesukaran MTSB untuk menyenggara kawasan tersebut. Semakan Audit mendapati pada bulan November 2010, Lembaga Pengarah MTSB bersetuju untuk menggantikan 100 hektar ladang teh dengan tanaman kelapa sawit jenis *Clonal Oil Palm*. Kos bagi menanam kelapa sawit dibiayai oleh SALCRA dan akan dipindahkan kepada MTSB apabila tanaman kelapa sawit mengeluarkan hasil.
- b. Mengikut Laporan Kemajuan Projek Pembangunan Tanah Baru Untuk Penanaman Kelapa Sawit Seluas 100 Hektar yang disediakan oleh MTSB, setakat bulan Julai 2012 kawasan seluas 78 hektar telah ditanam dengan kelapa sawit. Lawatan Audit ke ladang MTSB di Kampung Mayang pada bulan Mei 2012 mendapati kawasan ladang tersebut telah ditanam dengan kelapa sawit seperti di **Gambar 6.1** dan **Gambar 6.2**.

**Gambar 6.1**  
**Kawasan Ladang Teh Diganti Dengan**  
**Tanaman Kelapa Sawit**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Mayang, Daerah Serian.  
Tarikh: 9 Mei 2012

**Gambar 6.2**  
**Kawasan Ladang Teh Diganti Dengan**  
**Tanaman Kelapa Sawit**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Mayang, Daerah Serian.  
Tarikh: 9 Mei 2012

- c. **Maklum balas daripada MTSB bertarikh 2 Oktober 2012 menyatakan keputusan ini dibuat bagi mengelakkan MTSB menanggung kerugian yang berterusan. Kakitangan tetap MTSB akan diserapkan ke syarikat subsidiari SALCRA yang lain, kilang teh akan dijadikan stor dan disewa kepada SALCRA manakala mesin pembungkusan akan digunakan untuk kontrak pembungkusan bagi pengeluaran teh yang lain.**

#### **6.4.2.3. Penyenggaraan Ladang Teh Tidak Dilakukan Mengikut Jadual**

- a. Kerja penyenggaraan ladang seperti membaja, meracun dan membersihkan kawasan ladang hendaklah dijalankan mengikut program dan jadual penyenggaraan yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap rekod penyenggaraan mendapati kerja penyenggaraan tidak dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Contohnya kerja membaja langsung tidak dijalankan pada tempoh 2010 hingga 2011 dan sekali pada tahun 2012 berbanding 2 kali setahun mengikut jadual. Kerja meracun pula hanya dilakukan 1 hingga 2 kali sahaja setahun berbanding 4 kali setahun mengikut jadual dan ini menjejaskan pengeluaran serta kualiti daun teh. Mengikut laporan Unit Audit Dalam SALCRA pada bulan November 2009 berhubung pengauditan khas terhadap operasi dan pengurusan MTSB, kerja penyenggaraan tidak dijalankan mengikut jadual disebabkan jualan yang merosot dan kekurangan peruntukan kewangan. Bilangan sebenar kerja penyenggaraan ladang teh berbanding sasaran yang ditetapkan adalah seperti di **Jadual 6.5**.

**Jadual 6.5**


**Program Penyenggaraan Ladang Teh Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012**

Bil.	Program	Tahun 2010		Tahun 2011		Tahun 2012	
		Jadual	Sebenar	Jadual	Sebenar	Jadual	Sebenar
1.	Membaja	2 kali	-	2 kali	-	2 kali	1 kali
2.	Meracun	4 kali	2 kali	4 kali	-	4 kali	1 kali
3.	Membersih Kawasan	2 kali	-	2 kali	-	1 kali	2 kali
4.	Mencantas	1 kali	1 kali	1 kali	1 kali	2 kali	-
5.	<i>Glarcida/Lopping Shade</i>	2 kali	-	2 kali	-	-	-

Sumber: Mayang Tea Sdn. Bhd.


- b. Lawatan Audit seterusnya pada bulan Julai 2012 mendapati sebahagian kawasan ladang teh tidak disenggara dan terbiar seperti di **Gambar 6.3** dan **Gambar 6.4**.

**Gambar 6.3**  
**Pokok Teh Yang Tidak Disenggara**  
**Dan Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Engkeroh, Daerah Serian.  
Tarikh: 4 Julai 2012

**Gambar 6.4**  
**Pokok Teh Yang Tidak Disenggara**  
**Dan Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Engkeroh, Daerah Serian.  
Tarikh: 4 Julai 2012

- c. **Maklum balas daripada MTSB bertarikh 2 Oktober 2012 menyatakan ladang teh tidak disenggara mengikut jadual disebabkan oleh masalah kewangan dan keputusan pihak pengurusan untuk menggantikan tanaman teh yang mengalami kerugian kepada tanaman kelapa sawit.**

**6.4.2.4. Bilangan Hari Bekerja Buruh Ladang Tidak Memuaskan**

Mengikut laporan Unit Audit Dalam SALCRA pada bulan November 2009 berhubung pengauditan khas terhadap operasi dan pengurusan MTSB pada tahun 2008, daun teh di semua kawasan ladang hanya dipetik purata sekali sebulan dan ada kawasan yang hanya dipetik 3 kali setahun. Laporan tersebut juga menyatakan bahawa kurang daripada 10 buruh bekerja pada bulan Februari 2008 dan kurang daripada 20 buruh bekerja pada bulan Mac 2008 yang menyebabkan kurang daripada 1,000 kilogram daun teh dipetik setiap hari berbanding 30 buruh yang diperlukan untuk memetik 2,000 kilogram daun teh setiap hari. Selain itu, purata bilangan hari bekerja seorang buruh pada tahun 2008 ialah 7.5 hari sebulan. Bilangan pekerja yang berkurangan disebabkan gaji yang diberi kepada pekerja adalah purata RM168 sebulan bagi pekerja ladang berdasarkan upah RM0.35 bagi setiap kilogram daun teh yang dipetik. Semakan Audit seterusnya mendapati

bilangan buruh ladang menunjukkan trend menurun iaitu purata 139 buruh sebulan pada tahun 2009, 91 buruh pada tahun 2010, 20 buruh pada tahun 2011 dan 16 buruh pada tahun 2012. **Maklum balas daripada MTSB bertarikh 2 Oktober 2012 menyatakan ini disebabkan oleh kekurangan peruntukan kewangan untuk membiayai kos operasi ladang.**

#### **6.4.2.5. Kakitangan MTSB Tidak Mempunyai Kepakaran Dalam Industri Teh**

Mengikut Cadangan Pelan Perniagaan Untuk MTSB Tahun 2006, MTSB memerlukan kakitangan yang boleh menjalankan kajian dan penyelidikan serta merangka aktiviti promosi produk teh dengan berkesan bagi meningkatkan hasil pengeluaran ladang, aktiviti pemprosesan, mutu, jualan serta pemasaran produk supaya dapat terus bersaing di pasaran. Semakan Audit mendapati MTSB tidak mempunyai kakitangan yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan dalam industri teh. MTSB diurus oleh seorang Ketua Pegawai Operasi yang mempunyai kelayakan dalam bidang perakaunan serta dibantu oleh 5 kakitangan sokongan yang tidak pernah mengikuti latihan formal mengenai aktiviti penanaman, pengeluaran dan pemasaran teh. Mengikut Cadangan Pelan Perniagaan Untuk MTSB Tahun 2006, kakitangan yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam industri teh sukar diperolehi serta melibatkan kos yang tinggi. Semakan Audit seterusnya mendapati Lembaga Pengarah pada bulan November 2008 bersetuju agar seorang pelatih eksekutif perladangan SALCRA ditempatkan di MTSB untuk dilatih dalam bidang agronomi dan pemprosesan teh. Setakat tarikh pengauditan, adalah didapati tiada pelatih eksekutif perladangan SALCRA ditempatkan di MTSB bagi tujuan tersebut. **Maklum balas daripada MTSB bertarikh 2 Oktober 2012 menyatakan pihak MTSB tidak berupaya mendapatkan kakitangan pakar dalam industri teh disebabkan permintaan gaji yang tinggi.**

#### **6.4.2.6. Conversion Rate Daun Teh Semakin Berkurangan**

- a. *Conversion rate* bermaksud kadar peratusan teh yang dihasilkan daripada daun teh yang dipetik. Mengikut laporan Unit Audit Dalam SALCRA pada bulan November 2009 berhubung pengauditan khas terhadap operasi dan pengurusan MTSB, *conversion rate* daun teh menurun dari 20.8% pada tahun 2004 menjadi 17.2% pada tahun 2008. Sasaran *conversion rate* daun teh yang dipetik untuk menghasilkan teh ialah 21% bagi tahun 2010 serta 20% bagi tahun 2011 dan 2012. Semakan Audit mendapati *conversion rate* daun teh sebenar adalah 16.8% pada tahun 2010, 19.5% pada tahun 2011 dan 16.2% pada tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 6.6**.

**Jadual 6.6****Conversion Rate Daun Teh Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012**

Bil.	Tahun	Kuantiti Daun Teh Dipetik (kg) (a)	Kuantiti Teh Dihasilkan (kg) (b)	Conversion Rate (%) (b/a*100)
1.	2010	172,361	28,907	16.8
2.	2011	49,014	9,571	19.5
3.	2012	4,987	809	16.2
Jumlah		226,362	39,287	17.4

Sumber: Mayang Tea Sdn. Bhd.

- b. **Maklum balas daripada MTSB bertarikh 2 Oktober 2012 menyatakan penurunan terhadap conversion rate adalah kerana kualiti daun teh yang dipetik dari ladang tidak memuaskan akibat ladang teh kurang disenggara dan masalah mesin lama yang digunakan di kilang untuk memproses teh.**

**6.4.2.7. Kilang Memproses Teh****a. Penggunaan Mesin Di Bawah Kapasiti**

Kilang memproses teh yang dibina pada tahun 1984 mempunyai kapasiti untuk menghasilkan 400 metrik tan teh setahun. Semakan Audit mendapati kilang tersebut hanya menghasilkan 28.91 metrik tan pada tahun 2010, 9.57 metrik tan pada tahun 2011 dan 0.89 metrik tan pada tahun 2012. Mengikut Cadangan Pelan Perniagaan Untuk MTSB Tahun 2006 dan laporan Unit Audit Dalam SALCRA pada bulan November 2009 berhubung pengauditan khas terhadap operasi dan pengurusan MTSB, mesin di kilang MTSB tidak dapat berfungsi dengan baik dan kerap mengalami kerosakan. Ini menyebabkan berlakunya penurunan dalam *conversion rate* daun teh yang dihasilkan dan meningkatkan kos pengeluaran.

**b. Kebersihan Kilang Kurang Memuaskan**

Mengikut laporan Unit Audit Dalam SALCRA pada bulan November 2009 berhubung pengauditan khas terhadap operasi dan pengurusan MTSB, keadaan kebersihan kilang yang kurang memuaskan serta atap dan dinding kilang juga merupakan sebahagian daripada sebab produk teh MTSB tidak mendapat pengiktirafan Sijil Halal dari JAKIM, Sijil *Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP)*, *Good Agricultural Practices (GAP)*, *Good Manufacturing Practicing (GMP)* atau MS ISO 9001: 2000. Ini menyebabkan hasil jualan produk teh MTSB terjejas kerana produk teh yang dihasilkan sukar dipasarkan di dalam dan luar negara. Mengikut Cadangan Pelan Perniagaan Untuk MTSB Tahun 2006, sejumlah RM1.42 juta diperlukan bagi menambah baik kilang dan mengganti mesin kilang MTSB dengan teknologi baru. Lawatan Audit ke kilang memproses teh MTSB pada bulan Mei dan Julai 2012 mendapati kilang tersebut masih menggunakan atap dan dinding asbestos serta

kelengkapan di kilang yang diperbuat daripada besi telah berkarat. Keadaan dan infrastruktur kilang MTSB adalah seperti di **Gambar 6.5** hingga **Gambar 6.8**.

**Gambar 6.5**  
**Kilang Memproses Teh MTSB**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kilang MTSB, Daerah Serian.  
Tarikh: 4 Julai 2012

**Gambar 6.6**  
**Kilang Masih Menggunakan Bumbung Dan Dinding Asbestos**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kilang MTSB, Daerah Serian.  
Tarikh: 4 Julai 2012

**Gambar 6.7**  
**Tempat Pengeringan Daun Teh**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kilang MTSB, Daerah Serian.  
Tarikh: 9 Mei 2012

**Gambar 6.8**  
**Tempat Pengeringan Daun Teh Yang Telah Berkarat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kilang MTSB, Daerah Serian.  
Tarikh: 9 Mei 2012

- c. **Maklum balas daripada MTSB bertarikh 2 Oktober 2012 menyatakan MTSB tidak menambah baik kilang dan mesin kerana kekangan kewangan dan ketidakupayaan syarikat untuk meneruskan perniagaan dalam industri teh serta bersaing dengan pengeluar teh yang lebih besar.**

#### 6.4.2.8. Pemasaran Produk Teh

##### a. Aktiviti Promosi Kurang Memuaskan

- i. MTSB menjual produk teh melalui agen dan juga secara jualan terus. Mengikut perjanjian antara MTSB dan 2 agen iaitu Syarikat Three Continents Group Sdn. Bhd. dan Syarikat Nam Bee Trading Sdn. Bhd., aktiviti promosi produk teh MTSB

akan dilakukan oleh agen seperti yang dikehendaki dalam perjanjian. Mengikut laporan Unit Audit Dalam SALCRA pada bulan November 2009 berhubung pengauditan khas terhadap operasi dan pengurusan MTSB, Syarikat Three Continents Group Sdn. Bhd. belum memasarkan produk teh MTSB di Semenanjung Malaysia seperti yang dirancang memandangkan pasar raya di Kuala Lumpur mengenakan yuran yang tinggi iaitu sehingga RM200,000 sebelum produk *Sarawak Tea* boleh dipasarkan. Semakan Audit tidak dapat mengesahkan sama ada agen ada melakukan aktiviti promosi produk teh MTSB kerana tiada laporan bulanan dikemukakan oleh agen kepada MTSB.

- ii. Semakan Audit seterusnya mendapati MTSB ada menjalankan aktiviti promosi dengan menyertai program Pesta Benak Sri Aman pada tahun 2010 serta Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Sejiwa Senada pada tahun 2011. MTSB belum menyediakan pelan serta jadual promosi dan promosi melalui media cetak seperti surat khabar serta media elektronik seperti radio dan televisyen juga tidak dilakukan. Hasil tinjauan Audit pada bulan Ogos 2012 di 5 pasar raya dan kedai runcit di Bandaraya Kuching mendapati produk *Sarawak Tea* tiada di pasaran. **Maklum balas daripada MTSB bertarikh 2 Oktober 2012 menyatakan MTSB tidak dapat menjalankan aktiviti promosi dengan giat kerana kos yang tinggi untuk membayar promoter dan sambutan orang ramai amat kurang terhadap produk teh MTSB. Aktiviti promosi dan mencuba sampel produk dilakukan di pasar raya oleh pihak agen dan kakitangan MTSB.**

#### **b. Terma Perjanjian Dengan Agen Tidak Melindungi Kepentingan MTSB**

- i. Terma perjanjian dengan 2 agen yang ditandatangani pada bulan Februari 2008 adalah untuk memasarkan dan mengedar produk teh bagi pasaran tempatan, Semenanjung Malaysia dan antarabangsa. Semakan Audit mendapati:
  - Agen hanya membayar kepada MTSB sekiranya produk teh berjaya dijual.
  - Agen boleh membuat margin keuntungan antara 15% hingga 20% daripada harga jualan produk teh MTSB.
  - Agen akan menerima komisen 10% sekiranya berjaya mendapatkan tender daripada pihak Kerajaan atau swasta.
  - Agen tidak perlu membayar deposit kepada MTSB terhadap produk teh yang telah diterima daripada MTSB untuk dijual.
  - Klausula berhubung tempoh bayaran oleh agen kepada MTSB tidak dinyatakan dalam perjanjian.



- ii. Akibatnya hasil MTSB berkurangan dan berisiko kehilangan produk yang dijual secara kredit serta menyebabkan tunggakan hutang sejumlah RM0.41 juta sehingga tahun 2011. Semakan Audit seterusnya mendapati agen tidak mengemukakan laporan berhubung pemasaran, stok dan pulangan jualan setiap bulan kepada MTSB seperti yang dinyatakan dalam perjanjian. Agen hanya mengemukakan kepada MTSB laporan akhir tahun berhubung baki stok dan pulangan jualan. **Maklum balas daripada MTSB bertarikh 2 Oktober 2012 menyatakan kesukaran mencari agen yang sesuai untuk memasarkan produk teh dengan mengenakan jaminan sekuriti atau deposit/jaminan bank kecuali MTSB mempunyai banyak produk lain selain teh. Tempoh kredit tidak dinyatakan dalam perjanjian tetapi ada dinyatakan pada invoice yang dikemukakan kepada agen.**

**Pada pendapat Audit, pengurusan MTSB adalah lemah dan tidak berkemampuan untuk berdaya saing dalam industri teh. Lembaga Pengarah MTSB juga telah membuat keputusan untuk menggantikan tanaman teh dengan kelapa sawit serta tidak meneruskan operasi penanaman dan pengeluaran teh.**

#### **6.4.3. Tadbir Urus Korporat**

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, MTSB tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan.

##### **6.4.3.1. Rancangan Korporat**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 dan amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Semakan Audit mendapati MTSB belum menyediakan rancangan korporat jangka pendek dan panjang berserta petunjuk prestasi utama. **Maklum balas daripada MTSB bertarikh 2 Oktober 2012 menyatakan Lembaga Pengarah MTSB telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan operasi teh dan rancangan strategik untuk MTSB akan ditentukan oleh pengurusan SALCRA.**

#### **6.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 dan Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Unit Audit Dalam berperanan merancang dan melaksanakan pengauditan serta menyediakan laporan kepada Jawatankuasa Audit bagi memastikan sama ada wujudnya kawalan dalaman yang berkesan dalam pengurusan sesebuah organisasi. Semakan Audit mendapati MTSB belum menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam. Unit Audit Dalam SALCRA ada melaksanakan pengauditan khas terhadap operasi dan pengurusan MTSB pada tahun 2009. **Maklum balas daripada MTSB bertarikh 2 Oktober 2012 menyatakan kerja pengauditan adalah di bawah Unit Audit Dalam SALCRA dan laporan pengauditan akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Audit SALCRA.**

#### **6.4.3.3. Pengurusan Kewangan**

Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan meliputi kawalan bajet, pendapatan, perbelanjaan, pelaburan, pinjaman, pengurusan sumber manusia dan aset. Adalah didapati MTSB mengguna pakai prosedur kewangan SALCRA tetapi belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah MTSB.

#### **6.4.3.4. Pemantauan**

Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku Hijau Program Transformasi GLC, Lembaga Pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekali pada tahun 2010, tiada dalam tahun 2011 dan sekali pada tahun 2012. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah berkaitan aktiviti syarikat, bajet dan kewangan serta isu pentadbiran dan sumber manusia. Mesyuarat Agung Tahunan juga diadakan setiap tahun bagi membuat keputusan berhubung pelantikan ahli Lembaga Pengarah, pengesahan penyata kewangan tahunan dan pelantikan juruaudit luar. Semakan Audit seterusnya mendapati MTSB ada menyediakan laporan prestasi berhubung keselamatan dan kesihatan pada setiap bulan untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan SALCRA.

**Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat MTSB boleh ditambah baik dengan menyediakan Rancangan Korporat dan mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya.**

## **6.5. SYOR AUDIT**

Memandangkan Lembaga Pengarah Mayang Tea Sdn. Bhd. telah memutuskan untuk tidak meneruskan operasi ladang teh melalui mesyuarat pada bulan Julai 2012, pengurusan Mayang Tea Sdn. Bhd. adalah disyorkan:

**6.5.1.** Menyediakan perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang berserta petunjuk prestasi utama sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat dalam bidang baru yang diterokai.

**6.5.2.** Membuat kutipan dan mengambil tindakan terhadap hutang yang masih tertunggak.

**6.5.3.** Mengoptimumkan sumber yang sedia ada untuk memberi pulangan ekonomik.





---

**PENUTUP**



# PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

## **JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**20 Februari 2013**









**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**  
NO. 15, ARAS 1-5  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)